

Jilid I
BU. 36



Hari Isnin
30hb Oktober, 1989

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
House of Representatives

PARLIMEN KETUJUH
Seventh Parliament

PENGGAL KETIGA
Third Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 6677]

ATURANURUSANMESYUARAT:

Rang Undang-undang Jualan Barang (Negeri-negeri Melayu) (Pindaan dan Perluasan)—Menarik Balik [Ruangan 6743]

Rang Undang-undang Perbekalan 1990 [Ruangan 6744]

USUL:

Anggaran Pembangunan 1990 [Ruangan 6744]

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT YANG KETUJUH

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KETIGA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, D.K.I., D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., PIS. (Kubang Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO' SERI DR LING LIONG SIK, S.P.M.P., D.P.M.P. (Labis).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' SERI S. SAMY VELLU, S.P.M.P., S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).

Menteri Perusahaan Utama, DATO' SERI DR LIM KENG YAIK, S.P.M.P., D.P.C.M. (Beras).

„ Menteri Pertahanan, Y.B.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., S.S.A.P., P.M.K. (Kota Bharu).

„ Menteri Kerjaraya, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

„ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' SERI RAFIDAH AZIZ, S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

„ Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kehakiman, DATO' DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, S.I.M.P., P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).

„ Menteri Pertanian, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, D.S.D.K., D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).

Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN YONG KUET TZE, D.A., P.N.B.S. (Padawan).

„ Menteri Pendidikan, TUAN ANWAR BIN IBRAHIM (Permatang Pauh).

„ Menteri Luar Negeri, DATO' HAJI ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).

Menteri Kewangan, DATO' PADUKA DAIM ZAINUDDIN, D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok).

- Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN LEE KIM SAI, P.P.N. (Hulu Langat).
- „ Menteri Belia dan Sukan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P. (Pekan).
- „ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATUK KASITAH BIN GADDAM, P.G.D.K. (Kinabalu).
- „ Menteri Kesihatan, TUAN NG CHENG KIAT (Klang).
- „ Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.I.M.P., S.S.I.J., P.N.B.S., D.P.M.S., K.M.N. (Pulau).
- „ Menteri Kebudayaan dan Pelancongan, DATO' HAJI SABBARUDDIN CHIK, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh).
- „ Menteri Perusahaan Awam, DATO NAPSIAH BINTI OMAR, D.S.N.S. (Kuala Pilah).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR MOHAMAD YUSOF BIN HAJI MOHAMED NOR, D.P.M.T., J.M.N., S.M.T., P.P.T. (Setiu).
- „ Menteri Kebajikan Masyarakat, DATO' MUSTAFFA BIN MOHAMMAD, D.P.M.J., K.M.N., PLS., B.S.I. (Sri Gading).
- „ Menteri Buruh, DATO' LIM AH LEK, D.S.A.P., S.M.T., JP. (Bentung).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, DATO HAJI MOHAMED AHIN BIN HAJI DAUD, D.I.M.P., J.M.N., A.M.N., A.M.P. (Rompin).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN D. P. VIJANDRAN (Kapar).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., J.M.N. (Paloh).
- " Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DATO' S. SUBRAMANIAM, D.S.N.S., D.P.M.J., S.M.J. (Segamat).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., A.M.P., A.M.K. (Pasar Salak).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Awam, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA, S.M.J. (Batu Pahat).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan dan Pelancongan, DATO' NG CHENG KUAI, D.P.M.P., A.M.P. (Lumut).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, DATO' ALEXANDER Yu LONG LEE, D.P.M.P. (Batu).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMED, D.I.M.P. (Jerantut).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR SITI **ZAHARAH BINTI SULAIMAN, D.I.M.P. (Mentakab).**
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' KOK WEE KIAT, A.M.N. (Selandar).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, TUAN WOON SEE CHIN, S.M.J., A.M.N., P.I.S. (Senai).
- „ Timbalan Menteri Buruh, TUAN KALAKAU UNTOL (Tuaran).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' LOKE YUEN YOW, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN OSU BIN HAJI SUKAM (Papar).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN RAILEY BIN HAJI JAFFREY (Silam).
- „ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, K.M.N., P.B.S. (Sarikei).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DATIN PADUKA HAJJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, DATO' ALIAS BIN MD. ALI, D.P.M.T., S.M.T., K.M.N., P.J.K. (Hulu Terengganu).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, RAJA DATO' ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN, D.S.D.K., S.M.S. (Baling).
- „ Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS, D.S.N.S. (Jempol).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, DR LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, DATO' DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN ABDUL GHANI BIN OTHMAN, S.M.J. (Ledang).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DRS SULEIMAN BIN MOHAMED (Titiwangsa).
- „ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, CIK TENG GAIK KWAN, A.M.N., P.P.N. (Raub).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DR TING CHEW PEH (Gopeng).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, TUAN HAJI AWANG BIN JABAR, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Dungun).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATO' HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD, D.I.M.P. (Tumpat).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat, TUAN PETER CHIN FAH KUI (Lambir).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, TUAN ONG TIN KIM (Teluk Intan).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan, TUAN ABDUL RAMAN BIN SULIMAN, P.M.P., A.M.P. (Parit Buntar)
- „ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN OTHMAN BIN ABDUL, A.M.P., P.P.T. (Pendang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN MOHAMED BIN JAMRAH, A.M.P., P.P.T., J.P. (Bagan Datok).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN ADAM BIN ABDUL KADIR (Kuantan).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN CHUA JUI MENG, P.I.S. (Bakri).
- „ TUAN ABDOL MULOK BIN AWANG DAMIT (Labuan).
- „ DATO' ABDUL AJIB BIN AHMAD, D.G.S.M., D.P.M.J., B.S.I. (Mersing).
- „ DR ABDUL HADI BIN DERANI, K.M.N., A.M.K. (Kota Setar).
- „ DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim Bandar Baharu).
- „ TUAN HAJI ABDUL MANAF BIN HAJI AHMAD, A.M.N., A.M.P., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN HAJI ABDUL RAHMAN BIN BAKAR (Marang).
- „ TUAN HAJI ABDUL RAZAK BIN HAJI ABU SAMAH, D.S.M., A.M.N., P.J.K. (Lembah Pantai).
- „ DATUK PATINGGI TAN SRI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- „ DATO' ABDULLAH AHMAD, S.J.M.K., D.P.M.K., P.N.B.S., A.D.K. (Kok Lanas).
- „ DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).
- „ TUAN HAJI NIK ABDULLAH BIN HAJI ARSHAD, S.M.K. (Pengkalan Chepa).
- „ DATO' DR AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap).

Yang Berhormat TUAN AHMAD BIN OMAR, P.P.N. (Pagoh).

- „ TUAN HAJI BASRI BIN BAJURI, K.M.N., S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat).
- „ DATUK BERNARD GILUK DOMPOK, P.G.D.K. (Penampang).
- „ TUAN HAJI BUJANG BIN HAJI Uus (Simunjan).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ TUAN CHEW KAM HOY, A.M.K., J.P. (Padang Serai).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Bukit Mertajam).
- „ TUAN SAMSON CHIN CHEE TSU (Tawau).
- „ DR V. DAVID (Puchong).
- „ TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong).
- „ DR ENG SENG CHAI (Petaling Jaya).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ TUAN GERARD MATH LEE MIN, A.S.D.K. (Gaya).
- „ TUAN HAJI GHAZALI BIN AHMAD, A.M.N., P.C.K. (Jerai).
- „ DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ TUAN GOO HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN HASHIM BIN SAFIN *alias* SHAFAIN, A.M.N. (Tanah Merah).
- „ TUAN HSING YIN SHEAN (Tanjong Aru).
- „ TUAN HAJI HUSSEIN BIN HAJI TAIB, P.P.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN HU SEPANG (Rasah).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN ALI (Pasir Mas).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
- „ DATO' ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, D.P.M.T., S.M.T., A.M.N. (Kemaman).
- „ TUAN JAWAH ANAK GERANG (Lubok Antu).
- „ TUAN JAMES JIMBUN ANAK PUNGGGA, P.B.S. (Kapit).
- „ TUAN JUSTINE ANAK TEMENGGONG JINGGUT (Ulu Rajang).
- „ DATUK KADOH AGUNDONG, P.G.D.K. (Padas).
- „ DATO' HAJI KAMARUZAMAN BIN HAJI AHMAD, D.P.M.S., J.M.N., A.M.N., J.P. (Tanjung Karang).
- „ TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN LAINUS ANAK ANDREW LUWAK (Serian).
- „ TUAN LAU DAK KEE (Pasir Pinji).

- Yang Berhormat TUAN LAW LAI HENG *alias* GOH LAI HENG, P.I.S., B.S.I., K.M.N.,
A.M.N. (Pontian).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Bukit Bintang).
- „ DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).
- „ TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).
- „ TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).
- „ PUAN LING CHOOI SIENG (Kluang).
- „ TUAN MADATANG BIN MOREJAL (Bandau).
- „ TUAN MAIDOM P. PANSAI (Kota Belud).
- „ TUAN MICHAEL ASANG, B.S.K. (Jambongan).
- „ TUAN HAJI MOHAMAD BIN ABDULLAH, P.J.K. (Maran).
- „ DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, D.J.M.K., K.M.N., A.M.N.,
P.B. (Nilam Puri).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN HAJI ISA, A.M.N., **PS.** (Kuala Kerai).
- „ TUAN HAJI MOHAMED SAM BIN HAJI SAILAN, A.M.N., P.I.S., B.S.I.
(Muar).
- „ TUAN MOHAMED TAWFIK BIN TUN DR ISMAIL (Sungai Benut).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN YAAKOB (Rantau Panjang).
- „ DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM,
D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- „ TUAN MOHAMMAD SUBKY BIN HAJI ABDUL RAOF, A.M.N., P.J.M.
(Balik Pulau).
- „ TUAN HAJI MOHAMMED YUSOFF BIN HAJI ABDUL LATIFF, J.P.
(Tasek Gelugor).
- „ DATUK SERI HAJI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM, D.G.S.M.
(Alor Gajah).
- „ TUAN MOHD. NOH BIN RAJAB (Tampin).
- „ TUAN HAJI MOHD. SHARIF BIN JAJANG, A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- „ TUAN MOHD. TAMRIN BIN ABDUL GHAPAR (Batu Berendam).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZIHIN BIN HAJI MOHD. HASSAN (Larut).
- „ DATO' MUSA BIN HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J., S.P.M.S., D.U.N.M.,
S.P.N.S. (Kota Tinggi).
- „ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUM, S.M.N., S.P.D.K.,
S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P. S.P.C.M., K.C.R.L., K.ST.J.
(Limbawang).
- „ TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).

Yang Berhormat TUAN NASRUDDIN BIN HAJI ALANG SAIDIN, A.M.P. (Parit).

- „ TUAN NGOI THIAM WOH (Kampar).
 „ DR NICHOLAS MUNONG ANAK IBAU (Rajang),
 „ TUAN NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Kimanis).
 „ TUAN JOE OJIHI SUPIRING (Marudu).
 „ Tuan Ong Tee Keat (Ampang Jaya),
 „ DATO' Oo GIN SUN, D.S.D.K., S.D.K., A.M.K., J.P. (Alor Setar).
 „ DATUK JOSEPH PAIRIN KmNGAN (Keningau).
 „ TUAN M. G. PANDITHAN, K.M.N. (Tapah).
 „ DR PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).
 „ TUAN P. PATTO (Ipoh).
 „ TUAN PETER PAUL DASON (Bayan Baru).
 „ DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., P.C., K.M.N.,
 A.M.N. (Saratok).
 „ TUAN PITTING BIN HAJI MOHD. ALI (Kinabatangan).
 „ DATO' RADZI BIN SHEIKH AHMAD, D.P.M.P. (Kangar).
 „ DATIN PADUKA HAJJAH RAHMAH BINTI OTHMAN, D.P.M.S., J.S.M.,
 S.M.S., A.M.P., P.J.K. (Shah Alam).
 „ DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).
 „ Y.B.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M.,
 S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).
 „ DATO' HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N.,
 P.J.K. (Tasik Chenderoh).
 „ DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, S.P.D.K., J.P. (Semporna).
 „ TUAN SHAHIDAN BIN KASSIM, A.M.P. (Arau).
 „ DATO SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
 „ PUAN HAJJAH SHARIFAH DORAH BINTI DATO' SYED MOHAMMED,
 S.M.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Parit Sulong).
 „ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
 „ TUAN S. S. SUBRAMANIAM, P.J.K., A.M.S. (Hulu Selangor).
 „ TUAN TAIMAN BIN LUMAING (Pensiangan).
 „ DATUK DANIEL TAJEM ANAK MIRI, P.N.B.S., J.M.N. (Batang
 Lupar).
 „ TUAN TAN KOK WAI (Sungai Besi).
 „ DR TAN SENG GIAW (Kepong).
 „ TUAN TEOH TEIK HUAT (Bagan).

Yang Berhormat TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).

- „ TUAN TIEU SUNG SENG *alias* TIU SIING SENG (Sibu),
- „ TUAN TING CHEK MING (Batu Gajah).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ TUAN HAJI WAN OMAR BIN WAN MAJID, S.M.K., P.P.N. (Pasir Puteh).
- „ TUAN WANG CHOON WING, A.M.N. (Lipis).
- „ DATUK HAJI YAHAYA BIN MOHD. SHAFIE, P.S.D., P.M.P., A.M.P., A.M.N., J.P. (Tambun).
- „ PUAN SITI ZAINABON BINTI ABU BAKAR (Tebrau).
- „ DATO' ZAINAL ABIDIN BIN JOHARI, D.S.D.K., K.M.N., P.P.N., B.K.M., P.J.K., J.P. (Sik).
- „ DATO' ZAINAL ABIDIN BIN ZIN, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai).
- „ DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K. (Besut).
- „ TUAN ZUBIR BIN EMBONG (Kuala Terengganu),

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Dato' Haji Wan Zahir bin Sheikh Abdul Rahman,
D.P.M.P., J.S.M.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid, A.M.N.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Ketua Penyunting: Hj Yahya bin Manap.

Penyunting Kanan: P. B. Menon.

Penyunting Kanan: Haji Osman bin Sidik.

Penolong Penyunting: N. Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Amran bin Ahmad.

Pelapor Perbahasan Parlimen:

Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim.

Su Soon Chuan.

Norwahidah binti Azizi.

Rozita binti Abdul Samad.

Jainah binti Sakimin.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Isnin, 30hb Oktober, 1989

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-*
pengerusikan Mesyuarat)

**JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAAN**

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan
D. P. Vijandran):** Yang Berhormat Dr
V. David.

*(Soalan No. 1 Y.B. Dr V. David
tidak hadir).*

**MENCARIGALI MINYAK
DI PANTAI KEDAH**

2. Tuan Ghazali bin Ahmad minta
Perdana Menteri menyatakan:

- (a) hasil penggerudian minyak di
Pantai Kedah dalam kawasan
PM 1; dan
- (b) bilakah projek mengeluarkan
gas atau petrol akan mula ber-
operasi penuh dalam kawasan
tersebut.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri
dan Menteri Kehakiman (Dato' Dr
Sulaiman bin Haji Daud):** Tuan Yang
di-Pertua, kontrak mencarigali
kawasan PM 1 (Ini bukan Perdana
Menteri) di Pantai Kedah telah diberi
kepada satu konsortium yang diketuai
oleh Sun Malaysia Petroleum Co.
pada 11hb Disember, 1987. Kawasan
ini belum lagi dibangunkan untuk me-
ngeluarkan minyak dan gas kerana
syahkat berkenaan masih lagi men-

jalankan kerja-kerja di peringkat men-
carigali. Syarikat ini telah men-
jalankan kajian seismik di kawasan ini
dan telah menggerudi sebuah Telaga
Rambang (wildcat well) pada bulan
Ogos yang lepas, tetapi minyak tidak
ditemui di telaga tersebut. Pada masa
ini telaga kedua sedang digerudi dan
sebuah telaga lagi dijangka akan
digerudi selepas penggerudian telaga
kedua selesai. Telaga keempat
dijangka akan digerudi pada tahun
1991 bergantung kepada hasil peng-
gerudian ketiga-tiga telaga di atas dan
juga kepada data seismik yang
dijangka akan diperolehi pada tahun
hadapan.

Pengeluaran minyak dan gas di ka-
wasan PM 1 akan bergantung kepada
penemuan daripada penggerudian
telaga rambang. Sekiranya minyak
dan gas ditemui di dalam kuantiti yang
komersial pengeluarannya botelilah
dirancangkan sewajarnya. Pada ke-
biasaannya pembangunan sesebuah
lapangan minyak atau gas mengambil
masa lebih kurang empat tahun
sebelum operasi pengeluaran sepenuh-
nya boleh dimulakan.

Tuan Hashim bin Safin: Tuan Yang
di-Pertua, soalan tambahan. Sekira-
nya operasi pengeluaran hasil dari-
pada penggerudian membolehkan
pengeluaran, saya ingin mendapat
tahu apakah bentuk ekuiti dari segi
modal asing, modal tempatan dan
kalau boleh ekuiti bumiputera di
dalam syarikat yang akan mengeluar-
kan pengeluaran minyak nanti.

Dato' Dr Sulaiman bin Haji Daud:
Tuan Yang di-Pertua, kumpulan
syarikat yang ada ini merupakan

kumpulan syarikat yang terdiri daripada syarikat-syarikat daripada luar negara kita, kecuali PETRONAS carigali yang mempunyai 15% daripada syer yang ada sekarang. Saya kurang pasti sama ada apabila minyak ataupun gas itu ditemui nanti, syarikat-syarikat berkenaan ataupun kumpulan syarikat ini sanggup menimbangkan permohonan dari bumiputera dalam shareholding ini. Tetapi setakat ini PETRONAS Carigali sahaja mempunyai 15% daripada equity dalam syarikat ini.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat Tuan Nurnikman bin Abdullah.

(Soalan No. 3 Y.B. Tuan Nurnikman bin Abdullah tidak hadir).

KONSEP ZOPFAN

4. Tuan Lee Lam Thye minta Menteri Luar Negeri menyatakan pendirian sebenar Kerajaan dan negara-negara ASEAN yang lain terhadap tawaran Kerajaan Singapura untuk memberikan kemudahan-kemudahan ketenteraan kepada Amerika Syarikat yang merupakan satu penyelewengan dari konsep ZOPFAN. Adakah pendirian Malaysia telah diberitahu secara resmi kepada Singapura dan apa pula reaksi republik itu.

26. Tuan R. Karpal Singh minta Menteri Luar Negeri menyatakan kedudukan Negara berkenaan dengan tawaran Singapura untuk membenarkan kemudahan tentera kepada Amerika Syarikat.

31-10-89

11. Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad minta Menteri Luar Negeri menyatakan:

- (a) adakah Kerajaan telah menduga bahawa Amerika dan Singapura telah mengadakan muafakat untuk menjadikan Singapura sebagai pengkalan tentera Amerika sebelum perkara itu diberitahu secara resmi oleh Kerajaan Singapura;

(b) setakat ini apakah maklumat yang disampaikan oleh Singapura berhubung dengan pengkalan itu dan apakah reaksi Kerajaan terhadapnya;

(c) adakah rancangan mengalihkan pengkalan Amerika ke Singapura itu disebabkan kurangnya kempen dari pentadbiran negara sekarang terhadap mengekalkan Asia Pasifik sebagai rantau berkecuali; dan

(d) bersetujukah Yang Berhormat Menteri bahawa beban hutang yang ditanggung oleh Kerajaan mempengaruhi sikap Kerajaan yang tidak begitu lantang menolak rancangan Amerika menjadikan Singapura sebagai pengkalan barunya.

6-11-89

12. Dr Abdul Hadi bin Derani minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk membantah sikap Kerajaan Singapura yang baru-baru ini bercadang untuk menawarkan kemudahan kepada pihak Amerika Syarikat membina sebuah pengkalan tentera udara di negara tersebut. Adakah cadangan pembinaan pengkalan tentera udara sebuah kuasa besar di negara tersebut bercanggah dengan dasar ZOPFAN ASEAN yang juga dianggotai oleh Singapura.

8-11-89

27. Tuan Mutang Tagal minta Menteri Luar Negeri menyatakan pendirian Malaysia terhadap tawaran Singapura baru-baru ini kepada Amerika Syarikat untuk menggunakan kemudahan-kemudahan militer Singapura; adakah ini bercanggah dengan konsep Bebas, Awam dan Berkecuali (ZOPFAN) yang diamalkan oleh ASEAN di rantau ini; memandangkan Indonesia, Thailand, Brunei dan Filipina mempunyai pemikiran yang berlainan bersabit dengan perkara ini, apakah langkah yang diambil oleh Malaysia supaya

rundingan dibuat supaya ada kata sepakat diterima oleh semua anggota ASEAN dalam perkara ini.

9-77 -89

7. Dato' Haji Mohammad Abu Bakar Rautin Ibrahim minta Menteri Pertahanan menyatakan:

- (a) apakah pendirian Kerajaan Malaysia berkenaan dengan pengkalan-pengkalan tentera oleh kuasa-kuasa besar dunia di negara-negara ASEAN yang mungkin bertentangan konsep ZOPFAN; dan
- (b) untuk mengelakkan kemasukan tentera-tentera kuasa besar dunia di kawasan negara-negara ASEAN adakah Kerajaan Malaysia akan mencadangkan satu pakatan baru negara-negara ASEAN di dalam bidang ketenteraan dan buat masa sekarang apakah persefahaman yang sedia wujud di antara negara-negara ASEAN berkenaan latihan bersama KETENTERAAN.

10-11-89

10. Tuan Mohamad Subky bin Haji Abdul Raof minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah reaksi Negara-negara ASEAN khususnya Malaysia mengenai hasrat Kerajaan Singapura memberi kebenaran kepada Amerika Syarikat menempatkan kelengkapan ketenteraannya di Republik itu. Sejauh mana ia akan menjejaskan perjanjian tahun 1971 yang menjadikan rantau ini sebagai Zon Aman, Bebas dan Berkecuali itu.

14-11-89

7. Tuan Ahmad bin Omar minta Menteri Luar Negeri menyatakan pendirian Kerajaan di atas rancangan Pengunduran Pengkalan Tentera Amerika dari negara anggota ASEAN dan seterusnya penubuhan Pengkalan Tentera Amerika di negara anggota

ASEAN yang lain. Sejauh manakah peranan Malaysia dalam penentuan sikap dan Dasar Negara tersebut sebagai salah sebuah negara anggota ASEAN.

11-12-89

9. Tuan Gooi Hock Seng minta Menteri Dalam Negeri menyatakan keadaan sekarang berkenaan Negara Singapura membenarkan Amerika Syarikat membina taraf tentera di negaranya.

13. Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan minta Menteri Luar Negeri menyatakan langkah-langkah Kerajaan Malaysia terhadap Singapura yang membenarkan pengkalan asing ditempatkan di situ dan setakat manakah ini menjejaskan keamanan serantau.

Timbalan Menteri Luar Negeri (Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan): Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, saya memohon menjawab soalan ini bersama-sama dengan soalan-soalan Ahli-ahli Yang Berhormat dari Jelutong pada hari ini, Pengkalan Chepa pada 31-10-89, Hulu Langat pada 3-11-89, Kota Setar pada 6-11-89, Bukit Mas pada 8-11-89, Kuala Kedah pada 9-11-89, Balik Pulau pada 10-11-89, Pagoh pada 14-11-89 dan Bukit Bendera dan Larut pada 11-12-89 yang semuanya berkisar kepada perkara yang sama, iaitu tawaran Singapura untuk menjadi tuan rumah kepada kemudahan-kemudahan ketenteraan Amerika Syarikat.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Boleh.

Dato' Dr Abdulah Fadzil bin Che Wan: Tuan Yang di-Pertua, Malaysia pertama kalinya diberitahu oleh Kementerian Luar Negeri Singapura mengenai perkara ini apabila satu pasukan peninjau teknikal Amerika Syarikat dihantar melawat Singapura

pada bulan Jun 1989 yang lalu untuk memastikan kemudahan-kemudahan tentera laut dan udara yang boleh digunakan oleh pihak tentera Amerika Syarikat di situ. Kementerian Luar Negeri Singapura memaklumkan bahawa tawaran Singapura itu dibuat sebagai menyahut seruan Filipina supaya negara-negara ASEAN yang lain ikut serta memikul beban politik terhadap penempatan pengkalan tentera Amerika Syarikat di Filipina. Ia juga bertujuan untuk mengekalkan kehadiran Amerika Syarikat di rantau ini memandangkan pihak Amerika Syarikat mungkin menghadapi masalah untuk melanjutkan tempoh perjanjian pengkalan-pengkalannya di Filipina apabila perjanjian yang berkaitan tamat pada tahun 1991. Juga dinyatakan bahawa tawaran Singapura itu mungkin dapat membantu Amerika Syarikat dalam rundingan-rundingannya dengan Filipina.

Perlu saya nyatakan bahawa pada awalnya tidaklah ada apa-apa perundingan diadakan di antara Malaysia dan Singapura mengenai tawaran itu. Tindakan Singapura tersebut hanya merupakan pemberitahu semata-mata.

Tuan Yang di-Pertua, pendirian Malaysia mengenai tawaran Singapura itu adalah jelas seperti yang telahpun diumumkan beberapa kali. Malaysia tidak bersetuju kepada penubuhan suatu pengkalan tentera Amerika Syarikat yang baru di Singapura atau di mana-mana jua di rantau ini. Pendirian Malaysia adalah berasaskan kepada komitmen negara kita bersama-sama dengan negara-negara ASEAN yang lain untuk mengujudkan suatu kawasan yang Aman, Bebas dan Berkecuali ataupun ZOPFAN di rantau ini apabila perkembangan-perkembangan mengizinkan berbuat demikian. Bagi pencapaian matlamat ini, ASEAN telah bersetuju bahawa pengkalan-pengkalan yang sedia ada adalah dianggap sementara belaka yang tentunya akan ditutup bila mana

masa yang sesuai. Oleh yang demikian, penubuhan suatu pengkalan baru adalah bercanggah dengan persekutuan bersama tersebut dan ia mungkin menjejaskan, dengan izin, credibility, ASEAN di kacamata dunia luar. Selain daripada itu sebarang tambahan kepada jumlah pengkalan-pengkalan Amerika Syarikat dahpada yang sedia ada di Filipina mungkin akan menguatkan lagi hasrat Soviet Union untuk terus mengekalkan pengkalan-pengkalannya di Vietnam.

Namun demikian, Malaysia tidak mempunyai sebarang halangan sekiranya tawaran Singapura itu tidak melibatkan penempatan tetap anggota-anggota tentera Amerika Syarikat di Singapura dan hanya semata-mata bertujuan untuk menawarkan kemudahan-kemudahan servis dan bekalan yang terdapat di negara itu untuk kegunaan menyelenggara kapal-kapal laut dan pesawat tentera Amerika Syarikat sahaja. Sebenarnya perkhidmatan-perkhidmatan seperti ini bukanlah suatu perkara yang baru di Singapura, malah telah sedia digunakan oleh pihak Amerika Syarikat.

Pendirian Malaysia ini telah dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri kepada Perdana Menteri Singapura Lee Kuan Yew di Brunei Darussalam dalam bulan Ogos lalu dan juga kepada Naib Presiden Amerika Syarikat semasa lawatan beliau ke Malaysia baru-baru ini. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Naib Presiden Amerika Syarikat telah pun memaklumkan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bahawa Amerika Syarikat berminat untuk menggunakan Singapura hanya sebagai tempat penyelenggaraan kapal-kapal laut dan pesawat udara yang dibuat secara bergilir atau, dengan izin, on a rotational basis. Justeru itu akan berpegang kepada jaminan bahawa Amerika Syarikat

tidak bercadang untuk menubuhkan sebuah pengkalan tentera di Singapura. Kita juga telah diberitahu bahawa Amerika Syarikat adalah peka kepada perasaan negara-negara jiran Singapura seperti Malaysia dan juga Indonesia yang telah menyuarakan pendapat yang sama dengan Malaysia.

Dr Abdul Hadi bin Derani: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah jaminan yang diberi oleh Singapura kepada Malaysia bahawa ianya tidak akan menawarkan wilayahnya untuk markas tentera Amerika Syarikat? Bolehkah jaminan ini dipercayai memandangkan rekod Singapura yang mempunyai dasar luar yang agak berbeza daripada Malaysia terutama berkenaan dengan kuasa-kuasa besar dan juga penempatan tentera-tentera asing seperti pegawai-pegawai tentera Israel di Singapura?

Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini Kerajaan Singapura telah pun memberi jaminan bahawasanya pihak Singapura tidak akan membenarkan suatu pengkalan tentera baru diwujudkan di Singapura. Sebagai rakan tertangga kita menganggapkan jaminan itu adalah benar.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua, sebagai sebuah negara ASEAN, apakah Malaysia telah memainkan peranan mengajak anggota-anggota ASEAN yang lain selain daripada Singapura untuk negara-negara ini memberikan tekanan kepada Singapura supaya Singapura tidak membenarkan negeranya diberikan kemudahan-kemudahan ketenteraan kepada Amerika Syarikat kerana setakat ini kita tahu bahawa peranan ini tidak jelas kalau adapun?

Kedua, apakah benar akibat daripada latihan kita dengan negara-negara ASEAN yang lain khususnya Indonesia dari segi ketenteraan menyebabkan Singapura menaruh

sedikit kecurigaan lantas mengambil Amerika Syarikat sebagai rakan kongsinya yang baru? Kalau benar, bagaimanakah kedudukan yang sebenar?

Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan: Tuan Yang di-Pertua, kita kira setakat ini Kerajaan tidak perlu mengajak lain-lain anggota ASEAN untuk mendesak atau pun menahan Singapura untuk tidak membenarkan negara mereka menjadi tempat penyelenggaraan kapal-kapal laut atau pun pesawat-pesawat udara sebab kita difahamkan Singapura hanya ingin meneruskan usaha mereka untuk kerja-kerja penyelenggaraan semata-mata, service and repair, kepada kapal-kapal laut mereka serta pesawat-pesawat udara dan tidak timbul langsung untuk mewujudkan sebuah pengkalan yang baru. Yang mungkin berlaku ialah pertambahan sedikit daripada jumlah kapal-kapal yang bakal di "repair" atau di "service" di Singapura. Itu kita tidak ada halangan. Tetapi sekiranya pihak Singapura ingin mewujudkan sebuah lagi pengkalan tentera yang baru di Singapura, itu perkara lain. Sudah tentu Malaysia akan berdiri tegas tentang tidak mahu langsung ada pertambahan pengkalan tentera di rantau ini dan akan berbuat sesuatu untuk menyekat tujuan yang berkenaan.

Yang kedua tadi sama ada Singapura berasa curiga terhadap ada latihan bersama tentera antara Indonesia dan Malaysia, sebab mengapa mereka berpakat ataupun ingin menambahkan kemudahan penyelenggaraan kapal-kapal laut dan pesawat udara, saya kira itu tidak merupakan perkara yang khusus atau pun apa sahaja sebab, mungkin di antara sebab-sebab yang lain. Saya kira dan percaya Singapura lebih memikirkan masalah keuntungan ekonomi atau pun keuntungan kewangan daripada menggunakan negara mereka sebagai tempat service dan repair kapal-kapal laut dan pesawat

udara oleh Singapura walau pun tidak boleh dinafikan kemungkinan juga mereka negara yang kecil dan takut oleh kerana mereka negara yang kecil dan pula dikelilingi oleh dua buah negara yang besar yang mungkin jadi masalah bagi mereka untuk menjamin keselamatan mereka. Walau pun pada umumnya kita seperti negara-negara dalam ASEAN mempunyai pakatan dan kerjasama yang baik dan tidak timbul masalah kita hendak menakluk atau berperang di antara satu sama lain.

PEJABAT PESURUHJAYA PERDAGANGAN

5. Tuan Ahmad bin Omar minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan bilangan wakil-wakil Perdagangan Malaysia dan MIDA di luar negara dan bagaimanakah kedua-dua jabatan ini menyelaraskan tugas masing-masing bagi tujuan menggalakkan pelaburan di Malaysia.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato' Kok Wee Kiat): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, sehingga ini Malaysia mempunyai 28 buah Pejabat Pesuruhjaya Perdagangan dan 12 buah Pejabat Cawangan Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia atau MIDA di luar negeri. Fungsi Pejabat-pejabat Pesuruhjaya Perdagangan ialah untuk menggalakkan perdagangan dua hala dan lain-lain aspek perdagangan antara Malaysia dengan negara di mana pejabat-pejabat ini ditempatkan. Pejabat-pejabat cawangan MIDA di luar negeri pula berperanan untuk menggalakkan pelaburan masuk ke Malaysia. Di bandaraya-bandaraya di mana terdapat Pejabat Pesuruhjaya Perdagangan tetapi tidak terdapat Pejabat MIDA, Pesuruhjaya-pesuruhjaya Perdagangan yang ditempatkan di negara berkenaan akan melaksanakan kedua-dua tugas, iaitu penggalakan perdagangan dan pelaburan.

Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adalah disarankan dahulu bahawa untuk membolehkan Pesuruhjaya-pesuruhjaya Perdagangan yang ditempatkan di luar negeri sebagai pesuruhjaya yang lebih berkesan mereka ini mestilah dilantik daripada orang-orang dari sektor swasta. Soalan saya, dari 28 buah Pejabat Pesuruhjaya Perdagangan yang ada, berapakah bilangan pejabat ini yang diketuai oleh orang-orang dari sektor swasta dan adakah Kementerian bercadang untuk menganggotai kesemua sekali 28 buah pejabat ini dengan orang-orang dari sektor swasta yang lebih mengetahui mengenai dengan perdagangan daripada dengan izin, the ordinary officers ataupun run-of-the-mill diplomats?

Dato' Kok Wee Kiat Tuan Yang di-Pertua, sejauhmana saya tahu pada masa sekarang, kita tidak ada Pesuruhjaya Perdagangan dari orang-orang sektor swasta. Dan berkaitan dengan soalan yang kedua, pada masa sekarang Kementerian saya tidak ada cadangan mencadangkan melantik orang dari sektor swasta mengetuai pejabat-pejabat Pesuruhanjaya Perdagangan.

Tuan Lau Dak Kee: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Yang pertama, bolehkah Timbalan Menteri menyatakan sejauhmanakah prestasi bagi 28 pejabat-pejabat perdagangan dan 12 pejabat MIDA yang berada di luar negeri untuk menggalakkan menanam modal ke negara kita. Dan sejauhmanakah kedua-dua badan ini seperti MIDA—12 dan pejabat-pejabat perdagangan—28. Adakah mereka bercanggah antara satu sama lain apabila menggalakan modal untuk masuk ke Malaysia. Sila jawab.

Dato' Kok Wee Kiat: Tuan Yang di-Pertua, saya ingat Yang Berhormat dari Pasir Pinji ada sedikit keliruan

kerana tugas kedua-dua pegawai-pegawai itu ada perbezaan. Tugas Pesuruhanjaya Perdagangan adalah menarik dan menggalakkan perdagangan sahaja tetapi 12 orang pegawai dari MIDA, mereka bertugas menggalakkan pelaburan masuk ke Malaysia. Dan pada masa sekarang, kalau kita melibat ekonomi negara dari segi prestasi, saya ingat mereka ada bertugas bersungguh-sungguhnya dan prestasi adalah bagus pada masa sekarang.

Kedua, seperti saya katakan tadi, fungsi-fungsi kedua-dua orang itu ada perbezaan dan saya tidak faham apa maksud Yang Berhormat tadi.

DAFTAR PEMILIH YANG BERTINDIH DI SABAH

6. Tuan Fung Ket Wing minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau sedar akan dakwaan bahawa daftar pemilih untuk tahun 1987 dan 1988 di Sabah mengandungi seramai 21,760 nama yang mempunyai nombor Kad Pengenalan yang sama; jika ya, apakah langkah-langkah yang diambil untuk memperbetulkan kesilapan-kesilapan ini, dan bagaimana kesilapan ini boleh berlaku dan sama ada ia berlaku akibat kecuaihan pihak Suruhanjaya Pilihanraya atau disebabkan sebab-sebab lain; jika ya, apakah tindakan yang diambil terhadap mereka yang terlibat.

24. Tuan Hsing Yin Shean minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau sedar bahawa terdapat kesilapan yang nyata dalam jumlah 21,760 nama-nama pengundi yang berdaftar dalam senarai daftar pengundi di Sabah 1988. Mengapakah demikian dan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian beliau untuk mengatasi masalah ini.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Dr Sulaiman bin Haji Daud): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menjawab soalan ini bersama-sama

dengan Soalan No. 24 daripada Tuan Hsing Yin Shean, juga daripada Sabah.

Suruhanjaya Pilihanraya sedar dan mengetahui bahawa dalam daftar pemilih Negeri Sabah 1988 terdapat lebih kurang 21,000 nama yang bertindih iaitu sama ada yang didaftarkan mengikut nombor kad pengenalan yang sama dengan nama-nama pemilih yang berlainan atau nama-nama pemilih yang sama iaitu mereka yang telah mendaftar lebih daripada sekali.

Perkara ini bukan sahaja berlaku di Sabah bahkan di negeri lain di Semenanjung dan Sarawak. Namun demikian, sebahagian besar daripada jumlah senarai yang dikategorikan sebagai kesilapan bukan sebenarnya kesilapan yang menunjukkan bahawa daftar pemilih yang telah disediakan itu tidak teratur atau boleh menjejaskan hak pemilih dalam pilihanraya kerana kebanyakan daripada kesilapan itu berupa pertindihan nama pemilih kerana kesilapan memasukkan data-data khususnya nombor kad pengenalan yang menyebabkan terdapat nama-nama pemilih berlainan memakai nombor yang sama. Mereka ini didaftarkan dalam kawasan pilihanraya yang berlainan. Tindakan diambil secara berterusan sepanjang tahun untuk mengesan pemilih-pemilih berkenaan sama ada melalui surat atau cara mengunjungi pemilih-pemilih di tempat kediaman mereka untuk memperbetulkan kesilapan nombor kad pengenalan yang telah disenaraikan. Kesilapan seperti ini juga diperbetulkan semasa pemilih itu mengundi pada hari mengundi dan pemilih berkenaan tidak hilang hak untuk mengundi, bermakna mereka boleh mengundi.

Bagi kesilapan yang menunjukkan bahawa pengundi cuba mendaftarkan lebih daripada sekali di negeri Sabah terdapat lebih kurang 5,000 kes

seumpama itu dan pertindihan nama seperti ini diperbetulkan dengan cara memotong salah satu daripada nama yang bertindih bagi tiap-tiap seorang pengundi. Ini berlaku sama ada dengan sengaja atau dengan tidak sengaja iaitu disebabkan umpamanya oleh kejahilan para pemilih sendiri mengenai sistem pendaftaran yang dijalankan. Pemilih-pemilih ini diberi amaran supaya tidak melakukan perbuatan seumpama itu kerana terdapat undang-undang yang membolehkan Suruhanjaya Pilihanraya mendakwa dan menghukum mereka mengikut hukuman yang terdapat di dalam Akta Kesalahan Pilihanraya. Bagi negeri Sabah khususnya perhubungan menerusi pos atau menerusi lawatan ke tempat-tempat kediaman amat sukar dilakukan disebabkan oleh faktor geographi dan komunikasi.

Satu "task-force" diwujudkan untuk menjalankan urusan pembetulan terhadap kesilapan-kesilapan yang terdapat di dalam daftar pemilih walaupun urusan ini amat sukar sekali dijalankan kerana masalah komunikasi yang sukar di negeri Sabah, juga di Sarawak.

Untuk mencapai kesempurnaan dalam urusan ini, Suruhanjaya Pilihanraya akan dapat melaksanakan tugasnya dengan lebih senang. Sekiranya pengundi-pengundi di Sabah dan juga di tempat-tempat lain dapat memberi kerjasama dengan cara menyemak nama-nama mereka semasa rang daftar pemilih dipamerkan tiap-tiap tahun dalam kawasan pilihanraya masing-masing dan membuat tuntutan, bantahan dan pembetulan terhadap mana-mana kesilapan yang terdapat dalam daftar pemilih yang dipamerkan itu. Sekiranya ini tidak dilakukan seperti mana yang dialami pada masa-masa yang lepas maka selama itu-lah tugas-tugas Suruhanjaya dalam

menyediakan daftar yang benar-benar bersih akan sentiasa melalui jalan yang sukar.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis:

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri mengenai kejahilan para pemilih sendiri, yang saya rasa tidak begitu adil kepada pemilih kerana baru-baru kita dengar bahawa Setiausaha Suruhanjaya Pilihanraya telah mengatakan bahawa parti-parti politik yang dikatakan campurtangan dalam mendaftarkan pengundi dan beliau mengatakan bahawa kita kali ini tidak membenarkan mana-mana parti politik untuk campurtangan. Jadi, apakah langkah-langkah yang diambil oleh pihak Suruhanjaya untuk menentukan supaya para parti politik ataupun politikus-politikus terutama sekali dalam Barisan Nasional, saya rasalah. (*Disampuk*) Saya pun dari Barisan Nasional juga dan tolong juga Suruhanjaya ini tetapi tidak tolong secara jahil, secara betul. Jadi, apakah langkah-langkah untuk menentukan supaya parti politik yang tidak terlibat dan mempengaruhi pendaftaran para pengundi supaya keadilan dapat wujud dan supaya kekacauan tidak berlaku.

Dato' Dr Sulaiman bin Haji Daud:

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat nampaknya tidak mahu menerima reality (*Ketawa*) bahawa ada orang jahil di dalam dunia ini. Jahil di sini, Tuan Yang di-Pertua, bermaksud bahawa kadangkala orang itu tidak faham bahawa mereka tidak seharusnya, apabila telah mendaftarkan diri di Simunjan umpamanya di kawasan Yang Berhormat (*Ketawa*) datang juga mendaftar sekali lagi apabila pindah ke Kuching, di kawasan saya. Ini yang jahil dimaksudkan kita, Tuan Yang di-Pertua, dan ini satu reality yang terpaksa Yang Berhormat sendiri terima.

Selain daripada itu, langkah-langkah yang diambil oleh pihak Suruhanjaya Pilihanraya ialah antara lain seperti mana yang saya sebutkan tadi menyeru kepada pemilih-pemilih menyemak semula rang daftar pemilih apabila ia dipamerkan supaya dapat kita mengelakkan perkara-perkara yang disebutkan tadi dan di samping itu, pada tiap-tiap tahun pihak Suruhanjaya Pilihanraya menempatkan pegawai-pegawai pendaftaran di tempat-tempat yang strategik termasuklah di surau-surau umpamanya di surau di Simunjan, di kawasan saya pun ada juga. Itulah caranya, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Madatang bin Morejal: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Mengikut jawapan daripada Menteri, satu daripada cara untuk mengelakkan tertindahnya nombor kad-kad pengenalan pemilih ialah untuk mempamerkan nama-nama pengundi sesudah mereka mendaftar. Adakah Yang Berhonnat bercadang untuk menyerahkan senarai-senarai pengundi tersebut kepada pegawai-pegawai daerah supaya pegawai-pegawai daerah boleh meminta pertolongan daripada pihak ketua-ketua kampung dan Pengerusi JKKK supaya memastikan sama ada pemilih-pemilih itu adalah pemilih yang betul atau sebaliknya.

Dato' Dr Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, cara yang kita buat sekarang ialah rang daftar pengundi itu dipamerkan di tempat-tempat yang khusus dan terserlah kepada pihak yang berkenaan untuk mengambil sedikit masa untuk memastikan sama ada pendaftaran itu betul ataupun tidak. Tentang cadangan supaya daftar ini diserahkan kepada pegawai-pegawai daerah itu memang dibuat. Dengan kerjasama pegawai-pegawai daerah, kita mempamerkan di pejabat-pejabat daerah dan kadang-kadang di tempat-tempat tertentu seperti surau rang daftar pemilih.

KURIKULUM LATIHAN BELIA

7. Tuan Mohd. Noh bin Rajab minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerian dalam menyediakan kurikulum latihan belia khusus untuk menyediakan mereka merebut peluang-peluang pekerjaan "berkolar biru" di sektor industri yang membangun pesat sekarang ini Adakah kemudahan-kemudahan dan strategi Pusat Latihan Belia yang ada sekarang ini sesuai dengan keadaan-keadaan dan cabaran-cabaran semasa.

Timbalan Menteri Belia dan Sukan (Cik Teng Gaik Kwan): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Belia dan Sukan telah mengambil beberapa langkah dalam menyediakan kurikulum latihan belia khususnya untuk menyediakan mereka merebut peluang pekerjaan di sektor industri di negeri ini. Di antara langkah-langkah yang telah diambil adalah seperti berikut:

- (i) Melaksanakan kurikulum latihan bersepadu di semua Pusat-pusat Latihan Belia di bawah Kementerian Belia dan Sukan iaitu memberi penekanan dalam aspek disiplin, kemahiran vokasional dan pembangunan keusahawanan;
- (ii) menyediakan latihan kemahiran tinggi di Pusat Latihan Kemahiran Tinggi, Sepang, Selangor, bagi tujuan melahirkan pekerja yang mempunyai kemahiran yang lebih tinggi sejajar dengan keperluan industri;
- (iii) melaksanakan Skim Latihan Sambil Bekerja iaitu menempatkan belia di bengkel-bengkel dan perusahaan;
- (iv) melaksanakan program Gerakan Bekerja di sektor binaan iaitu menggalakkan para belia bekerja di sektor binaan. Program ini akan

dilaksanakan dengan kerjasama Persatuan Pemaju Perumahan Malaysia, kontraktor dan agensi-agensi berkaitan;

- (v) menghantar para belia mengikuti pelbagai latihan kemahiran ke luar negeri di Jepun dan Indonesia dalam bidang kimpalan, mekanik kereta, pertanian, ukiran perabot dan membuat perabot rotan.

Kemudahan-kemudahan dan strategi latihan yang ada di Pusat Latihan Belia memanglah sesuai bagi menampung keperluan tenaga mahir di sektor industri. Walau bagaimanapun, Kementerian sentiasa menilai sistem latihan dan kemudahan-kemudahan seperti mesin dan peralatan latihan bagi menyesuaikan kehendak industri masakini dan akan datang.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Arau.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Daripada jawapan Yang Berhormat tadi, tanpa notislah, saya ingat Yang Berhormat ada angka. Berapa oranglah belia yang sekarang ini ada dalam latihan dan adakah jumlah ini mencukupi dengan jumlah permintaan dalam pasaran yang ada sekarang dan kalau tidak cukup apakah Yang Berhormat di dalam sesi budget ini bercadang untuk memohon peruntukan tambahan membina lebih banyak lagi Pusat-pusat Belia?

Cik Teng Gaik Kwan: Tuan Yang di-Pertua, bilangan peserta mengambil latihlah tidak ada di sini, tetapi saya boleh memberi jawapan bertulis.

Yang kedua, soalnya—tolong ulang sekali lagi.

Tuan Shahidan bin Kassim: Apakah jumlah permintaan dalam pasaran sekarang ini mencukupi dengan belia-belia yang dilatih? Saya tanya soalan ini kerana masih banyak yang menganggur, dalam masa yang sama masih banyak juga kita mengimport masuk pekerja-pekerja asing.

Cik Teng Gaik Kwan: Tuan Yang di-Pertua, memang boleh dikatakan tidak cukup kerana ia tertakluk kepada perbelanjaan Kementerian. Bagaimanapun, Kementerian ada mengkaji juga. Boleh dikatakan peluang ada bertambah dari setahun ke setahun.

GOLONGAN TERMISKIN— BANTUAN

8. Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) sejak bila Kerajaan menyedari wujudnya golongan termiskin dalam negara ini;
- (b) perbezaan antara golongan termiskin dengan golongan miskin dan apakah langkah-langkah tegas Kerajaan untuk membantu golongan miskin terkeluar dari golongannya dan apa pula skim membela golongan termiskin bebas dari masalah masing-masing;
- (c) sebelum DEB dilancarkan golongan termiskin tidak bangkit. Adalah wujudnya golongan termiskin setelah 19 tahun DEB dilancarkan membuktikan DEB tidak praktikal untuk mengatasi masalah ekonomi negara ini; dan
- (d) kalau istilah termiskin itu sama dengan maksud fakir, sedang fakir itu hampir kepada kufur, maka setujukah Yang Berhormat bahawa Kerajaan mesti memikul tanggungjawab sekiranya golongan termiskin itu menjadi kufur.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Dr Siti Zaharah binti Haji Sulaiman): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan memang sedar adanya golongan termiskin, Tetapi usaha untuk membantu golongan termiskin ini sudahpun terangkum dalam program membasmi kemiskinan di kalangan rakyat miskin di bawah DEB. Kerajaan mengadakan program khas dalam tahun semasa untuk golongan termiskin kerana hendak memastikan golongan ini mendapat manfaat dan tidak tersisih dari arus pembangunan negara.

Golongan miskin adalah keluarga yang mempunyai pendapatan kurang daripada \$350.00 sebulan bagi Semenanjung, \$429.00 sebulan bagi Sarawak dan \$533.00 bagi Sabah. Golongan termiskin adalah keluarga yang mempunyai pendapatan 50% atau kurang berbanding dengan pendapatan golongan miskin ini. Untuk memastikan golongan termiskin ini mendapat manfaat, Kerajaan telah mengambil tindakan tegas supaya keluarga-keluarga golongan termiskin ini dikenalpasti untuk diberi bantuan dari segi kesihatan, kebajikan, perumahan dan galakan aktiviti ekonomi yang boleh meningkatkan pendapatan.

Adalah tidak benar dakwaan Yang Berhormat bahawa isu mengenai golongan termiskin tidak berbangkit sebelum Dasar Ekonomi Baru dilancarkan, apatah lagi untuk menyatakan bahawa DEB tidak praktikal untuk mengatasi masalah ekonomi negara.

Sebenarnya DEB telah mencapai kejayaan semenjak pelancarannya pada tahun 1970, kadar kemiskinan di Semenanjung telah berkurangan daripada 49.3% pada tahun 1970 kepada 17.3% pada tahun 1987.

Di Sabah kadar kemiskinan telah diturunkan kepada 35.2% dan di Sarawak pula kepada 25.1%. Dengan adanya kejayaan ini, Kerajaan kini memberi perhatian pula kepada

golongan termiskin. Istilah yang digunakan oleh Kerajaan adalah termiskin dan bukannya fakir.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengetahui daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri mengenai dengan usaha hendak membasmi kemiskinan. Walaupun Kerajaan sentiasa sedar mengenai dengan kemiskinan mi sebagaimana yang disebutkan tadi, tetapi apakah Kerajaan sedar mitu halatuju dari segi dasar Kerajaan untuk membasmi kemiskinan tidak menepati hasrat Dasar Ekonomi Baru, iaitu banyak peruntukan dikeluarkan untuk projek-projek yang membazir yang tidak mendatangkan keuntungan (*boo!*)—ini ada sarkas dalam Dewan Rakyat, kemungkinan Bob Hope ataupun sarkas—saya tidak tahu.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, apa soalnya?

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Soalnya, Tuan Yang di-Pertua, adakah Kerajaan menyedari hakikat ini, dan dalam Budget yang telah dibentangkan semalam \$68 juta untuk membasmi kemiskinan berbanding dengan peruntukan yang dikeluarkan untuk perayaan-perayaan yang lebih besar daripada itu. Apakah ini yang menyebabkan usaha hendak membasmi kemiskinan menempuh jalan kegalan? Terima kasih.

Dato' Dr Siti Zaharah binti Haji Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, adalah menjadi dasar Kerajaan untuk membasmi kemiskman kerana Kerajaan menyedari ianya merupakan gejala yang buruk dalam masyarakat dan kita mengetahui bahawa kemiskinan memanglah sesuatu yang menjadi dasar utama dalam Dasar Ekonomi Baru. Mungkin Yang Berhormat tidak mengikuti, atau sengaja tidak mahu mengikuti ataupun tidak mahu menyedari dan tidak mahu berterima kasih kepada Kerajaan Barisan Nasional. (*Tepuk*)

Bahawa projek-projek yang telah disenaraikan ataupun telah dibelanjakan oleh pihak Kerajaan terlalu amat banyak. Saya beri contoh sahaja. Kalau dari segi pertaniannya yang kita tahu sebilangan besar daripada masyarakat kita adalah daripada golongan luar bandar dan masyarakat tani, kita ada projek-projek:

- (i) pemulihan tanah terbiar, penyatuan tanah dan penyusunan semula kampung;
- (ii) projek-projek ternakan, bermacam-macam ternakanlah;
- (iii) projek-projek perikanan;
- (iv) projek-projek ekonomi bagi meningkatkan produktiviti dan meningkatkan pendapatan sampingan;
- (v) projek-projek bagi menambahkan khidmat pengembangan dan bimbingan untuk menggalakkan petani-petani termiskin supaya mengamalkan cara-cara pertanian yang baik;
- (vi) projek-projek kemudahan infrastruktur, perparitan, jalan-jalan pertanian penyediaan tapak rumah dan pembangunan kampung;
- (vii) melengkapkan keluarga termiskin dengan amalan-amalan pemasaran dan sebagainya; dan
- (viii) kemudahan kredit khas tanpa faedah.

Dari segi sosial, saya ingat Yang Berhormat juga sengaja tidak mahu mengingatkan atau sengaja tidak mahu mengindahkan bahawa kita ada projek seperti:

- (i) program pendidikan yang meliputi Rancangan Makanan Tambahan, Asrama Desa, Khutub Khanah Desa, Bantuan Skim Buku Teks,

Biasiswa Kecil Persekutuan dan Biasiswa Kecil Persekutuan Pra-Universiti;

- (ii) program kesihatan bagi mengawal penyakit;
- (iii) program kebajikan yang meliputi bantuan kepada kanak-kanak, orang tua, elaun pekerja cacat dan sebagainya.

Banyak lagi Yang Berhormat, saya harap Yang Berhormat akan adil mengiktirafi bahawa Kerajaan Barisan Nasional tetap bertanggungjawab. *(Tepuk)*

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Marah!

Dato' Dr Siti Zaharah binti Haji Sulaiman: Tidak marah.

Tuan Haji Mohamad bin Yaakob: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri bersetuju dengan pandangan bahawa orang-orang yang termiskin di negara kita ini kebanyakannya daripada mereka yang terpengaruh dengan dakyah PAS *(Tepuk)* yang mengatakan pembangunan dan bantuan Kerajaan adalah haram. Barang siapa menehma bantuan Kerajaan hukumnya menukar dengan agama Islam. Kalau setuju, bolehkah kemiskinan ini dipersalahkan kepada pemimpin PAS. *(Tepuk)*

Dato' Dr Siti Zaharah binti Haji Sulaiman: Saya setuju dengan Yang Berhormat itu. *(Ketawa)*

Tuan Sim Kwang Yang: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu kepada Dewan yang mulia ini, adakah orang hulu di negeri Sarawak itu termasuklah kaum Kayan, Kenyah, Kelapit, Penan dan sebagainya. Adakah mereka dimasukkan sebagai golongan yang termiskin. Kalau ya, apakah langkah yang telah diambil oleh Barisan Nasional atau Government untuk mengatasi masalah mereka, sebab sampai sekarang kaum

Penan contohnya seramai 107 orang telah ditangkap dan mungkin mereka tidak menerima apa-apa perhatian dari Kerajaan Barisan Nasional, tetapi mereka telah diabaikan oleh politics of development di negeri Sabah. Itu sahaja,

Dato' Dr Siti Zaharah binti Haji Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, menjawab soalan Yang Berhormat tadi, kalau takrif yang kita ikuti bahawa yang termiskin itu adalah lebih kurang pendapatan 50% daripada yang didefinisikan yang miskin iaitu 50% daripada \$350.00 ataupun bawah maka siapa-siapa tidak termasuk, tidak kiralah siapa-siapa kaum yang termasuk dalam kategori itu maka Kerajaan sentiasa mengambil tindakan.

Berkenaan dengan perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat tadi, saya rasa itu telah terkeluar. Walau macam manapun, perkara ini akan diambil perhatian oleh pihak Kerajaan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat Tuan Law Lai Heng.

(Soalan No. 9 Y.B. Tuan Law Lai Heng tidak hadir).

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat Tuan Chian Heng Kai.

(Soalan No. 10 Y.B. Tuan Chian Heng Kai tidak hadir).

RANCANGAN FELDA JADI PUSAT PERTUMBUHAN WILAYAH

11. Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan berapa banyakkah rancangan FELDA yang telah menjadi pusat pertumbuhan Wilayah: apakah program-program

pembangunan ekonomi yang dirancang untuk menolak penduduk yang berlebihan, khususnya generasi kedua ke dalam sektor ekonomi bukan pertanian di pusat-pusat pertumbuhan tersebut.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Tuan Adam bin Abdul Kadir): Tuan Yang di-Pertua, setakat ini terdapat 17 buah Pusat Pertumbuhan di dalam Rancangan FELDA sepertimana yang ditanyakan oleh Yang Berhormat tadi.

Bagi peringkat kedua soalnya, saya ingin menyatakan bahawa salah satu perkara yang membawa kemajuan ialah perubahan dan dalam segi kemanusiaan, perubahan termasuklah juga berhijrah sepertimana peneroka-peneroka berhijrah daripada tempat asalnya ke rancangan-rancangan peneroka sekarang. Generasi kedua ataupun anak-anak mereka juga digalakkan berhijrah untuk mencari pengalaman dan juga pendedahan. Bagaimanapun sebelum mereka berhijrah, pihak Kerajaan membuat beberapa rancangan untuk memudahkan perpindahan ataupun hijrah dalam erti peralihan itu:

- (i) kita memberi latihan berkaitan dengan bidang urusniaga dan urusan berkaitan dengan pengurusan kewangan;
- (ii) kita juga mengadakan latihan vokasional; dan
- (iii) mana-mana yang boleh dan sebanyak mungkin kita mengadakan kemudahan kredit dan selain daripada itu kita juga menyediakan gerai-gerai serta tapak-tapak yang sesuai untuk maksud perniagaan iaitu di dalam kawasan-kawasan yang dianggap strategik dan sesuai untuk maksud yang dikatakan.

Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen berkenaan memberitahu sebenarnya kedudukan bandar Jengka yang dirancang untuk dijadikan Pusat Pertumbuhan Wilayah, tetapi bandar-bandar lain pula yang dipelopori oleh usahawan-usahawan swasta, yang menjadi lebih maju dan beri sebab-sebab kenapa demikian rupa. Apakah takrif hijrah yang disebutkan oleh Setiausaha Parlimen tadi.

Tuan Adam bin Abdul Kadir; Tuan Yang di-Pertua, nampaknya soalan ini tertentu dan spesifik di kawasan Jengka, tetapi saya ingin menyatakan sesuatu perubahan itu kadang-kadang berlaku menurut perancangan, tetapi kadang-kadang juga berlaku di luar perancangan. Ini seperti yang berlaku di Jengka, kita tahu bahawa ada kampung-kampung dan tempat-tempat tertentu di kawasan Jengka itu mendapat perhatian yang lebih daripada golongan peniaga. Jadi mereka menjalankan kegiatan-kegiatan yang boleh membawa pandangan dan juga tumpuan kepada peneroka-peneroka. Jadi inilah yang saya katakan salah satu keadaan yang boleh membawa perubahan daripada segi persaingan, daripada segi peluang ekonomi dan juga daripada segi urusniaga.

Bagi bahagian kedua soalan itu, apa yang dimaksudkan dengan hijrah, saya rasa banyak takrif "hijrah". Kalau saya hendak bercakap daripada segi aspek agama, saya percaya Yang Berhormat itu lebih mendalam dari segi hal-hal keagamaan. Tetapi saya bercakap "hijrah" itu daripada segi maksud kita berpindah daripada satu tempat ke satu tempat iaitu berdasarkan konsep perubahan yang saya maksudkan tadi. Salah satu yang membawa kemajuan di dalam hidup ini, sepertimana yang saya sebut tadi, ialah perubahan. Yang dikaitkan dengan kemanusiaan ialah

hijrah itu adalah untuk mencari pengalaman dan juga pendedahan hidup.

Tuan Mohd. Noh bin Rajab: Tuan Yang di-Pertua, mengikut fahaman orang ramai bahawa rancangan FELDA dan juga yang lebih besar melaksanakan pusat pertumbuhan wilayah ini adalah bertujuan kepada pembangunan ekonomi ataupun untuk meninggikan lagi tahap ekonomi peserta-peserta. Tetapi kebelakangan ini banyak dakyah-dakyah yang dilakukan di pusat-pusat ini yang mana dapat memutarbelitkan isu dan memesongkan pemikiran peserta-peserta sehingga mewujudkan banyak peserta-peserta bercanggah pendapat dan ideologi, dan kerana wujudnya keadaan itu maka usaha yang utama, tujuan mengadakan rancangan FELDA ini, seolah-olah terabai ataupun menjadi faktor yang kedua dan banyak rancangan ataupun tanah-tanah yang sepatutnya dikerjakan tetapi tidak dapat diusahakan dengan cemerlang kerana pendapat ataupun perbezaan ideologi ini tadi.

Soalannya, adakah Yang Berhormat sedar tentang perkara ini dan kalau sedar adakah sesuatu rancangan atau langkah-langkah supaya mewujudkan satu suasana ataupun memastikan bahawa dakyah-dakyah ini tidak dapat menular begitu senang dan kalau ada yang terpesong, langkah-langkah tertentu dapat diambil.

Tuan Adam bin Abdul Kadir: Tuan Yang di-Pertua, jawabnya, sedar dan saya berterima kasih kepada soalan itu yang juga mengandungi pendapat. Berkenaan dengan mengapa timbulnya dakyah-dakyah dan juga perbezaan ideologi di rancangan-rancangan FELDA, ini berlaku di luar perancangan asalnya. Perancangan asalnya berdasarkan hakikat demokrasi, iaitu demokrasi daripada segi memberi peluang kepada mereka yang tidak mempunyai hartanah untuk mengerjakan tanah, di dalam perkara ini aspek pertanian. Tetapi

sepertimana yang kita tahu, terlalu banyak demokrasi dipanjangkan di dalam rancangan FELDA. Itulah maka kita mengawal hanya setakat pentadbiran sahaja. Tetapi kerana demokrasi itu jugalah maka timbul dan berkembangnya perbezaan pendapat dan juga perbezaan ideologi yang dimaksudkan.

Namun begitu, kita sentiasa membuat sesuatu supaya pemesongan yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat itu dapat kita bendung kepada batasan-batasan yang kita anggap boleh kita tadbirkan ataupun uruskan. Berdasarkan pengalaman-pengalaman yang ada, Kerajaan sekarang ini sedang membuat suatu strategi supaya rancangan-rancangan FELDA pada masa akan datang akan lebih banyak membawa manfaat ekonomi kepada peserta-peserta dan kita cuba bataskan supaya perkembangan-perkembangan yang mengurangkan peluang ekonomi itu dapat kita bendung. Inilah salah satu perancangan Kerajaan pada tahun hadapan dan tahun-tahun yang kemudiannya.

**KEBAKARAN DI ASRAMA
SEKOLAH SRI INAI, PULAU
PINANG/SEKOLAH AGAMA
PADANG LUMAT, KEDAH/
PEJABAT SETIAUSAHA
KERAJAAN NEGERI DI IPOH,
PERAK**

12. Dato' Haji Mohammad Abu Bakar bin Rautin Ibrahim minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan:

- (a) apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk mengawal dan mengelakkan kebakaran yang telah meragut banyak nyawa sejak kebelakangan ini khususnya murid-murid sekolah di asrama-asrama seperti peristiwa kebakaran yang berlaku di asrama Sekolah Sri Inai di Pulau Pinang dan di Sekolah Agama di Padang Lumat, Kedah; dan

- (b) hasil siasatan terhadap kematian seorang pekerja di Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri di Ipoh, Perak semasa pihak Jabatan Bomba mengadakan latihan kebakaran.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Tuan Osu bin Haji Sukam): Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan—

- (a) Langkah-langkah berikut telah dan sedang diusahakan untuk mengurangkan kejadian kebakaran di negeri-negeri:

- (i) mengadakan minggu Kempen Mencegah Kebakaran di seluruh negara sejak tahun 1984. Melalui kempen-kempen itu kita berharap orang ramai akan memperolehi kesedaran terhadap bahaya-bahaya kebakaran di rumah, sekolah, asrama dan tempat bekerja;
- (ii) berusaha semenjak tahun 1985 menubuhkan Pasukan-pasukan Kadet Bomba di sekolah-sekolah, khusus sekolah berasrama penuh serta bergiat menubuhkan Pasukan-pasukan Bomba Sukarela di kampung-kampung dan pekan-pekan kecil. Ini bertujuan untuk memupuk semangat mengenai kesedaran bahaya dan membantu Kerajaan melaksanakan tugas dengan lebih berkesan;
- (iii) mengadakan ceramah-ceramah penerangan di institusi-institusi pendidikan tinggi dan sekolah-sekolah serta pejabat-pejabat;

- (iv) menjalankan pemeriksaan bangunan-bangunan berkaitan dengan pencegahan kebakaran dan perlesenan;
 - (v) berusaha mendampingi orang ramai melalui media massa dan Unit Penerangan Bergerak;
 - (vi) berusaha menyediakan pelan-pelan kontingensi supaya mudah bertindak di masa-masa kebakaran dengan kerjasama Pengetua-pengetua atau Ketua-ketua organisasi;
 - (vii) mengedarkan garis-panduan kepada Majlis-majlis Tempatan, Jabatan Pendidikan dan lain-lain badan yang mengendalikan asrama-asrama;
 - (viii) menerapkan matapelajaran mencegah kebakaran ke dalam ko-kurikulum sekolah-sekolah dan maktab-maktab;
 - (ix) menyediakan garis-panduan mengenai keselamatan kebom-baan bagi bangunan-bangunan lama, rumah kediaman, bangunan-bangunan pejabat Kerajaan, bangunan-bangunan tinggi, kilang, hospital, hotel, kompleks membeli-belah, asrama dan lain-lain;
 - (x) memberi kerjasama kepada badan-badan profesional seperti Persatuan Arkitek Malaysia, Institut Kejuruteraan Malaysia dan lain-lain dalam aspek khidmat nasihat mengenai keselamatan nyawa dan reka-bentuk sistem kebom-baan;
 - (xi) menganjur beberapa seminar untuk para profesional, kontraktor-kontraktor dan lain-lain yang berkaitan;
 - (xii) lawatan-lawatan mengejut telah dibuat ke tempat-tempat yang merbahaya dan menasihati pengurus-pengurus;
 - (xiii) mengadakan ceramah-ceramah umum termasuk rumah kediaman, rumah pangsa, pejabat, kilang, sekolah dan lain-lain;
 - (xiv) aktiviti ini akan diperketatkan apabila Akta Bomba, 1988 dijangka dilaksanakan pada awal tahun 1990 ini. Menurut Akta ini, bangunan-bangunan yang tidak selamat boleh diambil tindakan wajar seperti mengisytiharkan bangunan tersebut tidak selamat atau mengenakan denda kepada tuan-punya bangunan;
 - (xv) pili-pili bomba telah di-anakangkatkan kepada orang awam semoga mereka sedar akan bahaya-bahaya kebakaran dan supaya mereka sama-sama menanggung tanggungjawab menjaga hak Kerajaan.
- Usaha-usaha ini akan diteruskan,
- (b) Mengenai kawad kebakaran di Bangunan Setiausaha Kerajaan Perak, kawad itu adalah dikendalikan oleh pihak Kerajaan Negeri yang dipengerusikan oleh pegawai kanan dan dianggotai oleh beberapa orang pegawai Kerajaan yang lain, termasuk Pegawai Bomba dari Ipoh sebagai ahli Jawatankuasa. Sebelum kawad diadakan, pihak

Bomba telah memberi ceramah dan penerangan-penerangan dan prosedur-prosedur mengenai kawad seperti keluar bangunan apabila ada sahaja isyarat kebakaran dan peranan individu supaya mereka yang terlibat tidak mengambil ringan kawad itu. Peranan Bomba pula di dalam kawad itu ialah berkejar dengan kereta Bomba dari Balai Bomba dan bila tiba di sana mendapatkan bekalan air, memasang tangga untuk menyelamat dan mengadakan pancutan-pancutan air untuk kekesanan operasi.

Siasatan telah dibuat oleh pihak Polis dan terpulanglah kepada pihak-pihak berkuasa untuk menentukan siapakah yang silap, iaitu sama ada terbit daripada kesilapan si mati untuk mengikuti prosedur atau kesilapan pihak-pihak lain termasuk Bomba dalam komunikasi dan lain-lain persembaan. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, kawad-kawad seperti ini senantiasa diadakan dari masa ke semasa.

Tuan Ghazali bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi ada banyak garis kasar yang diberi oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tentang mencegah kebakaran. Saya dapati di kawasan saya sendiri di mana kejadian yang berlaku di sekolah agama Padang Lumat, 27 mayat anak-anak ini terbakar, di mana bomba menyatakan telah melawat beberapa kali. Apakah tindakan bomba sebenarnya dalam masa melawat ke sekolah-sekolah yang berasrama ini, bila didapati periuk-periuk dan dapur diletakkan di tepi-tepi katil, dengan tidak diambil perhatian atau diberi nasihat supaya membuangkan barang-barang yang begitu berbahaya dalam kawasan asrama yang penuh.

Kedua, di Kedah banyak sangat pasukan-pasukan bomba sukarela, tetapi malangnya pihak Kementerian amat berat tangan kalau hendak menghulurkan bantuan, umpamanya, membeli jentera pancutan air. Di sini selalunya kami minta kepada Ahli-ahli Parlimen. Kita hendak keluarkan belanja pun, dengan \$21,000 bagi melengkapkan satu projek pancutan air ini, tidakkah Kementerian boleh menyumbangkan kepada badan-badan sukarela ini mengadakan jentera-jentera yang diperlukan, yang lain itu kalau dia kena beli topi, dia hendak beli kasut, itu tidak apalah, ini tentang jentera yang begitu besar yang banyak belanja kerana badan sukarela tidak mampu untuk membuatnya.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Sudah Yang Berhormat?

Tuan Ghazali bin Ahmad: Ada satu lagi. Kalau di sekolah-sekolah telah dianjurkan ada kadet-kadet bomba, kenapa tidak boleh dibekalkan pula jentera yang begitu penting iaitu jentera ringan bagi kepentingan sekolah-sekolah asrama. Sekian.

Tuan Osu bin Haji Sukam: Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan pertama, mengenai kebakaran yang telah berlaku di sekolah agama telah pun dimaklumkan kepada pentadbir sekolah semasa pihak bomba melawat kawasan itu pada 25hb Mei, 1989 untuk mengambil tindakan ke atas kelengkapan-kelengkapan pemadam api yang ada di situ supaya diuji dan d'servis supaya apabila diperlukan, alat-alat itu boleh digunakan. Juga telah dinyatakan oleh pihak pentadbir asrama, disebabkan sekolah itu mempunyai peraturan yang ketat, maka pihak bomba telah tidak dibenarkan memeriksa asrama itu sepenuhnya dengar alasan kononnya asrama itu diduduki oleh pelajar-pelajar perempuan dan pihak sekolah mempunyai peraturan yang begitu ketat untuk menjaga pelajar-pelajar ini.

Mengenai bomba sukarela, sukalah saya menyatakan bahawa Kerajaan sentiasa mengambil tindakan di mana yang boleh, untuk mewujudkan balai-balai bomba, tetapi disebabkan perbelanjaan yang begitu banyak, makanya untuk kawasan-kawasan yang didapati tidak memerlukan begitu sangat balai bomba untuk didirikan, kita mencadangkan supaya kadet-kadet sukarela diwujudkan bagi membantu Kerajaan atau bagi meringankan bebanan Kerajaan untuk membeli alat-alat yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu tadi. Walau bagaimanapun terpujanglah kepada Ahli-ahli Yang Berhormat di mana-mana kawasan Yang Berhormat itu untuk berusaha mendapatkan bantuan daripada. . . .

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, on a point of order, masa sudah cukup.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Ada satu minit lagi Yang Berhormat, ringkaskan.

Tuan Osu bin Haji Sukam: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya adalah menjadi tanggungjawab kita untuk cuba membekalkan seberapa banyak yang boleh alat-alat kelengkapan kebomgaan ini, tetapi oleh kerana seperti saya nyatakan tadi, kita memerlukan penglibatan orangramai, oleh itu maka kita telah mewujudkan bomba sukarela ini.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Sudah Yang Berhormat?

Tuan Osu bin Haji Sukam: Lagi, mengenai sekolah atau kadet-kadet bomba yang wujud di sekolah seperti yang saya nyatakan di dalam jawapan saya, tujuannya untuk menanam semangat di kalangan murid-murid sekolah akan tanggungjawab mereka.

Tuan Lau Dak Kee: (*Bangun*)

Tuan Osu bin Haji Sukam: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana soalan ini ditimbulkan. . . .

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Habiskan.

Tuan Osu bin Haji Sukam: Jadi, saya rasa Kerajaan juga telah menyediakan alat-alat kelengkapan kepada kadet-kadet sekolah selain daripada memberi bantuan atau mengadakan ceramah-ceramah dan di mana yang perlu Kerajaan akan memberi bantuan dan pertolongan untuk mengadakan kelengkapan alat-alat kebomgaan di sekolah-sekolah kadet, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Ahli-ahli Yang Berhormat, masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 1, 3, 9, 10 dan 13 hingga 34 adalah diberi di bawah ini).

BANK KERJASAMA PUSAT (CCB)—BANK NEGARA AMBIL ALIH

1. Dr V. David minta Menteri Kewangan menyatakan Bank Negara Malaysia telah mengawal dan menyelia Bank Pusat Kerjasama (CCB) dari bulan Januari, 1988 dan juga mengambil tanggungjawab membetulkan dan merawat CCB, dan usaha-usaha ini meliputi tindakan mendapat kembali pinjaman-pinjaman. Adakah pihak Bank Negara mengambil langkah-langkah sesuai ke arah ini. Selain daripada menggantung paspot dan/atau membeku harta peminjam-peminjam yang tertentu, usaha-usaha Bank Negara tidak mendapat hasil yang memuaskan. Jika pihak Bank Negara atau wakilnya di CCB yang diberi kuasa penuh telah melengkapkan tanggungjawab mereka dengan memuaskan, maka wang berjumlah \$466.6 juta akan dipungut

balik dari peminjam-peminjam ini. Mengapa mereka tidak buat begitu; betul atau tidak mereka adalah sangat cuai.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed): Sebagai langkah menjaga kepentingan pendeposit-pendeposit, Bank Negara Malaysia (BNM) telah mengambilalih kawalan ke atas perniagaan Bank Kerjasama Pusat Berhad (CCB) di bawah Peraturan-Peraturan Perlu (Perlindungan kepada Pendeposit) 1986 pada 7 Januari 1988. Sejak itu BNM telah mempergiatkan usaha serta mengambil langkah-langkah sesuai untuk mendapat kembali sebanyak mungkin pinjaman-pinjaman CCB. Walaupun Mahkamah Tinggi telah melantik Penerima-penerima ke atas CCB, BNM masih terus membantu Penerima-penerima mendapat semula pinjaman CCB.

Di antara langkah-langkah yang telah dan sedang diambil oleh BNM untuk mendapat kembali hutang-hutang CCB adalah seperti berikut:

- (1) Mengatur skim pembayaran balik yang sesuai dengan peminjam-peminjam mengikut kemampuan masing-masing supaya peminjam-peminjam itu dapat dibayarbalik. Langkah ini termasuk mengatur tempoh pembayaran, jumlah ansuran yang "flexible" dan penurunan faedah jika perlu mengikut merit tiap-tiap kes.
- (2) Meminta peminjam-peminjam menambah harta-harta yang dicagar jika didapati mutu cagaran adalah lemah;
- (3) Tindakan undang-undang ke atas peminjam-peminjam (termasuk penjamin-penjamin) yang engkar membayar balik hutang;
- (4) Penjualan harta-harta yang dicagar, sama ada melalui persetujuan peminjam atau tindakan undang-undang.

- (5) Pembekuan harta dan aset-aset serta menahan dokumen-dokumen perjalanan peminjam-peminjam besar

Walaupun langkah-langkah sebagaimana yang disebutkan itu telah diambil, adalah sukar untuk menentukan jumlah pinjaman yang akan dapat dipungut balik. Pinjaman ini merupakan dengan izin "difficult loans to recover" yang disebabkan oleh:

- (1) Ketidakupayaan peminjam-peminjam menjelaskan pinjaman-pinjaman masing-masing terutama peminjam-peminjam besar dan peminjam-peminjam yang mana perniagaan atau projek mereka telah mengalami masalah akibat dari kemelesetan ekonomi. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat sejumlah \$257.9 juta telah dipungut balik setakat September 1989;
- (2) Mutu cagaran yang rendah; dan
- (3) Kekurangan dokumentasi.

Walaupun BNM dan penerima-penerima CCB menghadapi beberapa kesulitan untuk memungut balik pinjaman-pinjaman, mereka sentiasa memperhebatkan usaha-usaha dan mencari jalan baru untuk menyelesaikan pungutan balik hutang-hutang CCB. Saya berpendapat mereka tidaklah cuai atau tidak berkesan tetapi dengan izin "the condition of the loans" yang menyebabkan hasil tindakan mereka lebih rendah daripada kadar yang dianggarkan. Jika pinjaman-pinjaman itu telah dibuat dengan betul iaitu portfolio yang berkualiti dan disokong oleh dokumentasi yang sempurna, saya yakin kebanyakan pinjaman boleh dipungutbalik oleh BNM dan penerima-penerima CCB.

SYARIKAT MILIK KERAJAAN NEGERI SABAH—PENSWASTAAN

3. Tuan Nurnikman bin Abdullah minta Menteri Kewangan menyatakan apakah dasar penswastaan syarikat-syarikat milik Kerajaan Negeri Sabah di mana Kerajaan Pusat terikat sebagai penjamin seperti Sabah Gas Industries. Adakah hak atau kuasa menswastakan SGI itu terletak kepada Kerajaan Negeri atau Pusat.

Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed: Tindakan untuk menswastakan sesuatu projek yang melibatkan kepentingan Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri adalah dilakukan dengan kerjasama antara kedua-dua pihak melalui rundingan dan perbincangan. Oleh yang demikian, hak atau kuasa untuk menswastakan sesuatu projek tidak terletak kepada sesuatu pihak yang tertentu sahaja.

HICOM—SUMBER KEWANGAN DAN GUNATENAGA

Tuan Law Lai Heng minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) prospek masa depan HICOM (Heavy Industries Malaysia);
- (b) bagaimanakah kedudukan sumber kewangan sekarang dan apakah projek-projek baru yang akan dilaksanakan; dan
- (c) dari segi sumber gunatenaga tempatan sejauh manakah kesannya.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kehakiman (Dato' Dr Sulaiman bin Haji Daud):

- (a) Pada amnya prospek masa depan HICOM adalah bergantung kepada prestasi syarikat-syarikat dalam kumpulannya.
Selaras dengan pemulihan ekonomi negara, semua syarikat dalam Kumpulan HICOM telah

menunjukkan perkembangan urusanniaga dan prestasi kewangan yang memuaskan. Berdasarkan tahun kewangan 1988/89, semua syarikat dalam Kumpulan HICOM kecuali Kedah Cement, telah mula mencatat keuntungan, Edaran Otomobil Nasional (EON) telah mendahului syarikat-syarikat yang lain dengan menghasilkan keuntungan sebaik sahaja ia mula beroperasi. PROTON pula telah menghasilkan keuntungan kendalian mulai tahun kewangan 1987/1988 dan keuntungan dijangka meningkat dengan bertambahnya pasaran eksport yang ditembusi kelak. Kedah Cement pula, walaupun masih mengalami kerugian tetapi mulai tahun kewangan 1988/89 sudah berupaya menghasilkan keuntungan kendalian sebelum ditolak tuntutan kewangan dan kerugian pertukaran asing. Sungguhpun HICOM menceburi bidang industri berat yang sememangnya mengambil masa lama untuk mantap dan menghasilkan pulangan darinya, namun demikian berdasarkan prestasi sekarang dan perkembangan ekonomi negara dan antarabangsa yang cerah, adalah dijangka prospek masa depan HICOM juga cerah. Bukan sahaja keuntungannya dijangka akan meningkat bahkan pelaburannya dalam projek-projek dijangka bertambah. Melalui projek-projek HICOM seperti projek kereta Nasional dan projek enjin motosikal, kita juga dapat meningkatkan Program Komponen Tempatan. Perkembangan industri-industri sampingan dan sokongan ini, secara tidak langsung, telah membantu memperluaskan tahap perindustrian negara.

- (b) Di peringkat syarikat, jumlah dana pemegang saham bertambah dari \$200.8 juta dalam tahun kewangan 1987/88 kepada \$211.3 juta dalam tahun kewangan berikutnya. Kerugian terkumpulnya berkurangan daripada \$142.3 juta dalam tahun kewangan 1987/88 kepada \$140.3 juta dalam tahun kewangan 1988/89 berikutan keuntungan bersih yang diperolehi sebanyak \$2.0 juta dalam tahun kewangan semasa berbanding dengan kerugian bersih yang dialami sebanyak \$189.1 juta dalam tahun kewangan 1987/88.

Di peringkat Kumpulan pula, akibat dari keuntungan yang diperolehi dalam tahun kewangan 1988/89 telah mengurangkan kerugian terkumpul sebanyak \$337.2 juta dari \$589.8 dalam tahun kewangan 1987/88 kepada \$252.6 juta dalam tahun kewangan 1988/89 pemegang sahamnya menjadi positif sebanyak \$135.9 juta dalam tahun kewangan 1988/89.

HICOM telah mengenalpasti dan sedang menjalankan kajian kemungkinan ke atas beberapa projek baru seperti enjin Proton, "Specialty steel", "City Bus" dan "Sports Car". Walau bagaimanapun, pelaksanaan projek-projek tersebut bergantung kepada hasil kajian kedayamajuan projek-projek berkenaan.

- (c) Dari segi sumbangan gunatena pula, sehingga 31hb Mac 1989, Kumpulan HICOM mempunyai 3,826 pekerja, iaitu seramai 536 orang di peringkat profesional dan pengurusan dan seramai 3,290 orang di peringkat bukan pengurusan. Sejumlah 99.3% gunatena Kumpulan HICOM terdiri da-

ripada warga negara Malaysia, manakala hanya 0.7% sahaja gunatena asing.

SEKOLAHMENENGAHJIT SIN-TAPAK SEKOLAH BARU

10. Tuan Chian Heng Kai minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) sama ada Kementerianya telah meluluskan permohonan dari Sekolah Menengah Jit Sin, Bukit Mertajam untuk memindah tapak sekolah dari Jalan Aston ke satu bidang tanah berhampiran Taman Sri Rambai, Bukit Mertajam. Jika ya, nyatakan tarikh kelulusan, jika belum, mengapa.
- (b) sama ada Kerajaan Pusat akan memberi peruntukan kepada pihak sekolah untuk mendirikan sekolah yang perlu, jika ya, berapakah peruntukan itu dan bilakah peruntukan ini akan diberikan.
- (c) sudahkah pihak Majlis Perbandaran Seberang Perai meluluskan pelan bangunan sekolah itu dalam tempoh satu bulan seperti mana dikatakan oleh Menteri pada 13-9-1989. Jika ya, nyatakan tarikh kelulusan; jika belum, apakah tindakan telah diambil oleh beliau.
- (d) siapakah tuan punya tanah di mana sekolah itu akan didirikan.

Timbalan Menteri Pendidikan (Tuan Woon See Chin); Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan telah menyatakan kelulusan pada prinsip cadangan pemindahan tersebut pada 13-9-89. Ini tertakluk kepada penukaran hak milik tapak sekolah baru Sekolah Menengah Jit Sin, Bukit Mertajam apabila diselesaikan di peringkat Majlis Perbandaran Seberang Perai Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

Kementerian Pendidikan difahamkan bahawa tanah di mana sekolah itu akan didirikan dimiliki oleh Butterworth Product and Industry Sdn. Bhd.

Exco Negeri Pulau Pinang telah meluluskan permohonan Lembaga Pengurus Sekolah Menengah Jit Sin untuk mendapatkan tanah tersebut.

Pihak Lembaga Pengurus Sekolah diminta mengemukakan permohonan baru dan mengemukakan pelan sekolah untuk dipertimbangkan.

LEBUHRAYA GENTING-FRASER HILL-CAMERON HIGHLAND—KOS PELAKSANAAN

13. Tuan Haji Ibrahim Ali minta Menteri Kerjaraya menyatakan apakah benar projek Lebuhraya Genting-Fraser Hill—Cameron Highland akan meningkat sehingga \$2000 juta sebagaimana yang diumumkan melalui akhbar oleh Y.B. Timbalan Menteri Kerjaraya. Memandangkan projek ini boleh disifatkan tidak perlu buat masa ini apakah pihak Kerajaan bercadang untuk membatalkan projek tersebut memandangkan kosnya naik tiga kali ganda.

Timbalan Menteri Kerjaraya (Dato Alexander Yu Lung Lee): Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, adalah benar mengikut anggaran awal, kos pelaksanaan projek Jalan Genting Highlands—Bukit Fraser—Cameron Highlands adalah kira-kira \$2 ribu juta. Mengenai cadangan sama ada projek ini akan dibatalkan, ianya adalah tidak timbul kerana Kerajaan belum lagi membuat keputusan sama ada untuk melaksanakan projek tersebut atau tidak. Apa yang diputuskan oleh Kerajaan pada masa ini ialah untuk melantik juruperunding bagi menjalankan kajian awalan yang melibatkan kerja-kerja ukur dan kajian kemungkinan serta reka bentuk awalan menggunakan teknik "Air-

borne Laser Terrain Profile" bagi bahagian Jalan Genting Highlands ke bukit Frazer sepanjang 55km. Kerja-kerja tersebut akan dijalankan tidak lama lagi dan dijangka memakan masa selama lebih kurang satu tahun.

RUMAH KEDIAMAN PEGAWAI KERAJAAN SABAH—KEKURANGAN

14. Tuan Michael Asang minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) sama ada sedar atau tidak terdapatnya kekurangan rumah tempat tinggal Pegawai/Kakitangan Jabatan Pendaftaran di Negeri Sabah;
- (b) bilakah pembinaan rumah Pegawai/Kakitangan Jabatan Pendaftaran di Daerah Labuk/Sugut Beluran dibuat; dan
- (c) sama ada melantik seorang Pegawai Jabatan lain di Daerah Beluran, oleh kerana hanya seorang sahaja kakitangan yang ditugaskan di Daerah tersebut maka terbukti tidak mampu untuk mengendalikan kerja-kerja berkenaan sendirian.

Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri (Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad):

- (a) Kerajaan memang sedar akan kekurangan rumah kediaman bagi Pegawai/Kakitangan Jabatan Pendaftaran Negara, termasuk di Sabah;
- (b) Kerajaan akan cuba mendapat peruntukan di bawah Rancangan Malaysia Keenam untuk membina Pejabat dan rumah kediaman di daerah berkenaan. Sungguhpun demikian, pada dasarnya Pegawai/Kakitangan tersebut tidak dikategorikan ke dalam kumpulan yang layak diperuntukan tempat kediaman.

- (c) Sungguhpun hanya seorang kakitangan Jabatan Pendaftaran Negara, ditempatkan di Daerah Beluran, pelaksanaan tugas pendaftaran kelahiran dan kematian dibantu oleh Pegawai Perubatan yang dilantik sebagai Perdaftar Kelahiran dan Kematian, manakala urusan pendaftaran perkahwinan dibantu oleh dua (2) orang Penolong Perdaftar Perkahwinan yang dilantik daripada Ketua Gereja Anglikan dan Gereja Katolik.

Kementerian Dalam Negeri sedang mengkaji beban-tugas dan tanggungjawab kakitangan di Jabatan Pendaftaran Negara, Daerah Beluran dengan tujuan untuk membuat penempatan Pegawai/Kakitangan tambahan jika perlu,

JALAN RAYA DI SARAWAK— PERUNTUKAN MEMBAIKI

15. Dr Nicholas Munong Ibau minta Menteri Kerjaraya menyatakan:

- (a) berapakah jumlah peruntukan tiap-tiap tahun pada tahun 1987, 1988, 1989 yang telah diperuntukkan oleh Kementerian Kerja Raya kepada negeri Sarawak untuk membina, membaiki dan menaikkan taraf jalan raya di negeri Sarawak;
- (b) adakah peruntukan kepada negeri Sarawak tiap-tiap tahun habis digunakan;
- (c) sekiranya peruntukan untuk negeri Sarawak selalu tidak habis digunakan berapakah jumlahnya yang dikembalikan kepada Kementerian Kerja Raya dan apakah sebab-sebabnya; dan
- (d) berapakah peruntukan yang akan diberi kepada negeri Sarawak pada tahun 1990.

Dato' Alexander Yu Lung Lee:

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak Kerajaan Persekutuan telah pun memperuntukan sejumlah \$128.7 juta dalam tahun 1987, \$95.9 juta dalam tahun 1988 dan \$143.1 juta dalam tahun 1989 untuk tujuan membina, membaiki dan menaikkan taraf Jalan Raya di negeri Sarawak.
- (b) Peruntukan Tahunan yang disediakan tidak dapat dibelanjakan sepenuhnya. Perbelanjaan yang sebenar dalam tahun 1987 ialah \$92.7 juta, tahun 1988 \$82.2 juta dan untuk tahun 1989 adalah dianggarkan sejumlah \$121.0 juta dapat dibelanjakan.
- (c) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat sebab-sebab JKR Negeri Sarawak tidak dapat membelanjakan semua peruntukan Kerajaan Persekutuan ialah:
- (1) Kontraktor-kontraktor gagal menjalankan kerja-kerja dalam tempoh yang ditetapkan .
 - (2) Masalah kelewatan urusan mengambilalih tanah.
 - (3) Masalah kelewatan proses tawaran sehingga sekarang jumlah peruntukan yang tidak dapat dibelanjakan di dalam RML dianggarkan sebanyak \$71.8 juta sahaja, tetapi ianya dijangka akan habis dibelanjakan dalam tempoh RML. Oleh itu persoalan mengenai jumlah peruntukan yang akan dikembalikan kepada Kementerian Kerja Raya tidak timbul pada masa ini.
- (d) Anggaran Peruntukan yang dicadang akan diberi kepada negeri Sarawak pada tahun 1990 ialah sebanyak \$150,728,000.

SIA—PENERBANGAN KE KUCHING

16. Tuan Douglas Uggah Embas minta Menteri Pengangkutan menyatakan keputusan Kerajaan mengenai rayuan Sarawak supaya Penerbangan Singapore dibenar mendarat di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuching.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail): Rayuan Kerajaan Negeri Sarawak supaya membenarkan Singapore International Airlines (SIA) mengadakan perkhidmatan ke Kuching adalah masih dalam kajian Kerajaan.

BURSA SAHAM KUALA LUMPUR— PELABURAN SAHAM

17. Dr Tan Seng Giaw minta Menteri Kewangan menyatakan apakah bentuk-bentuk organisasi yang digunakan oleh Kerajaan untuk melibatkan diri secara tidak langsung dalam pelaburan Bursa Saham Kuala Lumpur. Bagi setiap bentuk organisasi yang disebutkan, apakah kadar penglibatan, dalam sebutan nilai matawang dan peratusan hakmilik ekuiti, yang menandakan bahagian Kerajaan di dalam organisasi berkenaan; dan seterusnya, bahagian Kerajaan di bawah kategori-kategori berlainan di Bursa Saham.

Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan Persekutuan tidak terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam pelaburan saham di Bursa Saham Kuala Lumpur. Sungguhpun begitu, agensi-agensi Kerajaan seperti Lembaga Tabung Angkatan Tentara (LTAT), Lembaga Urusan Tabung Haji (LUTH), Amanah Saham Nasional (ASN), Permodalan Nasional Berhad (PNB) dan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dibenar oleh Akta penubuhan masing-masing untuk melabur dalam pasaran saham

tertakluk kepada gahspanduan dan syarat pelaburan yang ditetapkan oleh Lembaga Pengarahnya. Walau bagaimanapun, pelaburan-pelaburan tersebut adalah dibuat untuk kepentingan masing-masing dan bukan dibuat atas arahan atau kepentingan Kerajaan.

KEBAKARAN DI SEKOLAH MENENGAH UGAMA TAUFIZIAH KHAIRIAH AL-HALIMIAH

18. Dr Chen Man Hin minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan sebab-sebab yang menyebabkan tragedi kebakaran di Sekolah Menengah Ugama Taufiziah Khairiah Al-Halimiah yang meragut 27 nyawa dan sama ada satu pemeriksaan telah dibuat ke atas semua asrama sekolah di Pulau Pinang tahun inj.

Tuan Osu bin Haji Sukam: Kebakaran ini adalah dijangka berpunca daripada api lilin yang digunakan oleh murid-murid yang hendak menduduki peperiksaan S.R.P. dan S.P.M. Api itu dikatakan telah merebak dengan pantas atas sebab-sebab berikut:

- 1.1 Bangunan asrama adalah dibina daripada kayu jenis dua tingkat.
- 1.2 Bangunan ini mempunyai 9 blok yang didihkan rapat-rapat antara satu dengan yang lain. Tiap-tiap blok bangunan itu dipadatkan dengan penuntut-penuntut yang begitu ramai sekali.
- 1.3 Selain daripada bangunan ini digunakan sebagai asrama, ia juga digunakan sebagai tempat memasak. Penuntut-penuntut mempunyai dapurnya sendiri ataupun berkongsi dan dengan itu terdapat beberapa tin dan botol minyak tanah disimpan di dalamnya. Selain daripada kain-baju, tilam, plastik dan kertas-kertas.

- 1.4 Bilangan penuntut yang ditempatkan di satu-satu blok asrama adalah terlalu ramai dan keadaannya terlalu sempit menyebabkan sukar bagi mereka melepaskan diri semasa kebakaran berlaku.
 - 1.5 Tangga di mana 27 orang mangsa meninggal dunia adalah terletak di tengah-tengah bangunan dan dengan itu mereka sukar melepaskan diri dengan keadaan yang sedemikian rupa.
2. Jabatan Bomba sentiasa menghubungi sekolah-sekolah dan juga mengedarkan surat-surat pekeling kepada Majlis-majlis Tempatan, Majlis-majlis Bandaran dan Jabatan Pendidikan berserta dengan panduan-panduan mengenai keselamatan sekolah dan asrama. Pegawai-pegawai juga telah memberi ceramah kepada murid-murid dan guru-guru dari semasa ke semasa. Hampir kesemua sekolah berasrama di Pulau Pinang telah diperiksa dan diberi nasihat.

JENAYAH KOLAR PUTIH

19. Tuan Lau Dak Kee minta Menteri Dalam Negeri menyatakan langkah-langkah untuk mencegah penjenayah yang kolar putih yang semakin serius jika dibandingkan dengan enam puluhan dan tujuh puluhan.

Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad: Kerajaan memang menyedari peningkatan kejadian jenayah kolar putih yang berlaku sejak beberapa tahun kebelakangan ini dan telah mengambil langkah-langkah tertentu antaranya ialah:

1. Meningkatkan hukuman kesalahan jenayah kolar putih. Akta Bank dan Institusi Kewangan 1989 telah pun diluluskan di mana Akta itu memberi kuasa kepada pegawai polis dan Bank Negara untuk memeriksa dan menyiasat apa-

apa penyelewengan dan penipuan di bank-bank dan institusi-institusi kewangan. Pesalah-pesalah boleh dihukum penjara sehingga 10 tahun di bawah Akta ini.

Pindaan Kanun Kesiksaan di mana kesalahan tipu telah ditingkatkan hukuman penjara 7 tahun kepada 10 tahun dan kesalahan pemalsuan dari 2 tahun kepada 7 tahun.

2. Pembesaran Cawangan Jenayah Perdagangan selain daripada mengetatkan undang-undang dan meningkatkan penalti. Cawangan Jenayah Perdagangan Polis Diraja Malaysia telah diperbesarkan menjadikan sekarang ini 117 orang pegawai, anggota dan kakitangan. Pegawai-pegawai yang dilantik di cawangan ini adalah terdiri daripada pegawai-pegawai yang mempunyai berbagai-bagai bidang seperti undang-undang, perakaunan, bank, insuran dan pertadbiran perniagaan.

Di samping langkah-langkah tersebut, beberapa langkah lain juga telah diambil seperti berikut:

Memberi syarahan dan taklimat kepada institusi-institusi kewangan dan sektor-sektor swasta.

Mengadakan seminar, mesyuarat dan perbincangan antara agensi penguatkuasa dan sektor-sektor yang terlibat.

Memberi khidmat nasihat kepada sesiapa yang inginkan khidmat tersebut.

Pendedahan melalui kenyataan-kenyataan akhbar mengenai kesalahan-kesalahan jenayah kolar putih supaya perkara itu menjadi pengetahuan orang ramai agar berwaspada.

BAYARAN PENCEN

20. Tuan Hu Sepang minta Perdana Menteri menyatakan amaun pencen yang dibayar setiap tahun kepada kakitangan-kakitangan berikut yang telah bersara untuk tahun 1986, 1987 dan 1988.

- (a) Angkatan tentera;
- (b) Polis;
- (c) Guru-guru;
- (d) Ahli-ahli Politik iaitu Senator-senator, Ahli-ahli Parlimen dan Ahli-ahli Dewan Negara; dan

(e) Kakitangan Kerajaan.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman): Perangkaan mengikut pecahan seperti yang diminta oleh Ahli Yang Berhormat tidak dapat dibekalkan kerana pembayaran pencen pada masa ini adalah tidak dipecahkan mengikut tiap-tiap perkhidmatan seperti yang dikehendaki. Pencen yang dibayar adalah sebenarnya mengikut 3 kategori perkhidmatan seperti berikut iaitu:

| <i>Kekitangm</i> | <i>Amaun Pencen</i> | | |
|---|---------------------|----------------|----------------|
| | <i>1986</i> | <i>1987</i> | <i>1988</i> |
| 1. Angkatan Tentera | 45,463,912.92 | 98,101,715.10 | 112,653,871.89 |
| 2. Perkhidmatan Awam (termasuk Polis, Guru, Kakitangan Perkhidmatan Awam dan Badan Berkanun dan Kuasa Tempatan) | 523,570,641.43 | 549,821,712.65 | 598,094,739.96 |
| 3. Ahli-ahli Politik seperti Ahli Parlimen, Senator, Setiausaha Politik dan Anggota-anggota Pentadbiran | 3,320,554.36 | 5,786,789.34 | 5,410,308.27 |

**SEKOLAH MENENGAH
KERAJAAN PADAWAN—
PEMBINAAN**

21. Tuan P. Patto minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) sama ada beliau sedar bahawa pembinaan Sekolah Menengah Kerajaan Padawan di Sarawak terbengkalai selama beberapa tahun kebelakangan ini, jika ya, apakah sebab pembinaan sekolah itu yang amat penting bagi kaum Bidayuh di sekitar Padawan tidak diteruskan untuk selama beberapa tahun;
- (b) siapakah kontraktornya dan bilakah kontrak itu diberi;
- (c) hargaprojek tersebut; dan
- (d) bilakah projek itu akan disiapkan memandangkan lebih-kurang 600 pelajar dari Ting-

katan Satu hingga Tiga kini terpaksa menggunakan sebuah sekolah papan yang hanya mempunyai sembilan bilik darjah yang telah menyebabkan sekolah menengah rendah ini dijalankan dua sesi sejak 1983.

Tuan Woon See Chin: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pembinaan SMK Padawan di Sarawak terbengkalai kerana kontraktor yang mengendalikan pembinaan itu mengalami masalah pengurusan dan kewangan. Sehubungan dengan itu kontrak pembinaan sekolah itu telah ditamatkan pada bulan April 1989 setelah beberapa kali tempoh lanjutan dan amaran diberikan. Pihak JKR Sarawak sedang dalam proses panggilan semula tender. Kontraktor yang terlibat dalam pembinaan sekolah ini ialah Mohamad and Son Construction dan kontrak ini telah

diberikan pada bulan Julai 1986. Harga projek tersebut ialah lebih kurang \$5.5 juta. Sekiranya tiada apa-apa halangan, pembinaan sekolah ini dijangka siap pada bulan Jun 1990.

PEMBALAKAN—TANGKAPAN

22. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Dalam Negeri menyatakan bilangan orang-orang yang ditangkap di Sarawak dalam

- (i) September; dan
- (ii) Oktober, 1989

kerana mengenakan sekatan-sekatan jalan (blockades) atau terlibat dalam tunjuk perasaan bantahan terhadap kegiatan pembalakan di hutan-hutan Sarawak; mengapa pihak Polis terlibat dalam operasi-operasi penangkapan seumpama itu; dan nyatakan bilangan orang-orang Penan, Iban dan lain-lain yang kini di tahan di berbagai-bagai penjara, lokap polis atau di lain-lain tempat di Malaysia dan menyatakan mengapa mereka tidak dibebaskan.

Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad:

- (i) Jumlah orang yang ditangkap dalam bulan September 1989 di Sarawak berkaitan dengan bantahan kegiatan pembalakan ialah seramai 117 orang.

Mereka semuanya dituduh di bawah Seksyen 90B Ordinan Perhutanan Sarawak 1954 dan Mahkamah telah menetapkan tarikh-tarikh perbicaraan mereka dalam tahun 1990.

- (ii) Tidak ada tangkapan yang dibuat dalam bulan Oktober 1989 bagi kes-kes seumpamanya.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat berkenaan juga, pihak Polis terlibat dalam kes tersebut adalah untuk membantu Jabatan Perhutanan Sarawak dalam mentadbirkan per-

untukan-peruntukan di bawah Ordinan Perhutanan Sarawak 1954. Daripada sejumlah 117 orang yang ditangkap tersebut, 110 orang terdiri dari orang Penan, 6 orang Kelabit dan seorang Berawan. Jumlah mereka yang masih ditahan ialah seramai 83 orang terdiri dari orang-orang Penan kerana mereka tidak ada penjamin. Mereka ini ditahan di Penjara Miri dan akan dibebaskan apabila penjamin diperolehi.

PENAGIH DADAH—KAWALAN

23. Tuan Muhammad bin Abdullah minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) berapa ramaikah penagih dadah di Malaysia sehingga sekarang;
- (b) apakah tindakan-tindakan Kerajaan bagi mengawal supaya wabak penagih dadah tersebut tidak merebak;
- (c) adakah Kerajaan bercadang untuk membina pondok Polis dan menempatkan anggota-anggota Polis di tiap-tiap Rancangan Felda dan di tiap-tiap Kampung atau di tempat-tempat yang sesuai bagi mencegah pengedaran dadah berlaku dengan sewenang-wenangnya.

Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad:

- (a) Perangkaan yang telah dikumpul menunjukkan bahawa penagih dadah di Malaysia sehingga bulan Jun tahun 1989 ialah seramai 141,613 orang.
- (b) Kerajaan telah dan sedang mengawal wabak penagihan dadah ini dari merebak dengan menggunakan DUA pendekatan:

- (i) Mengurangkan/memberhentikan bekalan dadah dari masuk ke negara kita.

- (ii) Menjalankan rawatan dan pemulihan bagi penagih-penagih yang telah dikesan di 7 buah Pusat Serenti yang terdapat di seluruh negara.

Dalam melaksanakan *pendekatan pertama* itu beberapa agensi kerajaan dan juga bukan kerajaan telah ditugaskan menjalankannya. Bagi menyekat kemasukan dadah di pintu-pintu masuk sempadan Malaysia, tugas ini dijalankan oleh pihak Kastam & Eksais Di Raja Malaysia manakala pihak Polis di-Raja Malaysia akan bertindak ke atas mana-mana dadah yang telah berjaya masuk ke negara ini.

Tindakan yang dijalankan oleh pihak Polis khususnya Cawangan Anti Dadah ialah dengan menangkap pengedar-pengedar dadah ini bagi menyekat bekalan dadah dari sampai ke tangan penagih-penagih dadah.

Dalam hubungan ini pihak Polis telah menggunakan kuasa seperti yang diperuntukkan di bawah Akta Dadah Berbahaya 1952, Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985, Ordinan Darurat 1969 dan Akta Dadah Berbahaya (Perlucuthakan) 1987 di mana sesuai. Di bawah *pendekatan yang kedua* Kerajaan telah mengambil langkah-langkah yang tegas pada tahun 1983 dengan mewajibkan setiap penagih dadah yang dikesan untuk menjalani program rawatan dan pemulihan. Usaha ini telah dilaksanakan dengan mengadakan satu Akta khusus bagi maksud ini iaitu Akta 283. Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1983. Penagih-penagih dadah telah di hantar

ke Pusat Serenti untuk menjalani proses detoksifikasi dan diikuti dengan program rawatan. Jumlah Pusat Rawatan dan Pemulihan yang beroperasi sekarang ialah sebanyak 7 buah dan 7 lagi adalah dalam peringkat pembangunan.

Sejak tahun 1985, strategi utama Kerajaan dalam pencegahan dadah ialah *pencegahan awalan* iaitu mencegah penagihan dadah sebelum ianya berlaku. Unsur-unsur pendidikan pencegahan dadah di sekolah-sekolah telah dimasukkan ke dalam kurikulum sekolah dan melalui aktiviti kokurikulum.

Bagi penagih dadah yang keluar dari pusat-pusat rawatan dan pemulihan mereka ditempatkan di Pusat-pusat Jagaan Lanjutan bagi membolehkan mereka membina keyakinan diri sepenuhnya sebelum balik ke pangkuan masyarakat.

- (c) Pembinaan pondok Polis atau penempatan anggota Polis di sesuatu tempat adalah berdasarkan kepada keperluan. Sekiranya masalah dadah telah disahkan meningkat di sesuatu kampung atau rancangan FELDA itu, pihak Polis akan menambahkan lawatan patrol selain dari lawatan oleh anggota-anggota sektor atau bit. Selain dari itu, kerjasama orang ramai atau penduduk-penduduk di kawasan yang berkenaan dalam memberi maklumat atas kegiatan dadah juga perlu dipertingkatkan dan sangat berguna kepada pihak Polis.

NAMA PENGUNDI BERDAFTAR DI SABAH

24. Tuan Hsing Yin Shean minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau sedar bahawa terdapat

kesilapan yang nyata dalatn jumlah 21,760 nama-nama pengundi yang berdaftar dalam senarai daftar pengundi Sabah 1988. Mengapakah demikian dan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian beliau untuk mengatasi masalah ini.

Dato' Dr Sulaiman bin Haji Daud:

Suruhanjaya Pilihanraya sedar dan mengetahui bahawa dalam daftar pemilih Negeri Sabah 1988, terdapat lebih kurang 21,000 nama yang bertindih iaitu sama ada didaftarkan mengikut nombor kad pengenalan yang sama dengan nama-nama pemilih yang berlainan atau nama-nama pemilih yang sama iaitu mereka, yang telah mendaftar lebih daripada sekali. Perkara ini bukan sahaja berlaku di Sabah bahkan di negeri-negeri lain di Semenanjung. Namun demikian sebahagian besar daripada jumlah senarai yang dikategorikan sebagai "kesilapan" bukan sebenarnya kesilapan yang menunjukkan bahawa daftar pemilih yang telah disediakan itu tidak teratur atau boleh menjejaskan hak pemilih dalam pilihanraya kerana kebanyakan daripada kesilapan itu berupa pertindihan nama pemilih kerana kesilapan memasukkan data khususnya nombor kad pengenalan yang menyebabkan terdapat nama-nama pemilih berlainan memakai nombor sama. Mereka ini didaftarkan dalam kawasan pilihanraya yang berlainan. Tindakan diambil secara berterusan sepanjang tahun untuk mengesan pemilih-pemilih berkenaan sama ada melalui surat atau dengan cara mengunjungi pemilih-pemilih di tempat kediaman mereka untuk memperbetulkan kesilapan nombor kad pengenalan yang telah disenaraikan. Kesilapan seperti ini juga diperbetulkan semasa pemilih itu mengundi pada hari mengundi dan pemilih berkenaan tidak hilang hak untuk mengundi.

Bagi kesilapan yang menunjukkan bahawa pengundi cuba mendaftar le-

bih daripada sekali di Negeri Sabah terdapat 5,000 kes seumpama itu dan pertindihan nama seperti ini diperbetulkan dengan cara memotong salah satu daripada nama yang bertindih bagi tiap-tiap seorang pengundi. Ini berlaku sama ada dengan sengaja atau dengan tidak sengaja iaitu disebabkan oleh kejahilan para pemilih sendiri mengenai sistem pendaftaran yang dijalankan. Pemilih-pemilih ini diberi amaran supaya tidak melakukan perbuatan seumpama itu kerana terdapat undang-undang yang membolehkan Suruhanjaya mendakwa dan menghukum mereka mengikut hukuman yang terdapat di dalam Akta Kesalahan Pilihanraya.

Bagi Negeri Sabah khususnya perhubungan menerusi pos atau menerusi lawatan ke tempat-tempat kediaman amat sukar dilakukan disebabkan oleh faktor geografi dan komunikasi, satu "task force" diwujudkan untuk menjalankan urusan pembetulan terhadap kesilapan-kesilapan yang terdapat di dalam daftar pemilih walaupun urusan ini amat sukar sekali dijalankan kerana masalah komunikasi yang sukar di Negeri Sabah. Untuk mencapai kesempurnaan dalam urusan ini, Suruhanjaya akan dapat melaksanakan tugasnya dengan lebih senang sekiranya pengundi-pengundi di Sabah dan juga di tempat-tempat lain dapat memberi kerjasama dengan cara menyemak nama-nama mereka semasa Rang Daftar Pemilih dipamerkan tiap-tiap tahun di dalam kawasan pilihanraya masing-masing dan membuat tuntutan, bantahan dan pembetulan terhadap mana-mana kesilapan yang terdapat di dalam daftar pemilih yang dipamerkan itu. Sekiranya ini tidak dilakukan, sepertimana yang dialami dimasa-masa yang lepas, maka selama itulah tugas-tugas Suruhanjaya dalam menyediakan daftar yang benar-benar bersih akan sentiasa melalui jalan yang sukar.

FERI MALAYSIA— KERUGIAN

25. Tuan Samson Chin Chee Tsu minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Kerajaan bercadang untuk menamatkan perkhidmatan Feri Malaysia memandangkan kepada kerugian yang dialaminya.

Dato' Dr Sulaiman bin Haji Daud: Untuk makluman Yang Berhormat, memandangkan kerugian yang dialami oleh Feri Malaysia dalam jadual pelayaran yang ada sekarang, Kerajaan sedang mengawasi prestasi kewangannya. Sehubungan dengan itu, Kerajaan telahpun bersetuju memberi kebebasan kepada pengurusan Feri Malaysia supaya merancang pelayarannya ke destinasi-destinasi lain seperti mengadakan pelayaran-pelayaran khas dan "cruises" dan tidak terikat semata-mata dengan jadual pelayaran yang ada sekarang ini. Ini adalah sebagai usaha untuk mengurangkan kerugian yang dialaminya. Pihak Perbadanan Nasional Shipping Line (PNSL) telah menjalankan beberapa kajian berdasarkan pelayaran ke destinasi-destinasi lain di rantau ini dan mendapati bahawa pelayaran-pelayaran tersebut menghadapi risiko kegagalan yang tinggi. Ini disebabkan fakta-fakta seperti kurangnya sambutan orang-orang tempatan terhadap perkhidmatan "cruise" dan persaingan dengan kapal-kapal "cruise" yang lain yang telah sedia ada beroperasi di rantau ini sepanjang tahun.

Di samping itu, berdasarkan unjuran untung/rugi sehingga 1996, Feri Malaysia dijangka mengalami kerugian bersih yang meningkat.

Oleh itu, pihak Perbadanan Nasional Shipping Line (PNSL) telah memperakukan kepada Kerajaan supaya perkhidmatan Feri Malaysia ditamatkan. Kerajaan menimbang perakuan ini.

(Soalan No. 26 Sila lihat jawapan No. 4).

RUMAH PANGSA TERMISKIN—BANTUAN

27. Tuan Haji Mohamed bin Haji Yaacob minta Perdana Menteri menyatakan sudahkah Kementerian ini dapat mengumpul jumlah rumah-rumah orang yang termiskin di seluruh negara:

- (a) nyatakan jumlahnya; dan
- (b) berapa peruntukan kepada sesebuah rumah yang akan diberi.

Dato' Dr Siti Zaharah binti Haji Sulaiman: Di bawah Program Pemulihan Rumah (PPR), bantuan diberi untuk rumah keluarga termiskin yang didapati terlalu daif dan tidak selamat untuk diduduki. Tugas mengenalpasti rumah-rumah ini telah diserahkan kepada Pegawai-pegawai Daerah. Jumlah rumah keluarga termiskin seluruh negara belum dapat diketahui kerana negeri-negeri masih meneruskan kerja-kerja mengenalpasti rumah-rumah yang terlibat, secara berperingkat.

Peruntukan bantuan yang akan diberi di bawah program ini adalah seperti berikut:

- (i) Bantuan membina semula rumah—\$2,000.
- (ii) Bantuan memperbaiki rumah—\$500-\$1,000 mengikut keadaan rumah.

HAKISAN PANTAI MALAYSIA—KAJIAN

28. Tuan Peter Paul Dason minta Perdana Menteri menyatakan berapa panjangkah (kilometer) persisiran pantai negara Malaysia yang tertakluk kepada hakisan yang mana telah mengancam perumahan dan aktiviti-aktiviti pertanian yang sedia ada dan apakah langkah-langkah yang sedang diambil bagi mengatasi masalah ini.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Othman bin Abdul): Mengikut Kajian Hakisan Pantai Negara yang telah dijalankan pada tahun 1985, kira-kira 1,300 km daripada 1,840 km kawasan pantai telah mengalami hakisan. Kawasan pantai yang mengalami hakisan dikategorikan seperti berikut:

(a) *Kategori I*

Kawasan yang kritikal iaitu yang mengancam aktiviti sosio-ekonomi dan memerlukan tindakan segera (sepanjang 140 km).

(b) *Kategori II*

Kawasan yang kurang serius tetapi memerlukan tindakan tempoh 5-10 tahun akan datang (sepanjang 240 km).

(c) *Kategori III*

Kawasan yang mengalami hakisan tetapi tidak didiami dan tidak mengancam aktiviti sosio-ekonomi (sepanjang 900 km),

Hakisan pantai yang mengancam kawasan pertanian dan perumahan ialah:

| | Pertanian (km) | Perumahan (km) |
|--------------------------|-------------------|-------------------|
| Kategori I (Kritikal) | 90 | 50 |
| Kategori II | 120 | 30 |

Program yang dijalankan untuk mengatasi dan mengawasi masalah hakisan adalah seperti berikut:

Program Jangka Pendek—ditumpukan kepada kawasan-kawasan di dalam Kategori I di mana penyelesaian dilakukan dengan pembinaan struktur seperti pemecahan ombak (breakwater) dan pelindung pantai (revetment). Status pelaksanaan projek sehingga kini adalah seperti berikut:

| | |
|----------------------------|---|
| (1) Projek yang telah siap | 1 |
| (2) Dalam pembinaan | 6 |

| | |
|------------------------|-------|
| (3) Reka bentuk | 4 |
| (4) Kajian Kemungkinan | 5 |
| | <hr/> |
| | 16 |
| | <hr/> |

Program Jangka Panjang—bagi kawasan selain daripada Kategori I, pengawalan adalah secara tidak menggunakan kaedah-kaedah seperti pemecah ombak dan perlindungan pantai iaitu melalui penggunaan kawasan, garisan anjakan ke belakang (set-back line) dan sebagainya. Bagi tujuan ini pemindahan penduduk perlu dilaksanakan dan jalan raya perlu diubah melalui kawasan yang lebih jauh ke dalam dari garisan pantai.

PENYAKIT AIDS

29. Tuan Haji Mohamad bin Haji Isa minta Menteri Kesihatan raenytakan hari ini sana sini berita tentang Sindrom Kekurangan Daya Ketahanan Penyakit (AIDS) telah disiarkan dengan luasnya. Berbagai tindakan dan hukuman telah diusulkan. Lebih-lebih lagi dikatakan penyakit ini berluas di Negeri Thai:

- adakah pihak kesihatan sudah mengadakan Pusat-Pusat Kawalan Penyakit ini di semua *pintu masuk* (imigresen) Malaysia bagi mencegah penyakit AIDS ini;
- apakah tindakan Kerajaan kepada pelancong-pelancong yang membawa kuman-kuman AIDS ini; dan
- sehingga hari ini berapakah jumlah penyakit yang disyaki berpenyakit AIDS di Malaysia, dan negeri manakah yang paling ramai sekali.

Timbalan Menteri Kesihatan (Tuan Mohamed Farid bin Ariffin): Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jawapan kepada soalan ini telahpun dijawab pada 16-10-1989 kepada

soalan mulut oleh Ahli Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Rahman Bakar dari Marang.

PENYAKIT AIDS

30. Tuan Teoh Teik Huat minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) berapakah bilangan mangsa-mangsa yang telah dihadapi penyakit Sindrom Kurang Daya Tahanan (AIDS) di negara ini dengan memberi pecahan mengikut negeri masing-masing;
- (b) selain dari kempen terhadap jangkitan AIDS, adakah Kementerian ini mempunyai apa-apa rancangan untuk menerangkan juga di mana mangsa-mangsa ini boleh mendapat pertolongan; dan
- (c) apakah langkah-langkah yang telah dan akan diambil oleh pihak kerajaan untuk memeringi penyakit maut ini dari merebak selain dari hanya mengeluarkan amaran-amaran yang menakutkan.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jawapan kepada soalan ini telahpun dijawab pada 16-10-1989 kepada soalan mulut oleh Ahli Yang Berhormat Tuan Haji Rahman Bakar dari Marang.

TAHANAN ISA

31. Tuan R. Karpal Singh minta Menteri Dalam Negeri menyatakan berapa ramai orang yang masih ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri, memberi butir-butir berkenaan.

Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad: Jawapan mengenai perkara yang sama telahpun diberikan kepada pertanyaan mulut oleh Ahli Yang Berhormat dari Tanjong pada 17-10-1989.

GALAKAN PERDAGANGAN DUAHALA MALAYSIA- CHINA—HASIL LAWATAN

32. Tuan Chew Kam Hoy minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan apakah hasil lawatan rasmi beliau ke Republik Rakyat China baru-baru ini dari segi keselamatan, ekonomi dan sosial.

Dato' Kok Wee Kiat: Objektif utama lawatan Y.B. Menteri Perdagangan dan Perindustrian ke Republik Rakyat China dalam bulan Julai yang lepas ialah untuk meningkat dan menggalakkan perdagangan duahala kedua-dua buah negara. Hasil dari lawatan tersebut, beberapa isu kepentingan bersama khususnya dalam bidang perdagangan telah dibincangkan antara kedua-dua pihak. RRC telah memaklumkan bahawa negara tersebut akan terus berusaha meningkatkan hubungan perdagangan dengan Malaysia. Sehubungan dengan ini pihak RRC telah memberi jaminan bahawa "agency rights" akan diberi kepada agensi-agensi pemiagaan Malaysia untuk memasarkan secara terus barangan keluaran RRC di Malaysia. Walau bagaimanapun setakat ini belum ada syarikat-syarikat Malaysia yang diberi "agency rights" oleh mana-mana "Corporation" di RRC semenjak lawatan berkenaan. Di samping itu RRC juga berjanji akan mengkaji keperluan pasarannya dan akan membeli dari Malaysia keluaran-keluaran yang diperlukan. Buat masa ini, RRC berminat untuk membeli minyak kelapa sawit dari Malaysia untuk kegunaan industrinya. Walau bagaimanapun ini bergantung kepada kedudukan simpanan pertukaran wang asing negara tersebut.

HUKUMAN PENJARA SEUMUR HIDUP—MEMANSUHKAN

33. Tuan R. Karpal Singh minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada Kerajaan bercadang memansuhkan hukuman penjara

seumur hidup yang diterkandung di bawah Firearms (Increased Penalties) Act 1971 dan Akta Senjata 1960. Apakah langkah yang Kerajaan bercadang mengambil bagi orang-orang yang kini ditahan di bawah hukuman ini dan yang sedang menjalani hukuman ini.

Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad: Perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat itu akan dikaji bila perlu.

PELANCONG ASING DAN PERTUKARAN WANG DIPEROLEHI

34. Tuan Lee Lam Thye minta Menteri Kebudayaan dan Pelancongan menyatakan:

- (a) bilangan pelancong asing yang memasuki Malaysia untuk tahun-tahun 1987, 1988 dan tempoh sehingga Jun 1989 dan anggaran amaun pertukaran asing yang diperolehi semasa tempoh tersebut;
- (b) di peringkat manakah perseediaan yang kita buat berkaitan galakan Tahun Melawat Malaysia 1990 dan amaun peruntukan yang dibelanjakan setakat ini dalam kempen galakan ini; dan
- (c) jumlah pelancong asing yang menjadi matlamat kita yang kita bercadang membawa masuk semasa kempen Tahun Melawat Malaysia berjalan dan berapa banyak pertukaran asing yang kita berharap untuk memperolehinya.

Setusaha Parlimen Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan (Tuan Abdul Rahman bin Suliman):

- (a) Bilangan pelancong asing yang memasuki Malaysia dan anggaran amaun pertukaran wang asing yang diperolehi bagi

tempoh 1987, 1988 dan Jun 1989 adalah seperti berikut:

| Tahun | Anggaran Jumlah | Anggaran Pertukaran |
|---------|--------------------|------------------------|
| | Pelancong | Wang Asing |
| 1987 | 3,358,983 | \$1,795.5 juta |
| 1988 .. | 3,624,864 | \$2,011.9 juta |
| 1989 .. | 3,950,000 | \$2,266.2 juta |

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, anggaran ketibaan pelancongan ke Malaysia adalah dibuat mengikut tahun dan tidak mengikut bulan.

- (b) KKP pada masa ini sedang menjalankan usaha-usaha perseediaan sempena dengan Tahun Melawat Malaysia 1990 seperti berikut:

- (i) Kempen Penggalakan di luar negeri yang melibatkan penghantaran rombongan galakan pelancongan ke pasaran-pasaran pelancong yang berpotensi seperti Amerika Syarikat, Kanada, Negara-negara Eropah, Australia, Jepun, Mauritius dan lain-lain. Penggalakan di luar negeri juga dibuat melalui pengiklanan di akhbar-akhbar, majalah-majalah dan rangkaian TV di negara-negara berkenaan. Di samping itu, pengiklanan melalui "billboard", papan-papan iklan mengenai keindahan Malaysia juga dibuat di kota-kota besar seperti London, Bangkok, Los Angeles, Singapura, Frankfurt, Dubai, Bombay dan Madras.

- (ii) Kempen penggalakan di dalam Negeri dilaksanakan dengan kaedah yang sama seperti yang dijalankan di luar negeri.

- (iii) Penyediaan Acara-acara Tahun Melawat Malaysia 1990 dengan kerjasama Kerajaan-kerajaan Negeri, Agensi-agensi Kerajaan dan sektor swasta, di mana lebih 100 acara menarik telah dikenalpasti.
- (iv) Kempen Kesopanan sebagai usaha mendidik semua pihak tentang pentingnya sikap dan tata kelakuan di dalam menarik pelancong.
- (v) Penyediaan kemudahan-kemudahan asas pelancongan meliputi tempat-tempat penginapan yang mencukupi, sistem pengangkutan yang baik dan mencukupi, kemudahan membeli belah, soal-soal keselamatan pelancong, serta kemudahan-kemudahan asas yang lain seperti tandas, perkhidmatan pertukaran wang asing, perkhidmatan pos, dan perkhidmatan-perkhidmatan bersifat hiburan dan rekreasi.

Mengenai jumlah peruntukan yang dibelanjakan bagi galakan Tahun Melawat Malaysia, sehingga kini sebanyak \$2.5 juta telah dibelanjakan bagi mengeluarkan bahan-bahan bercetak untuk promosi Tahun Melawat Malaysia.

- (c) Matlamat jumlah pelancong asing yang akan melawat Malaysia semasa Tahun Melawat Malaysia 1990 ialah 4.3 juta orang iaitu pertambahan pada kadar 10% berbanding pada tahun sebelumnya dan ini melibatkan pertukaran wang asing sebanyak \$2,575 juta.

ATURAN URUSAN MESYUARAT

RANG UNDANG-UNDANG JUALAN BARANG (NEGERI-NEGERI MELAYU) (PINDAAN DAN PERLUASAN)— MENARIK BALIK

Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kehakiman (Dato' Dr Sulaiman bin Haji Daud): Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri di bawah Peraturan Mesyuarat 62, dan memohon menarik balik Rang Undang-undang Jualan Barang (Negeri-negeri Melayu) (Pindaan dan Perluasan).

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D.P. Vijandran); Boleh.

RANG UNDANG-UNDANG RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 1990

Bacaan Kali Yang Kedua

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN 1990

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbincangan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang Perbekalan 1990 dibacakan kali 'yang kedua sekarang" dan "Bahawa Usul yang berikut ini dirujuk kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis:

Bahawa Dewan ini, mengikut Seksyen 4 (3) Akta Kumpulanwang Pembangunan 1966, membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih daripada \$9,257,427,310 dibelanjakan daripada Kumpulanwang Pembangunan bagi tahun 1990, dan bagi tujuan-tujuan dan butiran butiran perbelanjaan pembangunan

yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau ("P") dalam senarai Belanjawan Persekutuan, 1990 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 27 tahun 1989, adalah diuntukkan di bawah maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang setentang dengan butiran-butiran itu di ruangan lapan dan sembilan senarai tersebut". (27hb Oktober, 1989),

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Tanjong,

3.40ptg.

Tuan Lim Kit Siang (Tanjong): Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, Selamat Deepavali.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri Kewangan ketika membentangkan Belanjawan 1990 pada hari Jumaat lalu telah membentangkan suatu belanjawan pilihanraya serta membuat suatu ucapan bersifat pilihanraya. Malah saya tidak dapat ingat mana-mana ucapan belanjawan yang begitu bersifat pilihanraya sehingga sesiapa sahaja yang menonton televisyen untuk mendengar 20% bahagian terakhir ucapan beliau itu akan menyangka bahawa Yang Berhormat Menteri Kewangan telah memulakan kempen pilihanraya umum awal bagi pihak UMNO (Baru). (Tepuk)

Apa yang mengganggukan saya sangat apabila saya mendengar bahagian terakhir ucapan Belanjawan Menteri Kewangan ialah gambaran jelas bahawa beliau bagi pihak UMNO (Baru) telah menggunakan Belanjawan 1990 bukan sahaja untuk memancing undi dalam pilihanraya umum akan datang tetapi secara tersembunyi menggunakan Belanjawan 1990 untuk memperolehi kesahihan atau legitimacy kerana serangan-serangan politik yang dilakukan terhadap asas-asas

demokratik Malaysia serta skandal-skandal ekonomi UMNO (Baru) sejak tahun-tahun kebelakangan ini.

Yang Berhormat Menteri Kewangan telah bercakap besar mengenai Sukan SEA dan CHOGM tetapi yang terbukti amat menggembirkannya ialah dakwaan bahawa UMNO (Baru) telah berjaya hidup walaupun ada ahli-ahli nujum telah meramalkan ekonomi dan politik UMNO (Baru) akan menemui akhir zaman. Percubaan Yang Berhormat Menteri Kewangan untuk menyamakan survival ekonomi dan politik UMNO Baru dengan survival ekonomi dan politik negara Malaysia haruslah disangkal dan ditolak sejak dari permulaan lagi kerana ia adalah tidak berasas sama sekali. Begitu juga dakwaannya bahawa majoriti rakyat menyokong penuh UMNO (Baru) dalam langkah-langkah yang diambilnya untuk memastikan survival politik dan ekonominya. UMNO (Baru) dan Kerajaan Barisan Nasional haruslah diingatkan bahawa ia tidak pernah memperolehi sokongan majoriti rakyat Malaysia. Dalam pilihanraya umum 1986 Barisan Nasional hanya memperolehi 57.28% jumlah undi Parlimen di peringkat kebangsaan sementara parti DAP memperolehi 21.1%, PAS 15.5% dan baki undi-undi pula diperolehi oleh parti-parti Pembangkang yang lain.

Kini dengan UMNO berpecah kepada UMNO (Baru) dan Semangat 46 nescaya jumlah sokongan para pengundi di peringkat kebangsaan tidak melebihi 1/3 jumlah undi kebangsaan. (Tepuk) Satu Kerajaan yang baru dapat 1/3 pengundi-pengundi di negara tetapi dapat 2/3 kerusi di Parlimen tunjuklah betapa tidak demokratik, satu sistem yang begitu tidak adil. Ini adalah perkara yang pertama:

Kedua, bagaimana Yang Berhormat Menteri Kewangan boleh mendakwa UMNO (Baru) memperolehi sokongan

majoriti rakyat berkait dengan langkah-langkah yang diambilkannya untuk menyelamatkan dirinya daripada runtuh politik dan ekonomi. Dalam ucapan Betanjawan, Yang Berhormat telah berkata, dan saya petikkan:

"Kerajaan pula akan kukuh dan berkesan hanya dengan sokongan padu dari rakyat. Kerajaan akan dapat memenuhi keseluruhan kehendak dan aspirasi rakyat hanya jika rakyat memberikan sokongan yang sungguh-sungguh. Kita tidak pernah berharap kepada sokongan yang membuta-tuli. Kita berpegang kepada prinsip, jika benar katalah benar. Atas prinsip ini, seluruh rakyat perlu bersatu menentang golongan yang berusaha mengabui mata kita terhadap kebenaran dan kenyataan. Kita harus tentang dengan sekeras-sekerasnya golongan yang berusaha memutarbelitkan kenyataan semata-mata kerana hendak memecahbelahkan rakyat, semata-mata kerana hendak menggugat kestabilan negara, semata-mata kerana nafsu besar mereka hendak berkuasa."

Yang Berhormat Menteri Kewangan telah merakamkan penghargaan dan terima kasihnya kepada segala lapisan masyarakat kerana menunjukkan kesetiaan, keyakinan, kesabaran apabila berdiri bersama Kerajaan dalam menghadapi ketika-ketika yang genting, khasnya semenjak lima tahun kebelakangan ini dan beliau berkata, dan saya petik lagi:

"Tahun-tahun ini telah menguji kepada kecekalan, kegigihan dan kedaulatan kita sebagai sebuah negara demokratik yang bermaruah. Sepanjang tahun-tahun ini berbagai pancaroba telah metanda negara dan pemimpin-pemimpinnya. Pelbagai tohmah, keji dan cerca telah dilemparkan kepada mereka, pelbagai ramalan

"akhir zaman" telah dibuat terhadap survival ekonomi dan politik negara sehingga ada sebahagian rakyat yang telah terpengaruh dan mengambil tindakan-tindakan yang boleh mengancam kestabilan negara. Seandainya lebih ramai rakyat terpengaruh dengan dakyah dan cerita-cerita karut ini, negara kita sudah tentulah huru hara, ekonomi sudah tentulah bankrap. Tetapi hakikatnya adalah sebaliknya. Ekonomi kita semakin teguh, negara semakin stabil. Syukur Alhamdulillah, kita telah terhindar daripada bahaya bencana yang besar ini disebabkan oleh kebijaksanaan sebilangan besar rakyat yang tabah serta setia dan tahu pula menilai yang mana benar dan mana palsu."

Tuan Yang di-Pertua, ini adalah, dengan izin, satu distortion of history, satu putar belitan akan sejarah. (*Tepuk*)

Dua tahun dahulu apabila Dewan yang mulia ini bermula membahaskan belanjawan Kerajaan melancarkan "Operasi Lalang" dengan menangkap seramai 106 rakyat Malaysia, 40 daripada mereka ini kemudiannya dikenakan perintah tahanan selama dua tahun di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri dan dihantar ke tempat tahanan Kamunting. Pada masa ini sementara rakyat Malaysia sedang memperingati ulangtahun kedua Operasi Lalang, kami orang-orang tahanan Operasi Lalang tidak boleh membenarkan kehilangan kebebasan kami, ketidakadilan-ketidakadilan yang kami mengalami serta trauma dan penderitaan trauma dan ordeal, Tuan Yang di-Pertua, yang dialami oleh keluarga kami, dicerca dan difitnah oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan seperti dilakukan Jumaat lalu. Kami secara categorical menafikan serta mencabar dakwaan yang terkandung di dalam ucapan Belanjawan Jumaat lalu bererti bahawa demi kebaikan ekonomi dan

politik negara Malaysia, Kerajaan yang dipimpin oleh UMNO (Baru) terpaksa mengambil langkah-langkah yang berikut dalam tempoh tiga tahun kebelakangan ini.

Yang pertama, Operasi Lalang yang amat keji itu yang menyebabkan penangkapan kritik-kritik dan suara-suara dissent.

Kedua, serangan yang tidak pernah terjadi ke atas prinsip Kebebasan Kehakiman yang menyebabkan pemecatan Ketua Hakim Negara, Tun Salleh Abas dan dua orang Hakim Mahkamah Agung, Tan Sri Wan Sulaiman dan Dato' George Seah serta penakutan para hakim.

Ketiga, pemusnahan doctrine pengasingan kuasa untuk memperuntukkan checks and balances yang mencukupi untuk memastikan betiungnya sistem demokrasi berparlimen dengan licin.

Keempat, pemusatan kuasa-kuasa yang lebih di dalam tangan pihak Eksekutif terutama sekali dalam tangan Perdana Menteri dengan merampas kuasa-kuasa Parlimen dan Kehakiman seperti diperlihatkan dengan kelulusan undang-undang yang amat tidak demokratik dan Draconian seperti pindaan-pindaan yang dibuat kepada Perlembagaan Persekutuan, Akta Keselamatan Dalam Negeri, Akta Polis, Akta Mesin Cetak dan Penerbitan dan kini pula cadangan pindaan-pindaan kepada Akta Pertubuhan.

Kelima, penswastan kontrak Lebuhraya Utara/Selatan kepada sebuah syarikat milikan UMNO iaitu United Engineers Malaysia dan melaluinya kepada syarikat-syarikat korporat UMNO yang lain seperti PLUS dan Time Engineering di mana segala urusan niaga dan prosiding disembunyikan daripada pemeriksaan dan accountability awam.

Umpamanya siapakah yang menyatakan apa yang benar mengenai Operasi Lalang tahun 1987.

40 orang yang dikenakan perintah tahanan secara formal dituduh sebagai mengancam keselamatan negara dan ketenteraman awam Malaysia. Meskipun terdapat Kertas Putih Kerajaan mengenai penangkapan-penangkapan yang dibuat pada bulan Oktober/November, 1987 itu yang mana Kertas Putih Kerajaan itu telah mencatat sejarah disebabkan ia merupakan satu dokumen Kerajaan yang mempunyai kredibiliti awam yang paling kurang sekali dalam masa 32 tahun kebelakangan ini, namun Kerajaan telah gagal menyakinkan rakyat Malaysia dan juga seluruh dunia tentang perlunya diadakan penahanan di bawah Operasi Lalang atas sebab-sebab keselamatan. Malah pengakuan Kerajaan sendiri, yakni penangkapan-penangkapan tersebut tidak ada hubungan langsung dengan keselamatan negara boleh diperlihatkan dengan bukti bahawa tidak seorang pun daripada 40 orang tahanan Operasi Lalang menjalani tahanannya dengan penuh selama dua tahun. Bagaimanakah Kerajaan boleh bertindak dengan begitu tidak bertanggungjawab dengan menyalahgunakan kuasa-kuasa ISAnya untuk menahan 4 orang untuk tempoh dua tahun atas alasan keselamatan negara sedangkan kumpulan pertama orang-orang tahanan berkenaan telah dibebaskan selepas 6 bulan dan Yang Berhormat dari Kota Melaka dan saya dibebaskan 18 bulan kemudian, iaitu kami berdua adalah kumpulan terakhir dibebaskan . . .

Tuan Hashim bin Safin (Tanah Merah): (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhonnat dari Tanah Merah minta jalan, Yang Berhormat.

Tuan Hashim bin Safin: Boleh minta penjelasan?

Tuan Lim Kit Siang: Boleh.

Tuan Hashim bin Safin: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menarik kepada kenyataan daripada Yang Berhormat dari Tanjong mengenai keselamatan dalam kaitan penangkapan 40 orang semasa Operasi Lalang yang berlaku di sekitar akhir Oktober dan awal November, 1987.

Tuan Yang di-Pertua, saya merasa dan sebahagian besar masyarakat ataupun kita semua merasa ketegangan telah berlaku hasil daripada percaturan politik yang dimulakan oleh satu pihak setelah keputusan pilihanraya di mana DAP memainkan peranan menggunakan dasar ekonomi sebagai sebab dan nada ini pula disambut oleh MCA.

Tuan Lim Kit Siang: Itu bukan minta penjelasan. Kalau mahu berucap, nanti dahululah.

Tuan Hashim bin Safin: Nanti, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat tidak boleh buat ucapan, minta penjelasan.

Tuan Hashim bin Safin: Saya akan minta penjelasan. Ketegangan telah berlaku yang bermula daripada DAP, sambut MCA, UMNO terpaksa bercakap. Sebab ketegangan ini terpaksa ditangkap pemimpin-pemimpin yang berkaitan, termasuk pemimpin dari Tanjong. Jadi apakah selepas penangkapan berada dalam tahanan, keadaan masyarakat tenang, sekarang kita telah baik. Apakah tidak ada kesan keselamatan daripada Operasi Lalang? Itu penjelasan saya minta, Tuan Yang di-Pertua,

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, orang yang tak faham apa yang ada dalam Peraturan Mesyuarat mengenai hak untuk meminta penjelasan, tidak akan ada hak lagi

meminta penjelasan oleh kerana akan ditolakkan. Dia tak faham apakah penjelasan, dia salahguna kuasa.

Tuan Yang di-Pertua, kita tahu siapa yang mewujudkan ketegangan dalam bulan Oktober 1987, siapa adakan rapat umum di TPCA, siapa kata mahu rapat umum raksaksa pada 1hb November, siapa ada slogan-slogan "Keris berdarah"? Pemimpin-pemimpin, Menteri-menteri sendiri yang sebenarnya bertanggungjawab ke atas ketegangan tetapi Kerajaan kita, Barisan Nasional, UMNO (Baru) begitu adil, orang yang salah dia tidak tangkap, orang tidak salah tangkap. Semacam rasuah, orang salah tak tangkap, orang bongkar rasuah tangkap. Itulah keadilan Barisan Nasional. (*Tepuk*)

Tuan Yang di-Pertua, memang sehingga kini saya masih ingin tahu daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri merangkap Menteri Dalam Negeri atau daripada Ketua Polis Negara atau Pengarah Cawangan Khas, Dato Rahim Nor mengapa Yang Berhormat dari Kota Melaka ditahan begitu panjang selama 18 bulan. Pembisuan mereka hanya akan bermakna bahawa mereka adalah bersalah kerana menyalahgunakan kuasa. Sekiranya orang-orang tahanan Operasi Lalang itu ditahan kerana mereka merupakan ancaman kepada keselamatan negara, maka mengapakah pegawai-pegawai penyiasat polis saya lebih berminat mencuba mengorek daripada saya daripada manakah saya mendapat maklumat-aklumat tentang skandal Lebuhraya Utara-Selatan UMNO serta lain-lain skandal seperti skandal \$2.5 bilion Bumiputera Malaysia Finance, skandal saham KWSP-MAKUWASA, skandal saham UMBC yang melibatkan Yang Berhormat Menteri Kewangan sendiri, pembelian secara misteri bijih timah di London yang dilakukan oleh MAMINCO dan lain-lain.

Di manakah letaknya kebenaran apabila Kerajaan mendakwa bahawa penangkapan secara besar-besaran di bawah Operasi Lalang menerima sokongan rakyat kerana ia telah meredakan ketegangan yang wujud di negara ini dan bahawa rakyat meneruskan dengan kehidupan biasa mereka untuk mencari nafkah hidup. Bukankah benar ketegangan negara diredakan dan terdapat rasa lega diseluruh negara bukan kerana penangkapan beramai-ramai yang dilakukan di bawah Operasi Lalang, tetapi disebabkan pembatalan rapat umum UMNO yang dijangka dihadiri oleh 500,000 orang yang dirancang untuk diadakan di Stadium Negara pada 1hb November, 1987 selepas pemimpin-pemimpin UMNO, termasuk Menteri-menteri UMNO secara sistematik menghasut ketegangan perkauman. Bagaimana Yang Berhormat Menteri Kewangan berani datang ke Dewan ini dan mendakwa bahawa tindakan-tindakan politik Kerajaan dalam beberapa tahun kebelakangan ini disokong oleh rakyat dan bahawa Kerajaan tidak mahu menyembunyikan kebenaran dan kenyataan.

Siapakah yang menyatakan kebenaran mengenai krisis kehakiman yang berlaku di Malaysia pada tahun lepas di mana Ketua Hakim Negara dan dua orang Hakim Mahkamah Agung dipecat dan pada satu ketika 6 daripada 9 orang Hakim Mahkamah Agung digantung sementara menunggu penyiasatan ke dalam kononya salahlaku Kehakiman. Di Dalam buku yang baru diterbitkan berjudul "May Day for Justice" yang ditulis bersama oleh Tun Salleh Abas dan K. Das, Tun Salleh telah bertanya:

"Siapakah yang boleh mempercayai bahawa segala tuduhan yang dilemparkan terhadap saya bukan apa-apa, tetapi dusta semata-mata? Siapakah yang mempercayai bahawa saya dipecat

bukan disebabkan sebab-sebab lain, tetapi semata-mata kerana dipercayai bahawa kehadiran saya di dalam Kehakiman merupakan suatu ancaman kepada cita-cita Perdana Menteri untuk terus mengekal sebagai Presiden UMNO dan dengan demikian merenegang kuasa politik? Dan siapakah yang mempercayai bahawa tujuan muktamad urusan tersebut bukan untuk menakutkan pihak Kehakiman semata-mata supaya para hakim akan takut untuk membuat keputusan-keputusan terhadap Kerajaan."

Tuan Yang di-Pertua, malah Tun Salleh selanjutnya menanya persoalan-persoalan yang relevent dan pokok di dalam bukunya:

"Apakah Perdana Menteri Malaysia tahu ertinya 'pengasingan kuasa', 'pemerintahan undang-undang', 'keadilan semula jadi' dan 'undang-undang yang tidak bertulis'? Apakah secara kebetulan Operasi Lalang itu berlaku dengan melemahkan parti Pembangkang yang paling berkesan di Parlimen dan kemudiannya meluluskan pindaan-pindaan Perlembagaan untuk meyekat pihak kehakiman? Apakah secara kebetulan surat-khabar-suratkhabar yang paling kurang 'sycophantic' ditutup secara berkesan di bawah Operasi Lalang sebelum serangan ke atas kehakiman bermula? Bolehkah sesiapa manafikan pada hari ini Kehakiman bukan sahaja merupakan cabang Kerajaan Malaysia yang paling lemah, tetapi ia hampir-hampir telah hilang kebebasan yang dipupuk sekian lama itu?"

Tuan Yang di-Pertua, lagi siapakah yang menyatakan yang benar, yang menyembunyikan fakta-fakta tentang betapa perlunya Perdana Menteri dan eksekutif diberikan kuasa-kuasa yang lebih tidak demokratik dan bersifat

"draconian" dengan meminda Perlembagaan Persekutuan, Akta Keselamatan Dalam Negeri, Akta Polis, Akta Mesin Cetak dan Penerhitan, dan kini pula mahu meminda Akta Pertubuhan untuk mengecualikan daripada Mahkamah kuasa untuk menghakimi soal-soal berkait dengan kesahan dari segi undang-undang atau keputusan pemilihan parti, kes-kes sama ada sah atau tidak sah dalam MIC-kalau begitupun tidak boleh pergi Mahkamah. Akhirnya siapakah yang menyatakan yang benar tentang pemberian kontrak penswastaaan Lebuhraya Utara Selatan kepada sebuah syarikat milikan UMNO (UEM) sehingga Yang Berhormat dari Jelutong dan saya ditahan kerana kami berdua menghalang pemberian kontrak tersebut menerusi tindakan undang-undang di Mahkamah. Apakah pertalian sebenarnya di antara urusniaga-urusniaga penswastaaan UEM dan syarikat-syarikat lain yang mempunyai pertalian dengan UMNO berkait dengan kontrak-kontrak penswastaaan yang lain dan pembiayaan UMNO dan pemimpin-pemimpin UMNO (Baru) serta pembiayaan kempen UMNO (Baru) dalam pilihanraya umum akan datang.

Satu perkara yang saya bersetuju dengan Yang Berhormat Menteri Kewangan ialah tahun-tahun kebelakangan ini memang telah menguji kecekalan, kegagahan, keadulatan dan kemuliaan sistem demokratik kita di mana kecuaati di Malaysia sahaja sebuah Kerajaan akan menahan tanpa perbicaraan Ketua Pembangkang Parlimen dan Ahli-ahli Parlimen Pembangkang atas alasan-alasan yang remeh-temeh, kononnya mereka adalah ancaman terhadap keselamatan negara, sedangkan apa yang mereka mengancam ialah dengan izin, (life-line) politik dan ekonomi mereka yang memerintah khususnya berkait dengan skandal Lebuhraya Utara Selatan.

Yang Berhormat Menteri Kewangan telah berucap dengan bangganya tentang CHOGM yang diadakan di Kuala Lumpur dan terutama sekali tentang lawatan Ratu Elizabeth Kedua. Ini jauh berbeza dengan teriakan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dahulu tentang "Beli Britain yang akhir". Yang Berhormat Menteri Kewangan telah berkata bahawa perlantikan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sebagai Pengerusi Kumpulan Tertinggi mengenai masa depan Komanwel mencerminkan penghargaan dan sanjungan tinggi Ketua-ketua Kerajaan Komanwel terhadap beliau. Yang Berhormat Menteri Kewangan tidak pula memberitahu rakyat bahawa adalah menjadi satu kebiasaan dalam Persidangan CHOGM untuk mempelawa Kerajaan tuan rumah untuk mempengerusikan suruhanjaya-suruhanjaya, jawatankuasa-jawatankuasa dan kumpulan-kumpulan pengkajian yang ditubuhkan semasa Persidangan CHOGM dinegara tersebut.

Apa yang tidak disentuh oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan ialah salah satu daripada tugas Kumpulan Tertinggi mengenai masa depan Komanwel ialah untuk menguatkan institusi-institusi dan proses-proses demokrasi di dalam negara-negara anggota khususnya untuk membantu negara-negara anggota menguatkan semula proses-proses pilihanraya dan perlembagaan agar dapat menggalakkan institusi-institusi yang mewakili rakyat serta jaminan-jaminan mengenai kebebasan peribadi di bawah undang-undang. Sementara sebagai rakyat Malaysia, saya berbangga seperti juga rakyat Malaysia yang lain dengan perlantikan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sebagai Pengerusi Kumpulan Peringkat Tertinggi mengenai masa depan Komanwel, namun bolehkah kita mempercayai bahawa Malaysia

layak dan competent untuk mem-pengerusikan kumpulan tersebut yang mempunyai tugas untuk menguatkan institusi-institusi dan proses-proses demokratik di negara-negara Komanwel, sedangkan dalam tempoh tiga tahun kebelakangan ini institusi-institusi dan proses-proses demokratik di Malaysia telah diserang dengan begitu dahsyat yang tidak pernah berlaku dahulu.

Sekiranya Malaysia dan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mahu menunaikan peranan sebagai Pengerusi Kumpulan Peringkat Tertinggi, maka Kerajaan Malaysia sepatutnya mendemokratikkan, semula, dengan izin, redemocratize proses-proses dan institusi-institusi di Malaysia supaya dapat memberi makna kepada sistem demokrasi berparlimen di negara ini.

Sebagai langkah pertama, Kerajaan seharusnya memansuhkan pindaan-pindaan dahsyat yang dibuat sejak dua tahun kebelakangan ini ke atas Perlembagaan Persekutuan, Akta ISA, Akta Polis, Akta Mesin Cetak dan Penerbitan dan juga membentuk satu kumpulan penilaian peringkat tertinggi di Malaysia untuk membuat cadangan-cadangan untuk mendemokrasikan proses-proses undang-undang dan institusi-institusi di Malaysia.

Perisytiharan CHOGM Kuala Lumpur yang dikeluarkan selepas persidangan telah menyeru semua Kerajaan Komanwel yang masih belum menandatangani dua perisytiharan antarabangsa mengenai Hak Asasi Manusia iaitu perjanjian antarabangsa mengenai Hak-hak Awam dan Politik dan perjanjian antarabangsa mengenai Hak-hak Ekonomi, Sosial dan Kebudayaan. Malaysia adalah salah sebuah negara Komanwel yang masih belum menandatangani kedua-dua perjanjian antarabangsa ini. Kedua-dua ini

bersama deklarasi antarabangsa mengenai Hak Asasi merupakan, dengan izin, The International Bills of Rights.

Adalah sungguh aneh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mem-pengerusikan CHOGM Kuala Lumpur dan mengeluarkan suatu perisytiharan bersama Ketua-ketua Kerajaan Komanwel yang boleh dianggap sebagai satu celaan atau rebuke kepada negara-negara yang belum menandatangani kedua-dua perjanjian antarabangsa ini apabila Malaysia sendiri tidak menandatangani dan juga tidak menunjukkan kerelaan untuk menandatangani kedua-dua perjanjian ini.

Malaysia adalah satu daripada negara-negara Komanwel yang telah mengkritik Perdana Menteri Britan Puan Margaret Thatcher kerana mempunyai pendirian, dengan izin, break the rank, daripada negara-negara Komanwel yang lain atas isu apartheid di Afrika Selatan selepas menandatangani Kenyataan Kuala Lumpur mengenai Afrika Selatan. Tetapi Malaysia juga bertindak dengan serupanya kerana Malaysia tidak berniat langsung untuk menandatangani kedua-dua perjanjian antarabangsa itu, walaupun Perdana Menteri kita sendiri mem-pengerusikan CHOGM Kuala Lumpur yang mengeluarkan perisytiharan Kuala Lumpur yang menyeru semua negara Komanwel berbuat demikian.

Saya mahu tahu daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sama ada Kerajaan Malaysia mengambil berat tentang tanggungjawab dan obligasi antarabangsa ini dan ekoran perisytiharan CHOGM Kuala Lumpur sama ada ia bercadang mengambil tindakan segera untuk pertamanya mendemokrasikan semula proses-proses undang-undang dan institusi-institusi dalam sistem politik kita dan kedua menandatangani

kedua-dua perjanjian antarabangsa mengenai Hak Asasi Manusia dengan tidak melengahkan lagi.

(Tuan Yang di-pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

Yang Berhormat Menteri Kewangan telah menyatakan bahawa Kerajaan telah membelanjakan \$40 juta untuk mengadakan CHOGM Kuala Lumpur. Tetapi angka itu nampaknya tidak membayangkan keadaan sebenar yang hanya dipercayai oleh segelintir kecil rakyat Malaysia. Perbelanjaan yang lebih realistik dan kemungkinan perbelanjaan secara sulit oleh berbagai jabatan adalah hampir \$200 juta ke \$300 juta. Soalnya ialah sama ada extravaganza CHOGM yang telah menukar wajah Ibu Kota kepada taman bidadari atau farryland pada waktu malam bertujuan untuk menaikkan imej dan prestasi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan UMNO Baru bagi tujuan pilihanraya akan datang ataupun bertujuan menetapkan Malaysia di tempat yang berpatutan dalam arena antarabangsa sebagai sebuah negara yang bertanggungjawab, demokratik dan progresif.

Keseronokan yang dirasai oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan kerana UMNO Baru dan Kerajaan Barisan Nasional telah dapat mengatasi keadaan politik dan ekonomi yang sukar dalam 5 tahun kebelakangan ini adalah kerana beliau puas hati, kerana Kerajaan tidak tumpas walaupun terdapat satu katalog skandal-skandal kewangan yang kian bertambah selepas Pilihanraya 1986 seperti berlakunya skandal \$1.5 billion koperasi kewangan, skandal UEM dalam Lebuhraya Utara-Selatan, skandal Bank Kerjasama Pusat (CCB), skandal pembelian senjata UK yang melibatkan \$4.5 billion dan baru-baru ini skandal kedua Bank Bumiputera.

Dalam ucapan Yang Berhormat Menteri Kewangan, tidak ada langsung satu perkataan yang menyentuh tentang rasuah, penyalahgunaan kuasa, walaupun amalan ini kian menjadi-jadi dalam Kerajaan. Saya akan cuba memberikan satu contoh. Pada bulan Julai 1987 saya telah bangkitkan di dalam Parlimen skandal yang melibatkan pengecualian cukai import yang diberikan kepada Syarikat Raudha-Ashita Sdn Bhd untuk mengimport 500 tan metrik buah orange yang telah menyebabkan kerugian \$300 ribu dalam erti kata duit. Syarikat Raudha-Ashita Sdn Bhd disyaratkan supaya mengimport buah-buahan itu secara bulk bin dalam container yang akan dibungkus di sini sebelum ia dipasarkan. Syarat-syarat ini tidak pernah diikutinya. Saya telah menyoalkan mengapakah Menteri Kewangan begitu murah hati dalam memberi lesen kepada individu-individu yang mempunyai pertalian erat dengan pemimpin-pemimpin Barisan Nasional supaya membolehkan mereka mengaut keuntungan walaupun Kerajaan telah rugi dalam memberi pengecualian cukai.

Pada 14hb Julai tahun ini, Dewan Perdagangan dan Perindustrian Cina, Kuala Lumpur dan Selangor telah menulis kepada Bahagian Cukai Perbendaharaan Malaysia, Kementerian Kewangan untuk mendapat maklumat tentang dasar Kerajaan berhubung dengan pengecualian cukai-cukai import yang dibekalkan untuk buah-buahan yang diimport dan sama ada Syarikat Raudha-Ashita Sdn. Bhd. masih diberikan pengecualian cukai import, sama ada syarikat-syarikat lain menikmati pengecualian ini dan bagaimana mereka boleh memohon untuk mendapat pengecualian bagi ahli-ahli mereka yang menjalankan perniagaan dalam bidang ini. Jawapan berikut yang

bertarikh 26hb Julai 1989 telah diberikan oleh Kementerian dan saya ada surat berkenaan di sini:

"Setiasaha Eksekutif,
Dewan Peraiagaan dan
Perindustrian Cina,
Kuala Lumpur dan Selangor.

Tuan,

*Permohonan Untuk Mendapatkan
Pengecualian Duti Import Ke atas
Buah-buahan*

Saya adalah diarah merujuk kepada surat tuan bertarikh 14hb Julai, 1989 mengenai perkara yang tersebut di atas dan ingin memaklumkan bahawa semenjak akhir tahun 1988, permohonan-permohonan baru untuk mendapatkan pengecualian duti import ke atas buah-buahan tidak akan dipertimbangkan lagi. Sekian, harap maklum.

**"BERKHIDMAT UNTUK NE-
GARA".**

Saya yang menurut perintah,

t.t.

(Hindon binti Tahir)

Bahagian Cukai,
b.p. Ketua Setiasaha Perben-
daharaan."

Tetapi saya ada mendapat tahu, saya ada lihat, saya ada baca bahawa kebenaran telah diberikan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan untuk mengecualikan cukai-cukai import ke atas buah-buahan selewat bulan Mei, 1989 dan ia tidak terhad kepada satu jenis buah sahaja tetapi untuk semua jenis buah-buahan. Misalnya dalam sepucuk surat bertarikh 24hb Mei, 1989—Zubaidah binti Zaaba dari Bahagian Cukai, Kementerian Kewangan telah memaklumkan Mel Fruits Sdn. Bhd. yang beralamat 38, Tingkat Kedua Lorong Chempening, Port Klang, Selangor, alamat ber-

daftar sebenarnya ialah Tingkat Satu Bangunan Annex Plaza MBF, Jalan Ampang yang berbunyi seperti berikut:

*"Permohonan untuk Mendapatkan
Pengecualian Duti Import ke atas Buah-
buahan.*

Saya adalah diarahkan merujuk kepada surat tuan Bilangan MSP (Perbendaharaan) II bertarikh 13hb Disember, 1988 berhubung dengan perkara di atas. Sukacita dimaklumkan bahawa Yang Berhormat Menteri Kewangan mengikut kuasanya di bawah seksyen 14(2) Akta Kastam 1967 telah bersetuju mengimport 1,000 metrik tan buah-buahan untuk dibungkus semula bagi pasaran tempatan. Pengecualian ini adalah untuk tempoh barangan yang diimport pada 1hb Jun 1989 sehingga 31hb Mei, 1990"

Tuan Yang di-Pertua, pengecualian ini, satu kes ini bermakna kerugian dari hasil cukai melebihi \$660 ribu atau lebih setengah juta ringgit ataupun merupakan mengeluarkan satu lesen bernilai melebihi \$660 ribu, walaupun rakyat terpaksa menanggung kerugian itu.

Pada 20hb Mei 1989, kebenaran yang serupa bentuk mengecualikan duti-duti import buah-buahan telah diberikan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan kepada Hudus Sdn. Bhd. daripada Jalan Muar, Bagan, Batu Pahat oleh pegawai yang sama untuk mengimport 400 tan metrik buah-buahan. Dan saya difahamkan bahawa sekurang-kurangnya ada 7 syarikat yang diberi pengecualian duti untuk import buah-buahan yang melibatkan berjuta-juta ringgit duti. Syarikat semacam Mas Enterprise Sdn. Bhd., Yahya Mohamed Sdn. Bhd. Nilam-Mas Sdn. Bhd., Syarikat Yahya Mohd. Isa Sdn.

Bhd. Isu ini, mengenai pengecualian duti untuk mengimport buah-buahan menimbulkan tanda soal yang besar kerana sebab-sebab berikut:

- (1) Ia bercanggah dengan dasar Kerajaan sendiri untuk menggalakkan industri buah-buahan tempatan;
- (2) Ia melibatkan kerugian berjuta-juta ringgit dalam hasil Kerajaan untuk menguntungkan beberapa individu;
- (3) Ia boleh disalahgunakan dan menggalakkan amalan korupsi.

Apa yang perlu dijelaskan dengan nyata ialah mengapakah Bahagian Cukai telah memberitahu Dewan Perdagangan dan Perindustrian Cina Kuala Lumpur dan Selangor bahawa semenjak akhir tahun 1988, Kementerian itu tidak akan memberikan kebenaran kepada permohonan baru untuk mendapat pengecualian duti import ke atas buah-buahan apabila selewat bulan Mei 1989 tahun ini Kementerian Kewangan dengan suka hati, tegasnya Yang Berhormat Menteri Kewangan dengan suka hati mengeluarkan lesen pengecualian duti. Mungkinkah pegawai-pegawai itu di dalam Bahagian Cukai tidak tahu apa yang dilakukan oleh rakan-rakan mereka dalam Bahagian yang sama. Saya juga ingin tahu sama ada setiap pengecualian ini telah diluluskan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan sendiri dan apakah kriteria memberikan kebenaran. Satu siasatan umum dengan nyata diperlukan untuk menyiasat ke atas penggunaan kuasa dengan sewenang-wenangnya yang melibatkan pemberian lesen-lesen untuk menguntungkan beberapa individu, walaupun rakyat terpaksa menanggung kerugian. Kerajaan mempunyai rekod buruk dalam mempertahankan kejujuran awam dan membanteras korepsi dan salahguna kuasa.

Misalnya, saya telah bertanya satu soalan berkenaan dengan keputusan siasatan atas Laporan Polis bersabit dengan, dengan izin, Insider Trading Saham-saham Multi Purpose Holding semasa cubaan mengambil alih oleh Hume Industries yang gagal tetapi Yang Berhormat Menteri Perdagangan dan Perindustrian dalam jawabannya dalam sidang ini telah menjawab "bahawa tiada apa-apa ditemui setakat ini". Beliau menafikan bahawa siasatan Insider Trading oleh Pendaftar Syarikat ke atas penjual saham Char Man Yu dari Rafiq Hussein telah dicampurtangani. Penafian ini tidak dapat diterima. Tidak mungkin Kerajaan tidak sedar bahawa terdapat dakwaan yang luas di dalam komuniti penjual saham-saham bahawa Char Ma Yu telah ditahan untuk tujuan siasatan mengenai insider trading dan orang yang mencampurtangan untuk membebaskan Char Ma Yu dan menggugurkan dan memastikan tidak ada dakwaan-dakwaan yang dibuat terhadapnya adalah tidak lain dan tidak bukan Ketua Peguam Negara Tan Sri Abu Talib.

Saya yakin bahawa Peguam Negara juga mahu siasatan umum atas tuduhan-tuduhan serius ini bagi membersihkan nama dan juga jawatan tingginya.

Akhirnya, mengenai perkara ini, nama dan prestasi Badan Pencegah Rasuah juga tidak diharapkan apabila ia tidak bermaya untuk mencegah amalan korupsi yang berleluasa di peringkat politik atasan di negara ini termasuk Sabah dan Sarawak.

Di Sabah, dalam satu serbuan oleh Jabatan Hasil Dalam Negeri, sebanyak \$8 juta dalam wang tunai dijumpai di dalam rumah seorang Menteri kanan negeri itu. Jika seorang Menteri negeri boleh ada \$8 juta wang sebagai petty cash, saya tidak tahu sama ada Yang Berhormat Menteri Pendidikan dalam rumah besar

Damansara ada berapa petty cash dalam rumahnya. Kalau seorang Menteri Sabah ada Petty cash \$8 juta, saya tidak boleh fikir apa kekayaan beliau sebenar ada. Tetapi Badan Pencegah Rasuah tidak dibenarkan untuk mengambil tindakan sendiri di Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri Kewangan memuji dirinya sendiri kerana bertanggungjawab memulihkan ekonomi negara selepas berlaku kemelasetan ekonomi dalam tahun 1985 dan 1986. Kerajaan sebenarnya harus dipersalahkan kerana gagal menggunakan suasana antarabangsa yang begitu favourable untuk memulihkan ekonomi negara dengan lebih cepat dan hebat. Kerajaan kini menuntut kepujian kerana peningkatan secara significant pelaburan ekuiti orang-orang asing dalam tahun 1988 di mana terdapat peningkatan sebanyak 168% dan peningkatan ini dikaitkan dengan langkah-langkah liberal yang diambil seperti melonggarkan kehendak-kehendak pelesenan bagi pelaburan di bawah Akta Penyelarasan Perusaha-

an, Semenjak tahun 1975, DAP dan lain-lain kritik telah memberi tahu Kerajaan bahawa Akta Penyelarasan Perusahaan merupakan penyebab utama yang menghalang pelaburan swasta. Tetapi ketika itu kami ditertawakan dan dihina. Kini pula, Kerajaan telah mengakui bahawa kami memang betul sejak dari mula-mula lagi.

Kemegahan Kerajaan tentang pencapaian untuk memulihkan ekonomi negara tidak dapat menyembunyikan hakikat bahawa kita telah membazirkan masa dengan tidak berupaya mengeksploit peluang-peluang dari mula lagi trend di mana negara Jepun dan negara-negara Asia yang baru sedang berindustri (ANIE) mencari peluang untuk melabur di luar negeri disebabkan kos mereka sentiasa

meningkat serta peningkatan mata wang mereka. Akibat ini Thailandlah yang untung pada awal-awal lagi pada hal Malaysia seharusnya mempunyai syarat-syarat yang lebih baik dan menarik.

Kerajaan haruslah bertanggungjawab atas kehilangan peluang ini untuk mengadakan pertumbuhan ekonomi yang lebih kukuh. Namun demikian, kegagalan Kerajaan ialah rekod buruknya untuk menggerak sumber-sumber dan pelabur-pelabur tempatan. Dalam tahun 1986 dan 1987 sahaja pelaburan swasta dalam negara telah mencatat kejatuhan sebanyak 27.9%. Mengapa modal dan sumber-sumber Malaysia disimpan dalam peti besi atau lebih buruk lagi mengapakah ianya mengalir ke luar negeri.

Sebenarnya kita harus menyedari bahawa kebanyakan dari masalah pembangunan adalah bukan sahaja berunsur ekonomi, tetapi juga politik dan budaya. Walaupun Malaysia mempunyai kedudukan pemulaan yang lebih baik berbanding dengan negara-negara di Asia selain dari Jepun apabila kita mencapai kemerdekaan 32 tahun lalu, kini kita sudah berada di belakang empat "naga kecil" terdiri dari Taiwan, Korea Selatan, Hong Kong dan Singapura.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menyatakan bahawa Malaysia tidak mahu menjadi NIC. Saya fikir soalan yang lebih penting ialah mengapa kita telah membiarkan negara ini mensia-siakan kelebihan ekonomi kita berbanding dengan negara-negara lain yang telah mencapai taraf yang lebih baik dari Malaysia apabila kita mempunyai potensi untuk menjadi NIC yang pertama di dunia ini.

Masalah-masalah politik, ekonomi dan budaya yang sama telah menyebabkan Malaysia kehilangan peluang untuk menjadi NIC yang pertama dan juga menyebabkan kita tertinggal di dalam menikmati

kedatangan modal (capital) apabila ada trend daripada Jepun dan negara-negara NIC yang lain telah sebaliknya dinikmati oleh negara Thai. Ini telah membolehkan saya imbas kembali rujukan Yang Berhormat Menteri Kewangan ke atas Sukan SEA di mana beliau menyatakan bahawa dijalankan dengan berjayanya dan melibatkan aktif oleh rakyat Malaysia mencapai tempat kedua dalam pungutan pingat oleh negara-negara yang ambil bahagian dalam sukan tersebut. Biarlah kita imbas kembali semangat yang ditunjuk oleh negara ini semasa Sukan SEA.

Sempena perayaan hari merdeka 32, seluruh negara juga memeriahkan pencapaian Malaysia dan setiap pemenang pingat Malaysia disorak oleh semua rakyat Malaysia dan tidak sesiapa pun tidak ambil kira keturunan kaum masing-masing apabila menunjukkan kesedaran identiti dan kebanggaan sebagai rakyat Malaysia.

Para atlet lelaki dan wanita dan rakyat Malaysia sama ada di dalam tapak permainan ataupun di hadapan peti TV di rumah masing-masing telah disatu-padukan sebagai satu bangsa semasa Sukan SEA Ke-15. Tetapi malangnya selepas Sukan SEA, sama ada di sekolah-sekolah, institusi-institusi pengajian tinggi, pejabat Kerajaan, syarikat swasta dan tempat-tempat bekerja, para atlet dan lain-lain rakyat Malaysia secara keseluruhannya terpaksa kembali ke dunia sebenar di mana perpaduan yang ditunjuk semasa Sukan SEA telah dipecahkan dengan pengiktirafan dan pemisahan rakyat Malaysia kepada kategori bumiputera dan bukan bumiputera. Rakyat Malaysia tidak dibezakan dan dipisah-pisahkan sebagai bumiputera dan bukan bumiputera semasa Sukan SEA dan rakyat Malaysia telah menunjukkan bahawa mereka boleh disatu-padukan dalam satu tujuan yang sama yang membawa Malaysia ke tahap pencapaian yang baru.

Sekiranya kita boleh menggunakan semangat Sukan SEA yang bersatu-padu dalam usaha kebangsaan dalam semua bidang di mana setiap orang boleh menganggap diri sendiri sebagai rakyat Malaysia yang tulen, Malaysia boleh sanggup mencapai tahap pencapaian yang lebih tinggi termasuk dalam pembangunan ekonomi kita.

Inilah sebabnya mengapa dalam zaman 1990an ini, Kerajaan harus menghentikan memisahkan rakyat Malaysia kepada kategori bumiputera dan bukan bumiputera dan seharusnya menggugurkan semua dasar yang boleh mencetuskan pembahagian dan pemisahan seperti dasar kuota dan raturan kaum dalam Dasar Ekonomi Baru.

Kerajaan adalah bertanggungjawab untuk membantu golongan yang ketinggalan dalam segi sosial dan ekonomi dan ini telah mendapat sokongan semua rakyat Malaysia yang berfikiran waras tetapi pembedaan ketidakseimbangan sosio-ekonomi mesti berdasarkan kepada satu pendekatan dan prinsip yang bertujuan untuk menyatu-padukan rakyat dan bukan untuk memisahkan mereka. Dasar kuota dan raturan kaum yang bertujuan mengalirkan wang dan kemudahan Kerajaan untuk menguntungkan satu gelintir elit orang Melayu yang kaya-raya misalnya tidak boleh disokong oleh apa-apa prinsip sosio-ekonomi atau mendapat sokongan dari rakyat Malaysia pada keseluruhannya khasnya di kalangan bukan Melayu. Orang bukan Melayu boleh menyokong dengan penuhnya bantuan khas Kerajaan yang diberikan kepada orang Melayu yang miskin. Tetapi tidak mengerti atau menyokong bantuan khas kerajaan kepada orang-orang Melayu yang kaya-raya. Inilah sebab mengapa DAP mahu menyeru supaya polisi sistem kuota dalam dasar-dasar ekonomi kebangsaan pada tahun-tahun 1990an dihapuskan dan digantikan pula oleh satu sistem berdasarkan kepujian dan

keperluan. Pencapaian dan kece-merlangan dalam prestasi boleh digalakkan oleh satu polisi yang berdasarkan kepujian sementara keadilan sosio-ekonomi boleh dimajukan oleh polisi yang berdasarkan keperluan yang dicipta untuk membetulkan ketidakseimbangan dalam sosio-ekonomi.

Di Malaysia majoriti "golongan miskin adalah terdiri daripada orang Melayu, Kadazan dan Iban. Ini bermakna orang Melayu, Kadazan dan Iban akan menikmati dengan lebih banyaknya dari satu program yang berdasarkan kepada memenuhi keperluan asas semua rakyat Malaysia demi mencapai taraf kehidupan yang munasabah dan juga peluang yang sama di dalam kehidupan. Polisi sedemikian akan tidak memihak kepada mana-mana kaum dan akan mengelakkan wujudnya kelemahan dalam Dasar Ekonomi Baru di mana walaupun bertujuan untuk mencapai perpaduan kebangsaan sebagai objektif utamanya, namun telah menjadi sebab utama bagi mencetuskan polarisasi kaum dalam dua dekad kebelakangan ini.

Atas sebab itu kita sangat mengambil perhatian mengenai pengumuman-pengumuman yang ada dibuat khasnya oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan Menteri-menteri Kanan yang lain bahawa sistem kuota akan dikekalkan dan akan diteruskan dalam tahun-tahun 1990an. Kalau inilah pendirian Kerajaan, Kerajaan tidak boleh menerima sebagai ikhlas dan jujur yang mahu membina sebuah masyarakat, sebuah negara yang bersatu-padu dan adil yang boleh memberi peluang kepada semua rakyat memainkan peranan mereka. Kalau inilah dasar Kerajaan untuk mengekal dan meneruskan dasar-dasar kuota dalam tahun-tahun 1990an, ia tidak berguna. Malah boleh dikatakan satu pembaziran wang untuk mengadakan Majlis Perundingan Ekonomi Negara

(MPEN), kalau Kerajaan sudah membuat keputusan mahu mengekalkan dasar-dasar kuota dalam tahun-tahun 1990an.

Saya harap bahawa satu kenyataan yang tegas dan terus-terang boleh dibuat oleh Kerajaan dan di sini saya mahu mengisytiharkan, kalau Kerajaan sudah membuat satu keputusan untuk hendak meneruskan sistem kuota, sistem peratusan mengikut kaum dalam tahun-tahun 1990an, tidak guna bukan sahaja mengadakan MPEN, tidak guna wakil-wakil DAP terus menyertai di dalam MPEN, dan kita akan meletak jawatan daripada MPEN dengan sertamerta. (*Tepuk*) Saya harap satu kenyataan boleh dibuat dan kalau tidak ada kenyataan dibuat, itu bermakna bahawa ia menunjukkan bahawa Kerajaan sudahpun mengikut pengumuman-pengumuman yang ada dibuat oleh Menteri-menteri kanan mengenai pendirian mereka mengenai dasar ini.

Tuan Yang di-Pertua, bagi mengembelikan semangat Sukan SEA untuk tujuan pembangunan ekonomi negara, pihak Kerajaan harus menghapuskan semua halangan-halangan politik, budaya mahupun agama yang dapat menyekat penubuhan dan manifestasi satu semangat bersatupadu bagi mencapai satu matlamat negara. Satu contoh ketara dalam perkara ini ialah Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam Selangor yang bercanggah dengan hak-hak asas dan Perlembagaan Ibumaba Bukan Islam untuk menjadi penjaga yang mempunyai kawalan dan memberi nasihat kepada anak-anak mereka di bawah umur 18 tahun dan juga tentang kebebasan agama. Walaupun Presiden MCA dan Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan lain-lain pemimpin MCA telah mendakwa bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah bersetuju bahawa kedua-dua seksyen dalam Enakmen itu iaitu

seksyen 67 dan seksyen 70 adalah bercanggah dengan Perlembagaan dan perkara ini telah diselesaikan dalam semangat Barisan Nasional, Kerajaan Negeri Selangor telah mewartakan Enakmen ini untuk berkuatkuasa pada 28hb September walaupun jaminan-jaminan telah diberikan.

Dua hari lalu kesemua lapan Ahli Dewan Undangan Negeri Selangor telah bersandiwara apabila mereka menghantar sepucuk surat bersama kepada Menteri Besar Selangor untuk merayu kepadanya untuk meminda kedua seksyen dalam Enakmen Pentadbiran undang-undang Islam dalam Persidangan Dewan Undangan Negeri Selangor pada bulan Disember. Mereka melakukan ini oleh kerana adanya pilihanraya kecil Sungai Besar yang mana pengundi-pengundi akan membuang undi pada 1hb November. Tetapi kesemua lapan ADUN MCA tidak menyedari hakikat bahawa dengan menunjukkan sandiwara mereka dengan menghantar surat rayuan bersama kepada Menteri Besar Selangor, mereka sebenarnya telah mengakui bahawa jaminan-jaminan yang diberikan oleh pemimpin-pemimpin atasan MCA bahawa masalah ini sudah diselesaikan dalam semangat Barisan Nasional adalah semata-mata pembohongan dan pendustaan. Sekiranya tidak, mengapa lapan orang ADUN MCA perlu menghantar surat semacam itu dan mengapa tidak dengan terusterang mengumumkan bahawa seksyen-seksyen berkenaan akan dipinda?

Tuan Yang di-Pertua, kontroversi Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam Selangor tidak harus dibenarkan berlarutan kerana inilah tindakan-tindakan yang tidak sensitif yang mencetuskan halangan-halangan politik, budaya dan agama kepada pengembelian dan mobilisasi sepenuhnya sumber-sumber tenaga dan potensi-potensi di Malaysia. Satu contoh lagi ialah pengumuman baru-

baru ini oleh Menteri dalam Jabatan Perdana Menteri bahawa Kerajaan sedang memperhebatkan lagi dasar mengislamkan pentadbiran ekonomi, undang-undang dan sistem pendidikan dalam negara ini dan bagi melaksanakan Islamisasi di Malaysia, satu penal terdiri daripada pakar-pakar Islam antarabangsa termasuk ahli teologi akan dibentuk dan akan bertindak sebagai satu sumber rujukan bagi pelaksanaan Islamisasi dalam bidang ekonomi, undang-undang dan sistem pendidikan.

Saya mahu bertanya sama ada usaha untuk menghebatkan lagi pelaksanaan proses Islamisasi dalam bidang pentadbiran, ekonomi, undang-undang dan sistem pendidikan telah diputuskan oleh Jabatan Perdana Menteri sendiri atau hasil dari keputusan Kabinet yang menerima sokongan penuh oleh Menteri-menteri dari MCA, Gerakan, MIC, PBS dan SUPP? Adalah sungguh perlu bagi Kerajaan menjamin semula, bukan dengan laungan sahaja tetapi juga dengan tindakan bahawa Malaysia akan kekal sebagai negara sekular sepertimana termaktub dalam Perlembagaan Malaysia. Sebarang percubaan untuk menjadikan negara ini sebagai negara Islam melalui proses Islamisasi dalam bidang pentadbiran, ekonomi undang-undang dan sistem pendidikan adalah bertentangan dengan isi kandungan dan semangat Perlembagaan yang menjamin satu sistem Kerajaan yang sekular.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai ucapan Yang Berhonnat Menteri Kewangan, saya ada berkata bahawa ucapan Yang Berhonnat Menteri adalah satu Ucapan Belanjawan yang sangat luar biasa, merupakan satu ucapan "electioneering" dan mungkin ini akan dibayangkan di dalam perbahasan dalam Dewan yang mulia ini khasnya oleh kerana kita tidak tahu sama ada sumbangan kita dalam perbahasan ini akan menjadi academic, dengan izin. Ini akan

menjadi academic kalau Dewan ini dibubarkan supaya pilihanraya besar boleh diadakan pada bulan November ataupun bulan Disember, Tentulah, keputusan. . . .

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat dari Pasir Mas bangun.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Yang Berhormat dari Tanjong mengatakan tadi bahawa Belanjawan ini adalah Belanjawan Election. Saya punya pandangan, kalaulah Belanjawan ini Belanjawan Election, tentulah Kerajaan akan memberi konsesi yang lebih memandangkan pendehtaan rakyat yang bertahun-tahun sebelum ini. Jadi apakah memadai kalau kita mengatakan bahawa Budget ini adalah Election Budget manakata yang didapati oleh rakyat tidaklah seberapa sebagaimana yang digambarkan. Minta pandangan.

Tuan Lim Kit Siang: Ya, semua wang sudah salurkan kepada CHOGM. Wang sudah habis.

Tuan Yang di-Pertua, memang menjadi "prerogative" Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk memutuskan bila, untuk menasihatkan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong untuk membubarkan Parlimen. Tetapi saya rasa ini satu perkara yang mustahak bahawa sungguhpun ini "prerogative" tunggal Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk menentukan tarikh dicadangkan Parlimen dibubar dan mengadakan pilihanraya besar bahawa dengan izin, propriety Perlembagaan, propriety Parlimen dipatuhi. Oleh kerana Parlimen sudah dipanggil untuk bermesyuarat kita sudah membahar dan meluluskan beberapa Rang Undang-undang. Kita sedang dalam peringkat Rang Undang-undang Perbekalan dan kalau dalam "mid-session", dalam pertengahan mesyuarat Parlimen ini, Kerajaan

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, dia kalah dalam satu usul tidak percaya dan memanggil satu pilihanraya besar ini, kita semua boleh faham atau beliau tidak berjaya untuk memastikan satu Rang Undang-undang diluluskan. Inipun bererti hilang kepercayaan dalam Dewan yang mulia ini tetapi perkara ini tidak akan berlaku.

Sungguhpun Kerajaan dapat satu pertiga sokongan pengundi-pengundi di seluruh negara, dia dapat dua pertiga kerusi dalam Parlimen dan kalau dalam pertengahan Dewan ini berbahar, bersidang, Dewan ini dibubarkan ini bererti bahawa apa-apa Rang Undang-undang yang kita bahaskan, luluskan apa kerja, urusan-urusan yang kita sudah jalankan akan menjadi sia-sia sahaja dan inipun akan menunjukkan bahawa tidak ada hormat ditunjukkan kepada Ahli-ahli Parlimen, kepada institusi Parlimen di mana boleh kata Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menganggap Parlimen sebagai satu hambanya dan sebenarnya Yang Amat Berhonnat Perdana Menteri hamba kepada Parlimen.

Saya rasa ini mustahak. Saya kemukakan perkara ini bukan mahu campurtangan atau mengganggu prerogative Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menentukan bila menjalan pilihanraya besar tetapi saya rasa mustahak bahawa tradisi, convention, propriety Parlimen diadakan

Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat dari Larut bangun.

Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: Minta penjelasan. Adakah DAP belum bersedia untuk pilihanraya? (*Ketawa*)

Tuan Lim Kit Siang: Bila-bila pun kita boleh adakan pilihanraya. Kita tidak takut. Esok atau lusa pun boleh

tetapi propriety. Apa yang saya katakan di sini ialah kalau Kerajaan atau Yang Amat Berhormat Perdana Menteri serius mahu adakan pilihanraya besar yang lebih awal, dia tidak patut mengadakan Parlimen bermula mesyuarat pada 16hb Oktober supaya hormat pada Parlimen, institusi Parlimen, tradisi Parlimen patut dihormati. Jangan setengah jalan atau tiga suku jalan semua digugurkan, saya rasa kalau berlaku tunjuk satu sikap yang "arrogant", satu sikap yang menunjukkan seorang lebih tinggi daripada satu institusi.

Itulah saya rasa perlu saya kemukakan oleh kerana itu tentu akan jadi hukuman kepada rakyat dan jadi hukuman kepada sejarah, kalau itu berlaku. Terima kasih. (*Tepuk*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Simunjan.

4.44 ptg.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis (Simunjan): Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan berbilang-banyak terima kasih atas peluang yang diberi kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan atas Belanjawan tahun 1990 yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan minggu lepas di Dewan yang mulia ini.

Saya juga merasai bahawa Belanjawan tahun 1990 adalah merupakan Belanjawan yang ramai juga perkatakan sebagai Belanjawan yang tidak memancing walaupun kalau kita interpretasikan dengan mendalam ia mungkin memberi makna bahawa harapan untuk memancing itu ada. Memancing saya katakan ialah dari segi mungkin mengharapkan supaya Belanjawan seumpama ini dapat memberi gambaran dan memberi kemudahan kepada Kerajaan untuk menghadapi ketika pilihanraya diadakan.

Tuan Yang di-Pertua, kalau sekiranya andaian mengatakan bahawa benar Belanjawan seumpama ini diadakan ialah untuk pre-election time, dengan izin, maka kita takut kalau diadakan pilihanraya mestilah Belanjawannya baik. Kalau masa pilihanraya mestilah banyak projek yang diberi kepada rakyat. Jadi, kadang-kadang ini menimbulkan masalah kepada Kerajaan. Kita takut sebab apa? Sebab rakyat mungkin tahu bahawa mereka itu akan dipancing. Yang kita takut yang memancing dipancing dan terpancing. Misal kata di kawasan saya di Simunjan pada tahun 1987, pilihanraya negeri. Tidak pernah dalam sejarah jumlah wang ditaburkan begitu banyak untuk pilihanraya hingga mencapai jumlah \$3.8 juta untuk satu kawasan pilihanraya masa pilihanraya diadakan tetapi calon Barisan Nasional masa itu kalah kerana rakyat beritahu saya, "saya tahu Yang Berhormat, kami tahu yang memancing ini memang hendak memancing tetapi tidak sedar bahawa akhirnya mereka yang ingin memancing, dipancing dan terpancing. Kalau ini sudah disedari oleh rakyat, kita takut harapan pihak Kerajaan, yang saya inipun tidak tentu menyokong atau tidak, tetapi oleh kerana sudah menjadi anggota sebuah parti yang di luar Barisan Nasional terpaksa, macam mana memberi amaran kepada Kerajaan supaya berjaga-jaga, di samping itu memberi amaran kepada saya sendiri juga dan parti saya sendiri untuk berjaga-jaga, jangan terpancing, dipancing ataupun kena pancing.

Tuan Yang di-Pertua, inilah saya rasa julung kali saya bercakap sejeurus selepas Ketua Pembangkang bercakap dalam sejarah hidup saya menjadi backbencher ini, dengan izin. Syukur, alhamdulillah dan inilah julung kali juga saya diberi tempat duduk di paling hadapan semenjak pernah jadi Ahli Dewan Rakyat. Alhamdulillah juga.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat jadi Timbalan Menteri dahulu, duduk di hadapan juga.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Betul, tetapi saya kata jadi "backbencher", Saya tidak sebut semasa jadi Timbalan Menteri.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat kata sebagai Ahli Dewan Rakyat tadi.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Ah. . . Dewan Rakyat. Assalamualaikum, Tuan Yang di-Pertua, (*Ketawa*) Sama ada saya silapkah, ataupun Tuan Yang di-Pertua silap, alhamdulillah, tidak ada hal. Kita sama-sama faham.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh mengenai kedudukan saya yang selanjutnya. Saya tertarik dengan sampukan Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri semasa saya berucap tempoh hari memberitahu Dewan bahawa saya ini berdiri sebagai wakil dari Parti Persatuan Rakyat Malaysia Sarawak atau PERMAS dan saya menjemput beliau untuk masuk sama kalau ikhlas. Beliau berdiri mengatakan, "saya tidak mahu masuk kerana Parti PERMAS menyeleweng". Jadi, saya berucap menyokong Rang Undang-undang Kerajaan. Jadi, itu jelas membuktikan bahawa kalau sekiranya PERMAS menyeleweng dan saya sebagai Ahli PERMAS menyeleweng, takkanlah saya sokong Rang Undang-undang Kerajaan, jadi kalau Kerajaan tidak menyeleweng, lainlah kalau Kerajaan menyeleweng dan Rang Undang-undang yang disebutkan itu pun menyeleweng, saya pun turut menyelewenglah, tetapi tidak saya rasa kalau Kerajaan memikirkan bahawa Rang Undang-undang dibentangkan itu tidak menyeleweng dan saya sokong, tentunya saya sendiri juga tidak menyeleweng.

Tuan Yang di-Pertua, pernah kita mendengar orang berkata bahawa hari ini hari kita, esok hari orang ataupun

esok hari orang, hari ini hari kita. Di Philippines misal kata di zaman Marcos memimpin, Marcos pernah mengatakan bahawa Aquino dan suaminya menyeleweng, tetapi sekarang Presiden Aquino berkuasa dan beliau mengatakan Marcos menyeleweng. Begitu jugalah zaman Shah Iran memerintah, beliau mengatakan Allahyarham Khomeini ini yang menyeleweng, tetapi akhirnya Khomeini memerintah mengatakan Shah Iran menyeleweng dan dihalau ke luar negeri, walaupun mula-mula Shah Iran menghalau mereka keluar negeri. Sama dengan Aquino yang dihalau keluar negeri, tetapi akhirnya Marcos pun dihalau ke luar negeri, hendak balik dengan mayat sekalipun tidak boleh. Jadi saya kata hari ini hari Marcos ataupun hari ini hari Aquino, dahulu hari Marcos, masa depan kita tidak tahu, mungkin hari ini hari orang lain. . . .

Tuan Justine Anak Temenggong Jingga (Ulu Rajang): (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat dari Ulu Rajang bangun.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Sila.

Tuan Justine Anak Temenggong Jingga: Terima kasih. Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat dari Simunjan, adakah ini bermakna bahawa Parti PERMAS di Sarawak akan menjadi Kerajaan?

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Ya, memang. (*Ketawa*)

Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat dari Larut bangun pula.

Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: Adakah Yang Berhormat dari Simunjan itu bercadang kalau PERMAS memerintah hendak menyeleweng juga? (*Ketawa*)

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua, kerana soalan Yang Berhormat ini mengelirukan, kita katakan tidak menyeleweng, dan tidak akan menyeleweng—insya Allah tidak menyeleweng kalau berkuasa, dan Yang Berhormat kata tadi kita akan berkuasa—insya Allah, kalau Allah s.w.t. beri rahmat kepada kita, beri satu cahaya yang cerah—insya Allah kita akan berkuasa.

Tuan Justine Anak Temenggoog Jinggut: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Nanti sekejap! Yang Berhormat dari Ulu Rajang.

Tuan Justine Anak Temenggong Jinggut: Tuan Yang di-Pertua, kalau tidak salah ingatan saya kebanyakan daripada Ahli-ahli Parti PERMAS yang merangkumi Presiden yang mula dahulu dan juga yang kedua pun pernah menjadi anggota Kerajaan, jadi kalau mereka itu pernah menjadi anggota Kerajaan, oleh kerana Kerajaan sekarang tidak mengikut apa yang dikehendaki oleh mereka, jadi pada masa sekarang mereka mengatakan bahawa Kerajaan Negeri Sarawak sekarang menyeleweng, tetapi kebanyakan daripada mereka yang menjadi ahli PERMAS adalah anggota Kerajaan. Adakah ini bermakna mereka menyeleweng?

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Kuala Rajang ini kadang-kadang tidak faham. . . .

Tuan Justine Anak Temenggong Jinggut: Ulu Rajang,

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: . . . Ulu Rajang tidak faham. Sayakata haii ini hari dia—mungkin, esok hari kita, kalau Allah s.w.t. tglong insya Allah kita akan berkuasa—mungkin. Dan insya Allah kita tidak akan menyeleweng, walaupun Yang Berhormat sendiri pun dahulu berdiri di atas tiket PBDS kalau tidak salah ingatan saya dan kemudian melompat

balik ke SNAP. Dalam pilihanraya tahun 1987 SNAP kalah teruk tinggal 2-3 kerusi sahaja habis dikebas oleh PBDS, jadi siapa menyeleweng, siapa tidak, saya tidak tahulah, terpulang kepada Yang Berhormat dari Ulu Rajang untuk menentukan.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, minta jalan.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Sila.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Apakah Yang Berhormat dari Simunjan pada masa akan datang akan ikut-ikutan sama seperti cara Yang Berhormat dari Ulu Rajang? Terima kasih.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Mungkin dari segi pakaian dia saya cuba ikutlah (*Ketawa*)—dengan stylenya, sebab style dia ikut Ahli Yang Berhormat dari Samarahan.

Tuan Hashim bin Safin: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat dari Tanah Merah bangun.

Tuan Hashim bin Safin: Penjelasan! Setahu Yang Berhormat berapa kali Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini suka melompat-lompat, kalau ingat?

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua, saya lupa itu, kadang-kadang keadaan memaksa mereka melompat, kadang-kadang orang yang dalam pertubuhan yang sudah wujud itu memaksa mereka melompat dan kadang-kadang saya rasa mereka memikir bahawa dengan melompat mereka dapat mengamal keadilan yang lebih mendalam daripada tidak melompat, dan mungkin yang tidak melompat itu tidak adil dan yang melompat adil ataupun yang tidak melompat itu yang adil, yang melompat tidak adil—mungkin.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sila bercakap di atas Budget.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Ya, Tuan Yang di-Pertua, mereka bertanya saya mesti jawablah.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh mengenai Parlimen ini sendiri yang mengandungi ahli-ahli yang dipilih oleh rakyat yang saya rasa harus dipertanggungjawabkan untuk menyuatkan hasrat rakyat. Yang saya ingin sentuh ialah kehadiran para Ahli Parlimen. Saya tengok macam yang memegang jawatan Ketua Menteri, ada yang seorang dua, susah betul hendak melihat mereka duduk di dalam Parlimen—susah, dalam sebulan satu kalipun susah. Misal kata Yang Berhormat dari Samarahan, yang kebetulan Ketua Menteri Sarawak, saya ingin berpesan kepada sesiapa sahaja yang menyokong Yang Berhormat dari Samarahan untuk memberitahu beliau dan juga siapa-siapa yang jarang datang ke Parlimen ini supaya betul-betul bertindak sebagai Ahli Parlimen dan jangan ponteng selalu, kalau ponteng selalu saya rasa lebih baik beri kawasan itu kepada orang yang boleh

Tuan Justine anak Temenggong Jinggut: *(Bangun)*

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat dari Ulu Rajang bangun pula.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: . . . boleh ada masa untuk hadir di Parlimen dan jangan create a mockery of the Parliament, dengan izin

Tuan Justine anak Temenggong Jinggut: *(Bangun)*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Ulu Rajang bangun, ya.

Tuan Justine anak Temenggong Jinggut: Tuan Yang di-Pertua, nampaknya Yang Berhormat dari Simunjan sudah "hot" kerana sudah

tidak jadi Timbalan Menteri lagi, barangkali. Saya hendak bertanya sebagai Ahli Parlimen kawasan Ulu Rajang sewaktu beliau menjadi Timbalan Menteri Pendidikan Malaysia, berapa kali beliau sebagai Timbalan Menteri Pendidikan pernah melawat kawasan saya?

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua, itu soal Menteri. Saya berkata tadi soal hadir di Parlimen. Saya fikir Yang Berhormat dari Ulu Rajang itu sudah terkeliru juga, sudah marah-marah, tidak faham apa yang saya maksudkan, saya katakan ialah bahawa Ahli Parlimen

Tuan Mutang Tagal (Bukit Mas): *(Bangun)*

Tuan Yang di-Pertua: Nanti sekejap, Yang Berhormat dari Bukit Mas bangun.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Sila. Saya beri peluang.

Tuan Mutang Tagal: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Yang Berhormat dari Simunjan telah mengatakan bahawa Ketua Menteri yang ada dalam Dewan ini jarang datang untuk duduk di Dewan ini untuk mengikuti perbahasan dalam Dewan. Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat dari Simunjan bahawa walaupun mungkin kedua beliau takut menyebut Sabah, tetapi sebut Sarawak, memang kita tahulah apa sebab beliau menyebut Yang Berhormat dari Samarahan, walaupun beliau tidak datang ke Dewan ini, khususnya daripada Yang Berhormat dari Samarahan, memang beliau mengambil berat tentang tanggungjawab beliau sebagai Ahli Parlimen dari Samarahan, ini tidak bererti walaupun beliau tidak datang ke Parlimen tiap-tiap hari, ini tidak bererti bahawa beliau itu lalai dalam menjalankan tugas dan menunaikan tanggungjawab kepada rakyat, kepada Parlimen, kepada negara.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, itu ucapan ataupun penjelasan!

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat.

Tuan Mutang Tagal: Yang Berhormat dari Pasir Mas tidak berhak untuk menghalang saya (*Tepuk*) selain daripada Tuan Yang di-Pertua. Jadi kalau dicabar, akan saya mencabar juga. (*Tepuk*) Oleh kerana itu, saya ingin membuat record straight di sini, bahawa Ketua Menteri Sarawak walaupun tidak selalu datang, beliau mempunyai tugas-tugas penting selain daripada menghadiri mesyuarat. Kita mempunyai parti, kita mempunyai ahli dari Sarawak, dari parti PBB yang ada di dalam Dewan ini.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua, saya pun adil juga kepada wakil Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sarawak ini, iaitu saya beri masa panjang. Apa yang saya perkatakan ialah tidak boleh kita menganggap diri sebagai Ahli Parlimen kalau sekiranya kita "make a mockery of Parliament" selalu sangat. Jadi, saya cadangkan sama ada kita galakkan orang ini—okay, saya sendiri pun boteh jalankan kerja sebagai Wakil Rakyat, pergi kawasan selalu, tak hadir Parlimen, dan semua Menteri-menteri pun boleh—kalau itulah saranan daripada Yang Berhormat dari Bukit Mas. Jadi, saya fikir kita harus menyarankan dan menggalakkan, memperingatkan sama ada jawatan itu jadi Perdana Menteri, Ketua Menteri, kalau dapat kita perbanyakkan, perkerapkan kehadiran kita di Parlimen. Kerana saya ingat Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sarawak satu hari—kerana orang di kawasan saya suruh saya batik—jadi beliau kata tarik balik apa yang telah saya katakan di Parlimen mengenai beliau. Jadi, saya tunggulah di Parlimen ini hendak tarik balik ataupun hendak penjelasan, tetapi dia tidak datang. Jadi, macam

mana? Saya pun serba salah sama ada hendak tarik balik atau hendak penjabarkan. orangnya tidak ada di sini.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyarankan sebagai Ahli daripada Dewan Rakyat yang

Tuan Mutang Tagal: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Bukit Mas bangun pula.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Saya fikir tunggu dahulu, ada peluang bercakap, terima kasih. Ini kawan juga.

Saya hanya menyarankan, sama ada diterima atau tidak, kalau sesiapa yang memegang jawatan yang begitu hebat, banyak sangat kerja, tidak boleh hadir di Parlimen; saya fikir lebih baik beri kepada orang lain, (*Tepuk*), beri kepada Bukit Mas misal kata, ataupun kawan dia

Tuan Mutang Tagal: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Bukit Mas.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: . . . yang boleh hadir lebih kerap lagi di Parlimen supaya dapat kita melatih ahli-ahli baru, anak-anak muda untuk memperketengahkan diri sendiri sebagai Ahli Parlimen dan melatih mereka sebagai pemimpin yang boleh mengambilalih tempat kita di masa yang akan datang.

Tuan Mutang Tagal: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Bukit Mas bangun pula.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Sila.

Tuan Mutang Tagal: Saya ingin tahu sama ada perkataan terhadap Ahli Yang Berhormat dari Samarahan itu adalah satu perkataan yang dilaungkan di Parlimen ini untuk publisiti yang murah oleh kerana pilihanraya Parlimen akan diadakan di seluruh

negara memandangkan parti PERMAS pun tidak mempunyai chance untuk memenangi kerusi di Sarawak. Adakah ini motif sebenar?

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Saya fikir Yang Berhormat sendiri pun ada motif juga, dia kata PERMAS tidak mempunyai chance sedangkan kita pun rasa harapan kita itu boleh tahan juga. Jadi, dia pun sendiri mempunyai tekad yang tidak baik juga mengatakan PERMAS tidak mempunyai chance, tetapi insya Allah. Jadi, saya tidak mencari publisiti murah, memang Yang Amat Berhormat Ketua Menteri, Ahli Parlimen dari Samarahan pernah mengatakan: "Tarik balik ucapan di Parlimen"—saya tunggu, tidak ada, bukan publisiti, ini kenyataan. Tuan Yang di-Pertua

Tuan Justine anak Temenggong Jinggut (Ulu Rajang): (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Ulu Rajang bangun pula.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Saya fikir ucapan saya ini nanti dikacau selalu sangat. Jadi, sudah lain

Tuan Justine anak Temenggong Jinggut: Satu sahaja, Yang Berhormat, boleh?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Ulu Rajang, jangan minta macam itu, kalau dia tak beri, tak berilah!

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Kuasa di tangan saya, Tuan Yang di-Pertua. (*Ketawa*) Kalau point of order, insya Allah, saya beri, selalu sangat, tidak menyeleweng.

Tuan Yang di-Pertua: Sita teruskan. Kuasa di tangan dia! (*Ketawa*)

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua, kestabilan negara kita ini—sebelum saya teruskan untuk akhir ucapan saya mengenai kehadiran Ahli-ahli Parlimen ini—saya

sarankan sebagai ringkasan, supaya yang memikirkan bahawa tugas di luar banyak sangat sama ada mereka itu Menteri, Ketua Menteri, supaya mengambil orang lain sebagaimana juga Menteri Besar-Menteri Besar di sini tidak jadi Ahli Parlimen kerana sibuk, ambil orang lain untuk mengganti dan supaya dapat dilatih "young leaders", dengan izin, dapat didedahkan kepada pucuk kepimpinan negara kita supaya lebih ramai lagi yang mampu memperkatakan sesuatu

Tuan Justine anak Temenggong Jinggut: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Ulu Rajang bangun.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: . . . untuk rakyat di negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Ulu Rajang, dia tidak beri jalan.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Saya tidak beri jalan. Nanti dia boleh bercakap, sudah dua kali saya beri jalan.

Dalam menstabilkan negara, Belanjawan yang baik tidak cukup, Tuan Yang di-Pertua. Kemenangan seorang calon misal kata, bukan hanya bergantung kepada berapa banyak duit kita beri, berapa banyak projek yang kita beri dan berapa banyak kemudahan asas yang kita beri walaupun itu penting, tetapi kestabilan politik ataupun ekonomi ataupun sosial di negara kita bergantung kepada banyak faktor.

Salah satu daripada faktor yang saya ingin sebutkan ialah faktor perpaduan di negara kita. Perpaduan ini adalah perkara yang amat penting, bukan hanya perpaduan di kalangan bangsa yang berbilang kaum di negara kita tetapi perpaduan di antara penduduk-penduduk berbilang kaum di tiap-tiap negeri di negara kita, di antara region, di antara kawasan dan wilayah.

Perpaduan di antara bangsa-bangsa suku kaum adalah perkara yang amat penting yang harus kita pupuk bukan hanya menerusi pemberian peruntukan yang banyak, tetapi harus dipupuk melalui sistem yang sesuai yang harus kita laksanakan, sistem pentadbiran, sistem politik dan sistem ekonomi dan sebagainya.

Sekarang kita mempunyai sistem di mana dari segi politik, UMNO mewakili orang-orang Melayu, ada Semangat 46 pun orang-orang Melayu, PAS—orang-orang Melayu yang dikatakan mirip kepada keislaman, ini satu perkara yang subjective, yang debatable; MCA—mewakili kaum Tionghua; DAP—begitu juga, walaupun dari segi hasratnya mungkin "more multi-racial", dengan izin; PBB—mewakili dikatakan bumiputera di Sarawak dan sebagainya, PBDS—golongan Dayak. Jadi, sistem ini kita gunakan sebagai satu sistem perwakilan di peringkat parti-parti politik yang dapat mentadbir negara kita ini dan walaupun ada yang tidak bernasib baik, itu terpaksa duduk di barisan Pembangkang. Namun demikian, saya rasa Kerajaan dan seluruh rakyat harus memikirkan cara bagaimana sekiranya apa yang ada sekarang tidak berjaya untuk menstabilkan negara. Cara yang paling baik untuk menyesuaikan sistem ini untuk dan ke arah pencapaian mattamat kestabilan negara yang sebenar.

Satu lagi, perpaduan yang perlu ialah perpaduan di antara wilayah, di antara Semenanjung Malaysia dengan Sabah dan Sarawak dan di antara negeri-negeri di Semenanjung Malaysia dengan Sabah dan Sarawak dan sebaliknya. Berbagai-bagai cara dan usaha telah kita buat untuk menentukan supaya wujud perpaduan dan persefahaman di antara penduduk-penduduk di wilayah-wilayah yang saya sebutkan, namun demikian masih juga rasa tidak puas hati yang wujud, lebih-lebih lagi Sarawak dan Sabah

dianggap sebagai negeri yang lewat masuk dalam Malaysia merdeka kerana Semenanjung Malaysia merdeka dahulu, Sabah dan Sarawak merdeka sama tetapi kemudian hingga wujudlah Malaysia dalam tahun 1963.

Di samping itu juga Sarawak dan Sabah ini dianggap negeri yang tidak begitu maju, yang kurang maju, di samping mempunyai kawasan yang lebih besar dari negeri-negeri di Semenanjung Malaysia, dan apabila kita merdeka dalam Malaysia.

Beberapa Ahli: (*Bangun dan keluar*)

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Saya fikir hendak penjelasan. Apabila kita merdeka dalam Malaysia banyak isu-isu lain yang timbul yang kadangkala di "ignore", dengan izin, oleh pihak kepimpinan, pihak Pentadbiran di Semenanjung Malaysia (Persekutuan), ataupun yang kadangkala tidak diketengahkan oleh pihak kepimpinan di negeri masing-masing. Jadi, katau sekiranya ketidaksefahaman ini terus wujud, terus berlaku, maka saya rasa ianya terus menimbulkan keadaan yang sensitif dan perpaduan di kalangan rakyat daripada wilayah-wilayah yang saya sebutkan tadi tidak akan kita capai.

Saya sebut satu contoh, misal kata, elaun pegawai-pegawai yang bertugas di Sabah dan Sarawak dari Semenanjung Malaysia, mereka mempunyai elaun EPK (Elaun Khidmat Khas) dan juga elaun rumah (di masa dulu) sedangkan pegawai-pegawai yang berkhidmat di Semenanjung daripada Sarawak dan Sabah tidak mendapat kemudahan seperti itu. Tetapi pada tahun 1987, telah diumumkan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri bahawa elaun ini diberi kepada mereka yang berkhidmat daripada Sarawak dan Sabah di Semenanjung. Alhamdulillah, tetapi ada juga dari segi pelaksanaan, mereka yang berkhidmat di sini belum dapat elaun-elaun yang saya sebutkan tadi.

Misal kata, di UPM ada juga pegawai-pegawai dan pensyarah-pensyarah yang berasal dari Sarawak dan Sabah yang tidak mendapat elaun EPK dan elaun rumah, jadi saya mohon pihak Kerajaan supaya meneliti perkara ini dan supaya dapat diselaraskan supaya tidak timbul sensitiviti daripada perkara ini.

Satu lagi ialah peruntukan bagi pembangunan bagi kedua-dua kawasan ini. Peruntukannya haruslah diselaraskan menyedari hakikat bahawa kedua-dua wilayah, Sabah dan Sarawak ini, adalah wilayah yang dikatakan mundur, yang dikatakan memerlukan banyak kemudahan-kemudahan asas dan sebagainya seperti air, api dan jalanraya, rumah sakit dan sekolah-sekolah dan saya berharap dengan peruntukan yang diberi dalam Belanjawan 1990 ini, dapatlah kita tambah kemudahan-kemudahan bagi negeri-negeri tersebut. Memang apa yang saya cakap ini disetujui saya rasa oleh Yang Berhormat dari Sarawak dan tidak menyeleweng, sudah pasti, kerana kita menyedari bahawa penyelarasan ini haruslah kita lakukan dan tidak semua apa yang saya katakan itu adalah perkara yang tidak betul, dan sudah tentu saya rasa siapa sahaja yang bercakap sama ada dari parti mana dari Sarawak dan Sabah akan menyuarakan apa yang sedang saya suarakan. Ini tidak bererti saya ini regionatistic, dengan izin, tetapi saya menyuarakan sesuatu yang harus mendapat perhatian dari pihak-pihak Kerajaan.

Kemudian dari segi pengangkutan, misal kata, penerbangan MAS, memanglah saya menyedari hakikat bahawa keperluan untuk tempat duduk dalam kapalterbang Malaysia Airlines, dengan izin, adalah menurut keadaan, kadang-kadang di masa cuti sekolah lebih ramai yang hendak pergi, masa tidak cuti sekolah tidak ada. Jadi, MAS terpaksa kurangkan penerbangan ataupun tempat duduk itu lebih banyak. Ada satu ketika dahulu

Kerajaan Negeri Sarawak telah melahirkan rasa tidak puas hati terhadap keengganan pihak Kerajaan Persekutuan untuk membenarkan SIA (Singapore Airlines) untuk terbang ke Kuching dan sebagainya. Jadi, akhirnya pihak MAS pun tidak berasa sedap dan selepas itu saya lihat bahawa begitu banyak penerbangan ke Sarawak diadakan hingggakan sebuah kapalterbang Airbus, saya dapati hanya lebih kurang 20 penumpang sahaja. Jadi, ini mungkin untuk membuktikan bahawa "kita boleh" oleh MAS. Jadi, saya rasa satu sistem yang boleh diterima dan berpatutan mesti diwujudkan untuk menentukan supaya penumpang daripada Sarawak dan Sabah tidak ketandusan atau tidak kurang tempat duduk ataupun penerbangan itu dikerapkan di masa yang sesuai supaya tidak timbul masalah di mana penumpang-penumpang ini tidak mempunyai tempat ataupun penerbangan untuk pergi ke Kuala Lumpur atau ke mana-mana tempat di seluruh dunia ini.

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

Saya pun ada mendengar berita bahawa SIA akan pergi ke Kuching dengan kebenaran diberi oleh pihak Kerajaan Persekutuan. Saya tidak hendak komen apa-apa tentang hal ini, biarlah Ahli Yang Berhormat daripada mana-mana parti Barisan Nasional di Sarawak dan sebagainya untuk memberi komen mengenai kedatangan SIA ini. Saya rasa dari segi kemudahan itu baik, tetapi dari segi semangat nasionalisme itu mungkin ada persoalan yang timbul. Apakah kita memerlukan sistem penerbangan yang lain daripada luar negara Malaysia sedangkan kita ada sistem penerbangan kita sendiri. Jadi, ini perkara yang boleh dibincangkan dengan mendalam, yang controversial, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, begitu jugalah dengan perkara lain yang diadakan untuk kemudahan pengangkutan Feri

Malaysia, misal kata, yang rugi setakat ini lebih kurang \$7 juta, yang dahulu diramalkan dapat membawa passenger atau penumpang lebih banyak, lebih kerap dari Sarawak dan Sabah ke Semenanjung, nampaknya menghadapi kegagalan, bukan kerana apa, saya rasa mungkin kerana pengurusannya harus diperbaiki, mungkin juga imejnya sudah jatuh sebab rosak selalu, kemudian terbakar di tengah laut, kemudian terlanggar pulau, pulaukah, batukah, tidak tahulah ataupun mungkin sand bar, dengan izin. Jadi, orang yang pernah menumpang berminat untuk pergi naik Feri, mereka rasa takut nanti terbakar di tengah lautan—kalau naik kapalterbang tidak ada hal, sebab, kalau terbakar, terbakarlah, dalam masa lima minit sudah habis. Tetapi kalau Feri terbakar dalam laut kita kena tunggu api itu sampai kepada kita, berapa lama? Kemudian badan sudah melecur baharu mati, itu teruk. Jadi, orang takut, Yang Berhormat dari Ulu Rajang pun takut, sama juga Yang Berhormat dari Bukit Mas pun saya rasa takut, kalau sebenar berlaku kebakaran di laut macam ini, ada bomoh pun mungkin tidak dapat menjelma untuk melarikan diri daripadanya. Begitulah juga dari segi kerosakan. Kerosakan berlaku kerana feri yang dibeli ini feri lama, orang lama tidak sama dengan orang baru.

Jadi, sepatutnya pihak Kerajaan semasa membeli feri ini pilihlah yang boleh tahan, yang baru, yang handal, yang mampu belayar dengan jauh dari sana ke sini, dari sini ke sana dan jangan beli yang second-hand, ataupun yang third-hand, kerana kalau kita fikir dari segi belanja long-term, kita beli yang baru saya rasa walaupun harganya lebih mahal tetapi dari segi reliability, dengan izin, dari segi reputation atau performance, dengan izin, saya rasa ini akan menjamin kesejahteraan penumpang, kalau dibandingkan dengan yang begini rupa.

Jadi saya mencadangkan supaya pihak Kerajaan jangan kerana ada ura-ura hendak memberhentikan khidmat Feri daripada Kuantan ke Kuching, ke Kota Kinabatu, ke Singapura dan sebagainya. Saya rasa saya masih ingin supaya Kerajaan . . .

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar:
(Bangun)

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, nanti sekejap. Ahli Yang Berhormat dari Marang hendak apa?

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar:
Penjelasan.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Ahli Yang Berhormat dari Marang telah banyak bercakap dahulu. Saya mesti adil juga.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar:
Penjelasan sedikit sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Dia tidak beri. Sila teruskan Yang Berhormat.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis:
Nanti Yang Berhormat dari Bukit Mas dan Yang Berhormat dari Ulu Rajang berucap panjang juga.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar:
Saya bangun lagi sekalilah.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Sila!

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar:
Terima kasih. Ini yang lama ini hendak campak ke mana? Itu sahaja, pendek sahaja.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis:
Yang lama ini kita tidak campak, kalau Kerajaan hendak beri kepada orang Simunjan—bolehlah, kita terima ataupun ke mana-mana dia hantar terpulang kepada Kerajaan ataupun mungkin "trade-in". Kalau kereta boleh trade-in, kenapa kapal tidak boleh "trade-in"?

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Sambung lagi, kalau beri kepada orang Simunjan, orang Simunjan hendak buat apa?

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua, senang sahaja, pergi hajikah dengan kapal itu (*Ketawa*). Ataupun buat sebuah kapal yang boleh membawa passengers lebih ramai pergi Semenanjung Malaysia, pergi kawasan Marang misal kata, dan sebagainya untuk mengeratkan tali persaudaraan di antara kedua buah negeri dan kawasan.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Kalau terbakar di tengah laut hendak buat macam mana?

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua, nampaknya Yang Berhormat dari Marang ini ada elemen main-main sedikit, unsur-unsur main-main (*Ketawa*). Jadi, kalau dia berdiri lagi, saya tidak benarkan kerana main-main. Saya sarankan supaya diteruskan khidmat ini, ganti dengan kapal yang lebih baru, yang lebih besar dan yang lebih laju daripada yang ada sekarang supaya dapat ia membantu dalam mengeratkan tali silatulrahim di antara orang Sarawak, orang Sabah dan orang-orang di Semenanjung Malaysia.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mobamed Amin bin Haji Daud): Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas bangun.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Silakan.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat dari Simunjan, sebab beliau mengatakan barang-barang second-hand ini tidak berapa bagus, hendak maintain susah dan sebagainya. Saya hendak bertanya Yang Berhormat dari Simunjan, apakah pandangan dan

pendirian Yang Berhormat mengenai dengan keputusan Kerajaan hendak membeli dua kapal selam second-hand sebagaimana disebut di dalam Dewan yang mulia ini dalam sidang yang lalu?

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Saya suka barang baru, sebagaimana juga Yang Berhormat dari Pasir Mas memang suka barang baru dan begitu juga saya rasa semua Ahli yang ada di Dewan ini pun suka barang baru. Jawapan saya ialah kalau dapat jangan beli yang second-hand, kapal" selamkah, kapal apakah, orangkah. (*Ketawa*)

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan sedikit. Adakah ini bermakna suka juga UMNO (Baru)?

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Dia kata tadi "barang baru" (*Ketawa*). UMNO ini bukan barang, dia ini orang, satu organisasi kumpulan manusia. Jadi, itu berlainan, terkeluar daripada soalan asal (*Ketawa*). Kita katakan "barang baru". Kita mesti usahakan kalau dapat kita beli. Saya bukan hendak menyebelahi mana-mana tetapi itu orang, dari segi bahasa yang sudah tidak betul. Barang baru pun barang juga. Orang baru—boleh (*Ketawa*). Tuan Yang di-Pertua, itu saranan saya kepada pihak Kerajaan supaya teruskan khidmatnya.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi cara-cara bagaimana kita dapat memupuk semangat perpaduan dan persefahaman, solidarity di antara wilayah-wilayah ini ialah dengan lebih kerap lawatan oleh pemimpin-pemimpin daripada sini ke Sarawak dan Sabah bukan hanya di bandar-bandar besar tetapi di kawasan-kawasan pendalaman. Kerana apa, kerana kadang-kadang kalau mereka lawat Kuching sahaja, Miri ataupun Sibu, jadi, mereka fikirkan bahawa Sarawak itu Kuching, Sarawak itu Sibu, Sarawak itu Miri. Saya sarankan

supaya mereka lawat kawasan-kawasan pendalaman gunakan lebih kurang 1 minggu untuk pergi ke Simunjangkah, ke kawasan Kanowitkah, kawasan Yang Berhormat Datuk Menteri Kerjaraya, kemudian pergi kawasan Bukit Mas dengan helikopter daripada Kerajaan Negeri Sarawak, kemudian pergi ke kawasan Ulu Rajang, pergi di sana untuk melihat apa Sarawak itu, bagaimana, supaya dapat memberi peruntukan lebih untuk membangunkan Negeri Sarawak. Kalau mereka lihat bahawa keadaan itu mundur daripada apa yang mereka boleh lihat di negeri-negeri lain. Jadi, ini caranya.

Kemudian pertukaran pegawai-pegawai perlu. Saya dahulu pernah berkhidmat di Kementerian, saya tanya pegawai, "Kenapa tidak pergi", semasa saya pergi ke Sarawak, saya bawa mereka. "Yang Berhormat, tidak boleh, peruntukan tidak ada." Kemudian saya tanya lagi, "Yang sepatutnya pergi kenapa tidak pergi?" "Susah Yang Berhormat, sudah selalu ini." Jadi, Kerajaan sekat supaya belanja ini dapat kita kumpul, tidak boleh dibelanjakan untuk pergi selalu sangat. Jadi, ini satu constraint, dengan izin, jadi kalau dapat pihak Kerajaan janganlah menyekat begitu teruk sangat pegawai-pegawai yang sepatutnya diberi peluang untuk melawat Negeri Sarawak dan Sabah untuk pergi melawat, melihat akan keadaan di sana, sebab datam usaha mereka melaksanakan projek-projek pembangunan dan sebagainya mereka akan mengambil kira akan apa yang mereka lihat sama ada di Kelantan boleh juga ataupun di tempat lain supaya ini selaras dengan hasrat Kerajaan untuk menyeimbangkan pembangunan di wilayah-wilayah di negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya melihat peruntukan untuk perpaduan negara, \$17 juta diberi dalam Belanjawan 1990. Jadi, saya nampak ini kalau dibanding dengan yang lain tidaklah begitu

banyak dan mungkin tidak mencukupi. Jadi, saya menyarankan supaya peruntukan ini diperbanyakkan supaya dapat kita menentukan supaya matlamat kita untuk mencapai hasrat perpaduan negara keseluruhannya akan tercapai.

Saya menyanjung tinggi saranan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia, buka pintu dahulu, saya tertarik hati tetapi saya rasa mungkin ada juga yang disarankan itu tidak menepati akan matlamatnya dan saya juga yakin siapa sahaja yang inginkan perpaduan akan berbuat serupa dengan itu untuk menentukan supaya rakyat di negara kita ini dapat bersatu padu kerana kaiaua kita berkelahi tidak ada yang untung, rakyat yang rugi dan kita sendiri yang rugi.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Belanjawan 1990 ini Kerajaan telah nampaknya begitu lumayan dan memberi peluang kepada pegawai-pegawai Kerajaan yang berkhidmat bukan hanya mendapat kemudahan lain tetapi kemudahan dari segi pinjaman rumah yang diberi misal kata dua-dua boleh pinjam. Mereka ini boleh mendapat pinjaman kedua-dua, dan kalau salah seorang bersara jadi pinjaman yang dahulunya boleh diserahkan kepada salah seorang yang belum lagi bersara. Jadi, ini sebenarnya untuk pegawai-pegawai Kerajaan, Alhamdulillah, menampakkan hasrat Kerajaan untuk memberi kemudahan dan keselesaan hidup kepada pegawai-pegawai Kerajaan di negara kita ini kerana dalam negara kita, golongan pegawai-pegawai Kerajaan ialah golongan yang paling besar, golongan para kumpulan Kerajaan ialah majikan yang paling besar dan para pegawai Kerajaan ialah pekerja jumlahnya yang paling besar di negara kita. Jadi, sudah tentulah menjadi tanggungjawab pihak Kerajaan untuk menjaga keselesaan khidmat para pegawai Kerajaan di negara kita.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua, minta jalan boleh?

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Sila.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Terima kasih. Tadi Yang Berhormat sebut setujulah kerana pinjaman itu diberi kepada dua-dua—suami dan isteri. Saya hendak tntina penjelasan bagaimana pandangan Yang Berhormat kalau sekiranya dia mempunyai dua ataupun lebih isteri, Kerajaan hendak buat macam mana. Ada orang kahwin dua, kahwin tiga, poligami, macam mana?

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua, ini susah saya hendak jawab kerana saya belum ada dua, tiga. Kalau ada dua, tiga nanti boleh saya saran kepada Kerajaan, tetapi terpulang kepada Kerajaan kalau memikirkan bahawa ketiga-tiga orang isteri itu beri juga, alhamdulillah, saya rasa rezeki mereka tetapi . . .

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Pasir Mas minta penjelasan.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memberi pandangan dan juga minta penjelasan daripada Yang Berhormat dari Simunjan bersabit dengan isteri dua ataupun tiga. Apakah Yang Berhormat dari Simunjan bersetuju kalau saya mengatakan untuk mengatasi masalah pinjaman-pinjaman tersebut, seperti yang dibangkitkan itu, dimestikan dari segi architecturenya bilik itu tiga, empat bilik ataupun dimestikan tidur sebilik, baru betul peraturannya.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua, saya serah kepada Yang Berhormat dari Pasir Mas kerana beliau nanti akan bercakap

dan menyaran kepada pihak Kerajaan apa yang harus dibuat. Saya ini pening kepala apa yang hendak dijelaskan mengenai saranan Yang Berhormat itu. Saya serah kepada Yang Berhormat sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, kalau sekiranya pihak pegawai Kerajaan diberi kemudahan yang begini rupa, sudah tentulah mereka menikmati keselesaan hidup, kesenangan hidup dan lebih senang daripada rakyat biasa di luar bandar yang jadi petani, nelayan dan sebagainya. Jadi, di samping pihak Kerajaan memberi kemudahan kepada pegawai-pegawai Kerajaan ini, beri pinjaman rumah kepada yang berumur 25 tahun ke atas, kemudian dua-dua boleh pinjam, selepas itu diberi peluang untuk bersara pada umur 40 tahun. Jadi saya harap para pengundi pun ramainya daripada pegawai Kerajaan. Ini memang menyenangkan kita.

Tetapi yang saya takut, pertama, menjadi kesan daripada itu mungkin harga rumah nanti naik. Kedua, mereka tergesa-gesa membeli rumah hinggakan rumah yang tak betul mereka beli. Ketiga, perasaan iri hati daripada penduduk-penduduk di kawasan luar bandar yang tidak dapat menikmati kemudahan secara langsung seperti itu ataupun iri hati daripada pegawai yang isteri tak bekerja ataupun suami tak bekerja, isteri kerja dan akhirnya mendorong mereka itu untuk kahwin lagi satu mencari pegawai perempuan atau lelaki yang bekerja.

Tuan Yang di-Pertua, saya harap di samping memberi kemudahan kepada pegawai-pegawai ini, pihak Kerajaan juga harus menentukan supaya kemudahan yang diberi kepada rakyat jelata di kawasan luar bandar akan betul-betul sampai kepada mereka, akan dinikmati oleh mereka. Kita memang beri subsidi kepada rakyat di kawasan luar bandar, kita beri jalanraya kepada mereka, kita beri

bermacam-macam kemudahan pinjaman dan sebagainya dan beri peruntukan kepada rakyat di kawasan luar bandar, petani, nelayan, buruh kasar dan sebagainya. Sejauh mana pemberian Kerajaan ini sampai kepada rakyat jelata sebenarnya sedangkan yang diberi kepada pegawai-pegawai Kerajaan memang sudah tentu sampai, 100% sampai, 200% sampai, tetapi yang diberi kepada rakyat biasa ini yang menerusi orang tengah, pelaksana dasar-dasar Kerajaan, kita takut walaupun Kerajaan memberi peruntukan tetapi tidak semestinya 100% peruntukan ini sampai kepada rakyat biasa di kawasan luar bandar. Jadi, saya menyeru pihak Kerajaan supaya memastikan peruntukan yang diberi kepada rakyat biasa ini juga sampai ke tangan mereka dan pegawai-pegawai yang dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan dasar ini, melaksanakan projek-projek bagi penduduk-penduduk kawasan luar bandar ini akan benar-benar bekerja dengan serius untuk menentukan supaya rakyat jelata ini juga dapat menikmati kemudahan yang diberi oleh Kerajaan kepada mereka.

Satu hari saya berjumpa dengan seorang pengurus bank dan beliau mengatakan: Yang Berhormat, kita boleh ada sistem pinjaman diberi kepada orang kampung yang pendapatan kurang daripada \$250 sebulan, jadi ini digolongkan dalam golongan orang yang miskin, pendapatan rendah, kita ada skim. Jadi masalahnya, apabila orang itu datang berjumpa dengan orang bank, macam-macam perkara disuruh buat, suruh buat kertas kerja, suruh buat cash-flow. Jadi orang kampung macam itu macam mana hendak buat, hingga mati pun tak boleh buat fasal tak tahu menulis, membaca tak boleh. Walaupun mereka ada anak yang pandai, isteri yang pandai mungkin, kawan-kawan yang pandai tetapi ini memakan masa dan mereka terpaksa berbelanja beratus ringgit untuk menyediakan apa yang dikehendaki

oleh bank dan kemudian disuruh buat syarikat pula, mesti register dengan inland revenue buat syarikat. . . .

Tuan Haji Ghazali bin Ahmad:
(*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Ada yang bangun, Yang Berhormat.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Sila.

Tuan Haji Ghazali bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan. Jadi kehendak daripada Yang Berhormat dari Simunan ini supaya hendak minta pinjaman bank ini tidak payah ada kertas kerja, tidak payah ada apa-apa, cuma bank boleh buat decision yang tak perlukan kertas kerja dan sebagainya.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua, ucapan saya belum habis lagi. Memang perlu satu sistem. Kalau dapat wujudkan satu sistem untuk membolehkan mereka ini meminjam dengan lebih senang yang tidak akan memerangkap para petani ataupun nelayan dan juga tidak akan memerangkap Kerajaan ataupun pihak bank. Saya sarankan supaya dalam usaha Kerajaan untuk membantu para golongan berpendapatan rendah ini mereka mestilah berusaha untuk mewujudkan satu sistem yang baik, berkesan, yang dapat meletakkan kedua-dua pihak dalam keadaan yang selamat, bukan keadaan di mana pihak yang memancing itu kena pancing ataupun dipancing.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar:
(*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Marang hendak apa?

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Sila.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Penjelasan. Sekarang ini Kerajaan sudah buah sistem, persatuan-persatuan nelayan sudah tahu semua sistem itu. Dekat mana juga yang tak

kena ini, bab mana, mukasurat mana, tempat mana? Jangan kita bercakap sahaja, syok mendengarnya. Cuba beri saranan-saranan dan pandangan-pandangan serta penjelasan-penjelasan apakah sistem yang patut ditukar ganti dan macam mana cara hendak laksanakannya fasal dia capak lebih daripada professor.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua, insya Allah, dalam Jawatankuasa nanti kerana ini perbahasan umum yang saya rasa boleh secara umum kita adakan. Saya saran macam itu sahajalah, wujudkan satu sistem yang baik, yang sesuai, yang tidak membebankan mana-mana pihak, yang tidak memancing mana-mana pihak supaya rakyat senang kerana duit sudah ada, bank itu memang ada peruntukan. Jadi masalahnya duit ini hendak dibelanjakan macam mana dan orang yang hendak mengguna ada, tetapi hariya bagaimana hendak menyeberang sungai, itu sahaja, misal-kata dan mereka kata duit memang ada dan orang yang hendak pinjam itu pun ada. Jadi masalah memproses permohonan dan memberi kelulusan kepada yang meminjam, itu sahaja. Banyak juga saya rasa, misalan, bantuan kepada syarikat-syarikat bumiputera yang teruk itu, \$500 juta yang diberi itu memang setakat inipun tak semua digunakan kerana proses itu dan saya dengar ramai Ahli Yang Berhormat telah mengemukakan masalah yang saya sebutkan dari segi bantuan itu tidak sepenuhnya digunakan oleh pihak yang harus mendapat bantuan, jadi ini sama. Jadi dari segi proses meminjam, memberi kepada yang perlu diberi.

Satu lagi yang ingin saya sentuh mengenai Belanjawan ini ialah soal apa yang telah diperkatakan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan sebagai kejayaan pihak Kerajaan untuk menganjur upacara-upacara besar-besaran seperti CHOGM, Sukan SEA dan sebagainya dan diperkatakan juga

Kerajaan telah membelanjakan \$40 juta untuk CHOGM. Walaupun ramai yang mengatakan mengenai belanja yang sebenarnya, kalau termasuk belanja pegawai-pegawai yang berkhidmat secara tidak langsung ia mungkin mencapai jumlah yang lebih besar. Ada yang mengatakan \$100 juta, ada yang mengatakan \$200 juta dan ada yang mengatakan \$300 juta lebih. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya pernah berkata bahawa kalau sekiranya rakyat di kawasan luar bandar masih menderita dan hidup dalam kepapaan, berapa jumlah belanja yang kita memperuntukkan untuk mengurus CHOGM, untuk mengurus Sukan SEA, kalau sekiranya mereka masih dalam keadaan menderita, hasrat kita itu tidak tercapai dan rakyat masih juga menderita dan kita belum mencapai matlamat yang sebenarnya.

Begitu jugalah dengan peruntukan yang diberi oleh pihak Kerajaan di masa lepas dan di masa kini, sama ada wang yang hilang macam garam dicampak di dalam laut ataupun kerugian yang dihadapi secara terang. Misal kata penyelewengan skandal-skandal yang berlaku, kalau kita hitung setakat ini semenjak tahun 1970 ataupun selepas itu sehingga setakat ini, kerugian yang ketara, wang Kerajaan yang diselewengkan, hampir mencapai jumlah \$10 ribu juta. BMF sahaja \$2.5 juta, kemudian menurut laporan pertengahan tahun ini ia menunjukkan kerugian sebanyak \$1.5 ribu juta, kemudian MAMINCO—lebih seribu juta ringgit, kemudian belanja-belanja untuk yang lain pula seperti PERWAJA Terengganu walaupun Kerajaan sekarang hendak mengambil alih daripada pihak Jepun tetapi juga saya rasa masih menanggung hutang yang begitu besar. Dan banyak lagi kes skandal yang melibatkan wang Kerajaan yang begitu banyak. Jadi, tibalah masanya untuk kita berjuang ke arah menentukan supaya wang ini tidak disalurkan secara yang tidak betul hingga melibatkan

penyelewengan yang begitu besar, skandal-skandal yang begitu besar dan supaya daripada wang ini mengalir keluar menuju ke arah yang tidak betul, lebih baik wang ini kita jaga dengan betul dan disalurkan kepada rakyat jelata di negara kita ini yang benar-benar memerlukan.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Ahli Yang Berhormat dari Jerai.

Tuan Haji Ghazali bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya minta lagi penjelasan Tiga empat hari yang lalu, Yang Berhormat dari Simunjan meminta supaya CHOGM diadakan di Simunjan. Ini satu pandangan yang saya rasa, pandangan beliau pada dua tiga hari yang lalu menunjukkan bahawa CHOGM itu bagus dan baik diadakan dan dengan sebab itu beliau mengajak supaya CHOGM ini pada masa hadapan diadakan di Simunjan. Jadi, macam mana pula dengan ucapannya pada hari ini?

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua, saya bukan mempersoalkan CHOGM diadakan. Saya mempersoalkan perbelanjaan untuk mengadakan CHOGM. Kalau hendak diadakan di Simunjan, boleh insya Allah, saya aturkan, tetapi dengan belanjanya kalau dapat sejuta ataupun dua juta ringgit, misal kata. Saya tidak mempersoalkan CHOGM jangan diadakan, saya mengalu-alukannya, tetapi dari segi belanjanya mahu jaga, kerana wang ini wang rakyat. Jadi, bukan soal saya tidak suka ini, tidak suka itu. Saya suka pembangunan, saya suka Jambatan Pulau Pinang, saya suka juga tengok bangunan Daya Bumi, saya suka juga tengok PERWAJA Terengganu, saya suka juga tengok EON ataupun projek Proton Saga, projek HICOM dan sebagainya, tetapi saya soalkan dari segi belanjanya. Saya suka juga tengok orang memberi pinjaman kepada rakyat, tetapi jangan salah beri pinjaman itu kepada orang di

Hongkong misal kata yang kita tahu akan menyelewengan wang Kerajaan. Dari segi pengurusan perbelanjaan itu, saya rasa tiba masanya untuk kita memberi perhatian yang lebih berat kepada belanjabelanja Kerajaan supaya apa yang kita maksudkan itu dapat tercapai iaitu untuk menyalurkan pembangunan kepada pihak rakyat yang sebenarnya berhak atas wang ini dan berhak untuk mendapat projek-projek pembangunan yang sebenarnya.

Satu lagi dari segi pembangunan ini, penyelarasan mesti kita adakan. Jangan kita membangun berasaskan kepada ideologi politik. Itu yang saya kata tadi, kadang-kadang kita ini pada masa pilihanraya sahaja beri projek yang banyak. Kadang-kadang di kawasan-kawasan di mana Pembangkang ada memang kita tidak beri. Kadang-kadang oleh kerana takut sangat dengan pembangkang kuat kita beri banyak-banyak, ada. Kerana di kawasan saya dahulu, saya ingat Kerajaan luluskan projek sebanyak-banyak. Ini kerana kawasan itu pembangkang. Jadi, oleh kerana itu, kita takut nanti untuk mendapatkan banyak projek pembangkang mesti kuat. Jadi, ini sesuatu yang boleh menyebabkan rakyat itu berpaling tadah kepada orang lain. Dan ramai yang mengatakan pergi di kawasan saya, oleh kerana saya ini sudah masuk parti lain, mereka kata, "Tengok Yang Berhormat Bujang Ulis, dia kata sepatutnya Simunjan ini mendapat \$300 ribu peruntukan Ahli Parlimen. Sekarang mana ada? Rakyat Simunjan rugi. Tetapi saya check dengan D.O., wang itu ada juga, alhamdulillah—bukan menerusi saya, tetapi menerusi Pegawai Daerah, alhamdulillah. Ada juga keadilan bagi pihak Kerajaan dan Yang Berhormat Menteri. Memang adil betullah, tetapi jangan kita besar-besarkan kerana kadang-kadang mereka memperbesarkan ini, "Tengok Yang Berhormat bukan dalam Barisan Nasional, projek \$300 ribu tidak ada." Jadi, sebenarnya ada, terima kasih

kepada pihak Kerajaan. Walaupun \$300 ribu telah diperuntukkan tetapi yang datang itu lebih daripada itu, lebih daripada \$300 ribu—saya rasa mahu dekat \$1 juta.

Rakyat ini rakyat kita, sistem ini sistem kita. Kita memilih sistem demokrasi berparlimen, kita benarkan berbagai parti untuk wujud. Kita benarkan parti Kerajaan—siapa yang menang dengan kerusi yang banyak, Kita juga dengan sistem demokrasi ini benarkan Parti Pembangkang untuk wujud. Dan kita benarkan juga yang setengah-setengah, kalau ada. Jadi, oleh kerana kita pada mulanya sudah benarkan wujud sistem ini, wujud parti Kerajaan, wujud Parti Pembangkang, wujud parti bebas dan sebagainya maka kita terpaksa terima hakikat itu. Kita janganancam-mengancam dari segi pemberian sesuatu kepada rakyat kerana rakyat itu rakyat kita. Kita tidak boleh marah bahawa, "Ini penyokong Bujang Ulis, tidak baik orang ini, mesti mati masuk neraka." Tidak boleh. Mana tahu kali ini mereka mati masuk neraka, kali baru masuk syurga—tidak mungkin, kawan dia mati dahulu yang masuk neraka. Yang masuk syurga itu mati kemudian. Jadi, saya mohon pihak Kerajaan supaya menerima hakikat yang sebenar. Adanya pembangkang, adanya bebas dalam sistem kita kerana kita pada mulanya menerima sistem itu. Dan siapa sahaja yang memimpin harus memberi pembangunan dan sumbangan kepada rakyat sama rata, seadil-adil dan sesaksama-sesaksama supaya negeri dan negara kita dapat membangun.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh tentang pendidikan di negara kita ini. Satu saranan yang ingin saya buat ialah, walaupun saya ini pernah menjadi Timbalan Menteri Pendidikan, tetapi saya melihat ada lojiknya kalau dapat diterima oleh pihak Kerajaan, dari segi institusi pengajian tinggi ini.

Saya lihat di Kedah sudah ada Universiti Utara, di Serdang Kuala Lumpur ada UPM, di Bangi ada UKM, UTM di Johor, kemudian di Terengganu dan sebagainya. Jadi, pusat-pusat pengajian tinggi ini perlu disebarkan di Sabah dan Sarawak. Kalau dapat sebuah pun cukup. UPM Sarawak itu kita tahu, Cawangan UPM di sini, tetapi bukan institusi pengajian tinggi yang statusnya sebuah universiti. Kalau kita boleh buat di Semenanjung sampai enam-tujuh buah, kenapa tak boleh buat untuk Sabah-Sarawak dibuat berhampiran Brunei, di antara Sabah dan Sarawak sebuah universiti supaya dapat, dengan izin, to cater for the needs of the Sarawakians and the Sabahans who are also Malaysians and also to cater for the needs of those who want study di universiti itu dari Semenanjung Malaysia. Kerana universiti ini bukan terhad . . .

Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Kalau kita buat universiti di Sarawak, di Simunjan khasnya, ramaikah orang yang hendak masuk?

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Larut itu nampaknya tak faham sistem universiti kita ini. Universiti ini bukan kalau dibuat di Sarawak, bukan untuk orang Sarawak sahaja sebenarnya, tetapi juga untuk orang di sini. Kita buat di sini pun untuk orang Sabah dan Sarawak juga, kerana kalau dibuat di Sarawak bukan hanya untuk Sarawak, tetapi yang kita inginkan bukan untuk sesiapa, kita inginkan bangunan universiti di Sarawak, orang Semenanjung datang belajar di Sarawak—macam itu. Memang-sudah pasti kerana universiti ini di bawah jagaan Kerajaan dan kalau tak ada orang datang belajar, saya rasa Kerajaan itu. . . .

Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: Sekali lagi, last one. Tuan Yang di-Pertua, kenapakah saranan hendak buat universiti di

Sarawak tidak dikemukakan ketika yang bercakap begitu pantas menjadi Timbalan Menteri Pendidikan Malaysia dahulu?

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis:

Tuan Yang di-Pertua, memang saya sudah selalu bercakap dahulu, saya cakapkan dengan Menteri. Jadi, memang benar, tetapi kita bila sudah duduk dalam Kabinet, kita tahulah sistem kita—collective responsibility. Tak bolehlah cakap di luar. Macam Yang Berhormat Menteri-menteri mana dia boleh bercakap untuk minta untuk Batu Pahat umpamanya, secara melaung-laungkan begitu. Nanti boss-nya marah pula. Jadi, memang saya berusaha dahulu, untuk menentukan supaya dibuat ataupun UPM sekarang yang ada sekarang di Bintulu ditukarkan kepada "full university status", dengan izin, dan dipisahkan daripada universiti UPM Sarawak.

Timbalan Menteri Perusahaan Awam (Tuan Haji Daud bin Dato' Taha): Tuan Yang di-Pertua, saya tak minta universiti di Batu Pahat, kerana saya jangka tempat-tempat yang ada sudah sesuai dan patut. Saya tidak minta benda yang tidak patut.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis:

Tuan Yang di-Pertua, saya tahulah Ahli Yang Berhormat itu tidak minta benda yang tidak patut, tetapi saya sekarang minta yang patut (*Ketawa*). Memang saya rasa patut, dipisahkan UPM Sarawak itu daripada pusat di Serdang supaya dapat jadi universiti penuh.

Yang satu lagi ingin saya sarankan ialah dah segi pendidikan, minta maaf, mungkin orang kata saya dahulu jadi Timbalan Menteri Pendidikan, tetapi saya rasa kalau kita terus menjalankan supaya kemasukan ke universiti itu daripada Sarawak dan Sabah itu, kita bantulah Ahli Parlimen dari Sarawak dan Sabah ini supaya diperbanyakkan. Kerana setakat ini, saya fikir

kemasukan dari Sabah-Sarawak di universiti tempatan di negara kita hanya lebih kurang paling tinggi dari kedua-dua negeri itu hanya 5%. Saya tahu, daripada Sabah dan Sarawak dikumpulkan semua yang berada di universiti tempatan negara kita ini lebih kurang 5%. Alasannya ialah kerana pencapaian STPM tak baik. Jadi, saya juga dahulu telah mencadangkan supaya kalau hendak menentukan pencapaian yang baik, hantarkan guru-guru yang baik, ataupun ambil orang-orang dari sana, latihlah supaya mereka dapat jadi guru yang baik supaya keputusan mereka itu jadi baik. Jadi, itu saya sarankan supaya diperbanyakkan, menyedari bahawa mereka ini ramai yang tertinggal dan sebagainya supaya dapat diperbanyakkan untuk menentukan supaya ketidakeimbangan itu dapat kita hapuskan. Dan juga dan Batu Pahat, kalau dapat diperbanyakkan. Kita sokong Ahli Yang Berhormat dari Batu Pahat itu.

Tuan Yang di-Pertua, akhir kata dari aspek pendidikan, pihak Kerajaan haruslah cepat menyelaraskan sistem-sistem pendidikan negara kita ini. Kita mengalu-alukan hasrat Kerajaan untuk memperbaharui Akta Universiti dan Kolej Universiti dan sebagainya dan menyelaraskan sistem pendidikan negara kita ini dari segi bahasa misal kata, kerana sekarang ini masih ada orang yang belum tahu apa Bahasa Baku. Mungkin Timbalan Menteri Pendidikan sendih, walaupun beliau menjawab soalan di Dewan ini mengenai Bahasa Baku, tetapi mungkin belum faham betul-betul apa Bahasa Baku dan belum boleh menggunakan Bahasa Baku. Jadi, kita mahu penjelasan yang sebenar kepada kita ini, kerana kita Wakil Rakyat, dan kita perlu memahami pembangunan ataupun pergolakan dalam pembangunan bahasa di negara kita ini.

Di samping itu juga kita harus berusaha untuk memperkayakan bahasa di negara kita, Bahasa Malaysia

ini kita harus perkayakan dengan mengambil kira bahasa-bahasa tempatan seperti di Kelantan, di Sarawak sudah tentulah kerana saya selalu kemukakan, di Sabah, ada bahasa-bahasa yang mungkin mempamerkan kekayaan dalam bahasa. Dari Negeri Sembitan, dari Pasir Mas juga saya rasa boleh kita perkayakan bahasa kita dengan mengambil kira bahasa tempatan yang digunakan. Tetapi di Sarawak itu sudah banyak bahasa Iban diambil kira, saya rasa macam "merarau". Mungkin Ahli Yang Berhormat dari Sarawak ada yang marah saya berucap. "Merarau" itu ertinya "makan tengah hari", "berandau" ertinya "duduk di beranda dengan kaki yang relax, ada yang berlunur, ada yang tidak, atau "dayung" dalam bahasa Bidayuh ertinya "perempuan atau wanita". Kalau orang bertanya kepada kita "ada kamu dayung?" Ertinya, ada kamu wanita? Jadi, misal kata kita perkayakan bahasa di negara kita ini dengan mengambil kira bahasa-bahasa tempatan yang dapat mewujudkan satu persefahaman dan perpaduan yang hakiki di kalangan rakyat di negara kita ini.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, ada Ahli Yang Berhormat hendak meminta penjelasan.

Puan Hajjah Sharifah Dorah binti Dato' Syed Mohammed (Parit Sulong): Penjelasan: Bahawa dalam bahasa Arab, "radak" itu maknanya "makan tengah hari". Sebab itu dalam bahasa Melayu ada perkataan "meradak".

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Oh! ya, kalau Ahli Yang Berhormat kata betul, betul. Jadi, kadang-kadang tentang bahasa Arab ini ada orang yang tahu, ada orang yang tak tahu. Macam nama pun ada yang panggil "Razak". Mengikut ulamak, itu tak boleh, saya difahamkan. Razak, Rahim, Rahman, Karim dan sebagainya, mesti dipanggil

Abdul Karim ataupun Abdul Rahman. Bujang tak ada Abdul, mana boleh. (*Ketawa*)

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya sekali lagi mengucapkan terima kasih atas peluang yang diberi kepada saya ini yang menjadi Ahli Parlimen yang kedua bercakap mengenai rang undang-undang ini dan saya yakin bahawa apa yang diberi oleh pihak Kerajaan, diperuntukkan bagi Belanjawan 1990 itu akan dapat disampaikan kepada rakyat jelata.

Saya juga yakin bahawa Kerajaan ini bukan kerajaan yang hanya memberi sesuatu masa ingin memancing undi. Nanti takut mereka juga terpancing atau dipancing—takut, yang memancing itu terpancing. Itu kita takut. Saya bercakap selalu dengan rakyat ini—Yang Berhormat kami tahu tidak ada hal, mereka kata. Biar mereka beti \$1 juta projek itu, undi tetap untuk mereka, tidak. Undi di tangan kami. Kalau kami tengok muka Yang Berhormat itu, misal kata mereka, mungkin kami akan kasihan, kami undi. Jadi timbul rasa kasihan pula kerana kita tidak dapat beri projek, kasihan pula kepada kita ini, dengan air mata yang jatuh berlenangan, bercakap di hadapan rakyat. Mungkin mereka kasihan dan undilah kepada kita walaupun projek daripada Kerajaan, erti Kerajaan belanja kita untung. Itu tidak menyeleweng, itu orang kasihankan kita, kerana kita terima kasihan mereka itu kepada kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasihlah atas peluang yang diberi kepada saya. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Kuala Terengganu.

6.02 ptg.

Tuan Zubir bin Embong (Kuala Terengganu): Saya ucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua

kerana memberi peluang kepada saya untuk turut sama membahaskan ucapan Belanjawan yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan pada 27hb Oktober yang lalu.

Saya bagi pihak penduduk dalam kawasan Parlimen Kuala Terengganu mengucapkan syabas dan terima kasih kepada Menteri Kewangan yang telah membentangkan suatu belanjawan yang boleh dikatakan tidak membebankan dan rakyat boleh tidur lena sebagaimana diucapkan oleh beliau.

Kepada saya ucapan Belanjawan ini amat penting untuk direnung dan dianalisa bukan sahaja kerana isi kandungannya bahkan juga kerana ia merujuk kepada tahun 1990. Tahun 1990 adalah merupakan tahun yang menjadi detik penentu kerana dalam tahun 1990 Dasar Ekonomi Baru akan tamat yang merupakan suatu dasar yang selama ini dianjurkan dan dilaksanakan oleh Kerajaan untuk mewujudkan kestabilan politik dan keadilan sosial dalam negara kita. Dalam tahun 1990lah selepasnya kita dapat mengukur kemampuan serta kejayaan Dasar Ekonomi Baru sama ada dari segi dasarnya ataupun dari segi perlaksanaannya dalam negara kita.

Kalau kita lihat hari ini, orang-orang bukan Melayu melahirkan rasa kurang senang dan kurang puas hati tentang Dasar Ekonomi Baru. Semacam menampakkan mereka iri hati pencapaian orang-orang Melayu. Mereka mengemukakan statistik mereka sendiri bahawa orang Melayu telah pun mencapai melalui Dasar Ekonomi Baru lebih daripada apa yang telah disasarkan. Sebaliknya pula orang-orang Melayu melahirkan rasa susah dan bimbang mereka pada masa hadapan selepas 1990 kerana pada tahun itu akan tamat Dasar Ekonomi Baru, suatu perlindungan kepada mereka akan habis. Tambahan pula mereka mengemukakan juga statistik mereka sendiri bahawa pencapaian

telah dibuat oleh orang-orang Melayu pada masa sekarang jauh daripada apa yang dimaksudkan oleh Dasar Ekonomi Baru itu sendiri. Pada masa ini penyertaan orang-orang Melayu hanya 4% sebagai penyertaan individu berbanding dengan apa yang telah dicapai oleh orang-orang bukan Melayu.

Boleh dikatakan tidak ada golongan yang merasa puas hati. Kalau bertanya kepada orang Melayu, orang Melayu merasakan dasar ini perlu diteruskan kerana apa yang mereka mahu belum lagi diperolehi. Sebaliknya pula orang-orang bukan Melayu mahukan dasar ini dihentikan sebagaimana yang kita dengar sebentar tadi yang diucapkan oleh Yang Berhormat dari Tanjong.

Saya melihat pemimpin-pemimpin negara mempunyai pandangan jauh terhadap polemik yang seperti ini. Lalu dengan kebijaksanaan ini telah menubuhkan Majlis Perundingan Ekonomi Negara sebagai satu platform, dengan izin, untuk membolehkan semua orang sama ada daripada orang-orang Melayu ataupun orang-orang bukan Melayu yang kepentingan mereka adalah berbeza dan bertentangan di antara satu sama lain. Untuk mencari satu formula, perbincangan secara terbuka dari hati ke hati dalam Majlis Perundingan Ekonomi Negara. Untuk mencari kata sepakat untuk kepentingan negara pada masa akan datang. Tindakan yang seperti ini menggambarkan satu sifat yang begitu Islamic oleh Kerajaan Barisan Nasional. Tetapi malangnya, walau bagaimana Islamic pun caranya dari segi konteks walaupun bukan dari segi rupa, dari segi form, bagi parti yang memperjuangkan kononnya Islam sebagai dasar atau ideologi mereka, tidak pernah pun memberikan kata pujian dan sanjungan terhadap penubuhan Majlis Perundingan Ekonomi Negara. Walaupun pada parti baru yang mengatakan mereka mahu memperjuangkan Islam sebagai Addin pun gagal juga

memberi pujian dan sanjungan terhadap penubuhan Majlis Perundingan Ekonomi Negara.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita melihat dari segi ajaran Islam pun konsep musyawarah ini memang dianjurkan oleh Islam sebagaimana yang disebut di dalam Al-Quran yang maksudnya, "Kalau tidak dengan rahmat Allah, nescaya hati engkau Ya Muhammad tidak akan letnbut terhadap mereka. Kalaulah engkau berkeras kepala dan keras hati terhadap mereka, nescaya mereka akan bertempiran lari daripada kamu. Oleh itu berilah keampunan kepada mereka dan berhstigfarlah bagi pihak mereka dan berbincanglah, bermusyawarahlah dengan mereka dalam satu-satu perkara. Apabila telah kamu mencapai cita-cita dan kata sepakat, dan berserah dirilah kepada Allah s.w.t. Sesungguhnya Allah itu kasih kepada mereka yang bertawakal kepadaNya."

Perkara yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, dengan penubuhan Majlis Perundingan Ekonomi Negara ini kita mengharapkan anggota-anggotanya akan mengutamakan akal dan mengeneipikan perasaan dalam masa mereka berbincang untuk mencari fonnula yang baik bagi kepentingan negara pada masa akan datang.

Apa yang saya ketahui dan diberitahu di dalam Majlis Perundingan Ekonomi Negara ini nampaknya mereka lebih mengutamakan perasaan. Majlis Perundingan Ekonomi Negara digunakan sebagai tempat untuk melepaskan rasa geram dan marah. Golongan yang kurang berpuas hati mengecam golongan yang kononnya mendapat keuntungan daripada Dasar Ekonomi Negara. Kadangkala kecaman-kecaman ini tidak berasas dan tidak patut dikeluarkan oleh mereka yang menjadi anggota Majlis Perundingan Ekonomi Negara. Kerana kepada saya orang yang mengutamakan akal dalam

perundingan dan perbincangan adalah menggambarkan sifat manusta yang bertamaddun. Tetapi kalau dalam perundingan dan perbincangan itu diutamakan perasaan, maka ia lebih menggambarkan kerendahan akal budi semata-mata.

Saya juga memuji langkah Kerajaan menubuhkan MPEN ini kerana ia menggambarkan satu sikap yang begitu demokratik dan tidak ada dalam sejarah moden negara di mana-mana pun di dunia pada hari ini, Kerajaan yang memerintah memberi peluang kepada golongan pembangkang, golongan yang tidak menyokong Kerajaan untuk turut sama menyumbang pandangan dan fikiran bagi menyelesaikan satu masalah bagi kepentingan negara pada masa akan datang. Inilah yang dikatakan sebagai the true spirit of democratic government.

Penubuhan ini juga menggambarkan kematangan politik Kerajaan Barisan Nasional. Pada hari ini kita ada Parti Pembangkang dalam Parlimen tetapi malangnya Parti Pembangkang ini tidak mempunyai pembawaan, mempunyai kewibawaan, sifat sebagai Parti Pembangkang. Kritikan mereka tidak merupakan satu kritik yang constructive tetapi lebih merupakan kritikan yang destructive.

DAP misalnya, apa yang telah ditunjukkan oleh Yang Berhormat dari Tanjong setaku Ketua Pembangkang menyebut perkataan "CHOGM" sebagai "costly holiday for heads of governments", adalah merupakan satu perbuatan yang tidak boleh diterima oleh akal dan menggambarkan kerendahan fikiran dan kerendahan budi Parti Pembangkang itu sendiri. (*Tepuk*) Saya pun boleh meletakkan DAP itu sebagai Dakyah Angkatan Pembangkang, Walaupun pada namanya mereka katakan DAP

itu sebagai Democratic Action Party, tetapi dari tindakan mereka menggambarkan sebagai Undemocratic Action Party. (*Tepuk*)

Tuan Lau Dak Kee: Tuan Yang di-Pertua, tidak cukup korum.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, duduk dahulu! Kita tidak cukup korum. Setiausaha, bilang—19 Ahli. Bunyikan loceng.

Loceng dibunyikan.

(Ahli-ahli dikira; 26 Ahli hadir).

Timbalan Yang di-Pertua, (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Sekarang sudah ada 26 Ahli, cukup korum. Teruskan Yang Berhormat dari Kuala Terengganu.

Tuan Zubir bin Embong: Ya. Oleh kerana sifat yang tidak begitu bertanggungjawab oleh Parti Semangat 46 dan juga DAP. (*Tepuk*)

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana telah saya sebutkan tadi DAP ini ialah singkatan kepada Dakyah Angkatan Pembangkang. Telatah yang mereka tunjukkan sebagai anggota MPEN bukan mahu menyumbangkan buah fikiran yang baik, untuk mencari jalan dan penyelesaian, apa yang mereka sebutkan di situ adalah merupakan semata-mata untuk kepentingan politik sempit mereka dan juga bersifat perkauman atau chauvinistic. Oleh kerana itu mereka gagal memainkan peranan yang telah diamanahkan oleh rakyat. MPEN digunakan sebagai satu tempat untuk mengaut keuntungan politik semata-mata. Mereka tidak memikirkan kepentingan negara.

Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali): (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, Yang Berhormat Timbalan Menteri minta penjelasan.

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Ahli Yang Berhormat dari Kuala Terengganu, sama ada beliau sedar apabila beliau mengatakan bahawa DAP kurang bertanggungjawab bahawa Ahli DAP dari Kawasan Pasir Pinji telah bangun menyuarakan tidak ada korum dan apabila Ahli-ahli Parlimen yang lain tergesa-gesa masuk ke Dewan, beliau keluar daripada Dewan, supaya korum tidak cukup dan kita tidak dapat untuk membincangkan masalah berkenaan dengan rakyat. Apakah pandangan Yang Berhormat berkenaan dengan perkara ini?

Tuan Zubir bin Embong: Dua kali tidak bertanggungjawab.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana DAP gagal memainkan peranan mereka di dalam MPEN, dengan kerana tujuan penubuhan MPEN ini . . .

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan. Saya kira dari segi korum ini Semangat 46 juga tidak bertanggungjawab, kecuali Ahli dari Kuala Nerus sahaja yang bertanggungjawab. (*Tepuk*)

Tuan Haji Ibrahim Azmi bin Hassan: Setuju. (*Ketawa*)

Tuan Zubir bin Embong: Oleh kerana DAP ini gagal memainkan peranan yang telah diamanahkan untuk mencari satu formula yang baik bagi kepentingan negara pada masa akan datang, mengguna, mengutamakan emosi hanya untuk mencari kepentingan politik yang sempit semata-mata, maka kumpulan DAP ini kita namakan sebagai kumpulan yang tidak mempunyai kesetiaan

kepada negara. Kalau pun mereka mempunyai kesetiaan kepada negara, tetapi kita boleh istilahkan kesetiaan mereka itu sebagai self-interested loyalty, ertinya apa yang mereka buat tidak mendatangkan kepentingan atau keuntungan politik kepada mereka, mereka tidak sokong, mereka tidak memainkan peranan mereka. Sebab itu, besok, kalau saya dibenarkan menyambung ucapan saya ini, saya akan menyebutkan lagi perkataan "self-interested loyalty" yang mana mereka ini menyokong ataupun setia kalau dalam keadaan memberi keuntungan kepada mereka.

Tuan Yang di-Pertua, begitu juga dengan Parti Pembangkang PAS. Malangnya, wakilnya yang seorang diri itu tidak ada di sini. Sebuah parti yang kononnya memperjuangkan Islam sebagai satu cara hidup sebagaimana yang pernah disebutkan oleh pemimpin-pemimpin mereka, masuk kampung keluar kampung, itulah ucapan yang dibuat, kalau hari ini membuat ucapan, besok pun membuat ucapan yang serupa. Mereka juga dijemput untuk mewakili golongan-golongan orang Melayu Islam di dalam MPEN. Tetapi yang menjadi perkara yang dikesalkan ialah kata sahaja mereka mahu memperjuangkan Islam tetapi wakil yang mereka hantar untuk menduduki kerusi sebagai ahli jawatankuasa dalam MPEN adalah merupakan orang yang tidak berwibawa untuk membahaskan Dasar Ekonomi Baru, kalau betul mereka mahu memperjuangkan Islam dan peluang yang telah diberikan kepada mereka, kerana MPEN ini mengikut Yang Amat Berhormat Timbalan Menteri adalah merupakan satu forum atau majlis yang kedua selepas daripada Parlimen membentuk satu Dasar Ekonomi Negara—bukan kecil dan PAS yang begitu bercita-cita besar tidak pernah diberi peluang dan sekarang ini dibeh peluang dan mereka menghantar orang yang tidak mampu untuk membicarakan dasar

ekonomi Islam. Ke mana perginya Abdul Hadi Awang, ke mana perginya Nik Abdul Aziz yang dianggap dan ditonjolkan sebagai tokoh ulamak besar Parti PAS? Kenapa mereka tidak masuk ke dalam MPEN sebagai anggota dan membentangkan pandangan mereka menurut pandangan Islam? Bagaimana untuk memperbaiki Dasar Ekonomi Negara supaya bersesuaian dengan pandangan Islam. Oleh kerana mereka gagal memainkan peranan yang seperti ini sebenarnya nampak jelas PAS telah mempergunakan politik, mempergunakan Islam untuk kepentingan politik mereka sendiri.

Timbalan Yang di-Pertua, (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud); Yang Berhormat dari Larut hendak apa?

Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: Bolehkah kita tahu, siapakah joki-jokf PAS dalam MPEN itu?

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Joki?

Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: Wakil-wakil PAS dalam MPEN (*Ketawa*) kerana bunyinya tidak pandai benar. (*Ketawa*)

Tuan Zubir bin Embong: Sudah kerana Yang Berhormat dari Larut sebut tidak pandai benar, maknanya dia pun sudah tahu, tidak guna saya beritahu kalau dia sudah tahu, Memang betul orang-orang ini memang tidak pandai. Tidak tahu pun membahaskan dasar ekonomi Islam. Jadi, sebab itu saya katakan bahawa PAS ini memang sebuah parti politik yang mempergunakan Islam untuk kepentingan politik mereka, Politik yang bersifat duniawi. Di kawasan Kuala Terengganu, ada beberapa orang tokoh PAS yang masuk kampung, sekarang ini mereka bekerjasama dengan Semangat 46. Kalau Parti PAS berceramah, dia pun turut

sama berceramah. Kalau Timbalan Presiden PAS berceramah, adalah wakil Semangat 46 seorang berceramah. Jadi, kalau dia pun tidak berapa faham berkenaan dengan Islam, kalau Haji Abdul Hadi itu berceramah, dia pun ikut nada yang sama. Kita pun boleh baca keadaan ucapan itu semuanya menggambarkan kejahatan dia, ketidaktahuan dia mengenai Islam tetapi dia mesti berpura-pura dan mesti bercakap mengenai Islam sebab dia sekarang berada dalam sebuah parti yang mahu memperjuangkan Islam sebagai Addiin.

Tuan Yang di-Pertua, kepada orang PAS, mulia atau buruknya seseorang Islam, tinggi atau rendahnya iman seseorang Melayu yang Islam di negara ini tidak bergantung kepada amalan dan keyakinan, kepercayaan dan kekuatan ibadatnya tetapi bergantung kepada sama ada dia Ahli PAS atau tidak Ahli PAS. Kalau dia bukan seorang Ahli PAS, walau bagaimana tinggipun ilmunya, maka ia dianggap sebagai ulama yang "suk"—ulama yang jahat. Walau bagaimana kuat pun imannya, maka ia dianggap lemah di kaca mata orang-orang PAS. Sebab itu berlaku perpecahan di kalangan masyarakat Melayu Islam sekarang ini di mana kalau di kawasan saya, di kawasan Marang pun begitu juga, di Tanah Merah pun serupa, Kuala Kerai pun serupa, sepasang suami-isteri yang berkahwin tetapi kebetulannya ia dikahwin, dinikahkan oleh seorang imam yang kebetulan tidak menyokong PAS maka apabila datang parti ini yang membawa satu fatwa yang baru, undang-undang yang baru, pengetahuan yang baru, pandangan yang baru, hidup mengenai Islam yang baru, lalu pasangan ini mesti dinikahkan semula oleh orang yang menyokong PAS, oleh imam yang menyokong PAS barulah dianggap perkahwinan itu sah dari segi kaca mata Islam. Sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua, Islam itu universal. Orang yang memeluk Islam bukan

hanya orang Melayu. Ia terbuka juga kepada orang-orang Cina, orang India. Di negeri China ada 35 juta umat Islam, di India ada 65 juta umat Islam. Apa jadi kepada mereka kerana Parti PAS tidak ada di sana? Malangnya, hari ini wakil dari Pengkalan Chepa tidak ada untuk menjawab apa yang saya tanya.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Ahli dari Tanah Merah.

Tuan Hashim bin Safin: Tuan Yang di-Pertua, pohon penjelasan. Mengenai fatwa PAS dalam konteks perpecahan ini yang mana satu ketika PAS pernah mengatakan tidak boleh bekerjasama dengan orang kafir untuk mentadbir negara. Usahkan kerana kafir, orang UMNO dalam Perikatan pada satu ketika dikatakan kafir kerana bekerjasama dengan orang yang bukan Islam. Sekarang apakah pandangan atau penjelasan Yang Berhormat mengenai kerjasama di antara PAS, Semangat 46 dan DAP ke arah haluan dan gagasan yang mereka buat dalam konteks kekuatan ummah.

Tuan Zubir bin Embong: Tuan Yang di-Pertua, jawapannya senang sahaja—Wakil DAP ada masuk, sekurang-kurangnya dengar apa yang saya cakap.

PAS telah menjilat kembali apa yang dia sudah ludah 2 atau 13 tahun yang lampau. (*Tepuk*) Orang yang macam ini orang yang tidak bermoral, orang yang tidak ada harga diri, orang yang tidak ada credibility, dengan izin, tambah pula dia bekerjasama dengan DAP, sebuah parti yang memang anti Islam. Saya pun hairan macam mana DAP atau PAS boleh menerima DAP. Semangat 46 minta penjelasan okay.

Tuan Haji Ibrahim Azmi bin Hassan (Kuala Nerus): Boleh saya minta penjelasan, Tuan Yang di-Pertua?

Tuan Zubir bin Embong: Boleh beri.

Tuan Haji Ibrahim Azmi bin Hassan: Saya nampak saudara dari Kuala Terengganu dalam ucapannya semata-mata mengecam ataupun mengeji pada Parti PAS dan sebagainya. Saya rasa kita duduk sebelah sini sebagai Wakil Rakyat ianya bercakap kepada Kerajaan. Itu rasa saya, bukan bercakap kepada parti Pembangkang.

Yang keduanya, di atas sepatutnya apabila kita tengok daiam sesama dalam kita ada didapati tidak betul, dahulu-dahulu dan sebagainya. Kita mencari jalan untuk membetul dan mencari jalan untuk menyatu bukan untuk mencari jalan untuk memecah. Oleh yang demikian, apa yang telah disebut oleh Yang Berhormat itu perkara yang berlalu yang ianya rasa saya kita sama-sama perbaiki tetapi kalaulah semangat Yang Berhormat sentiasa begitu keadaannya seolah-olah kalau kita pergi kepada zaman Nabi dahulu, Nabi hendak ungkit tentang Saidina Umar masa dia kafir dahulu, begitu, jadi bagaimanakah kita akan boleh berbaik antara kita sesama kita. Oleh yang demikian, rasa sayalah dalam ucapan Yang Berhormat itu walaupun perkara itu betul tetapi saya rasa lebih baik bagi kita mencari jalan apakah supaya dapat kita menyatukan antara kita sesama kita, khususnya orang-orang Melayu dan begitu juga menyatupadukan antara semua kaum dalam negara kita. Itu pendapat saya.

Tuan Zubir bin Embong: Cara untuk bersatu-padu seluruh orang Melayu senang sahaja iaitu Semangat 46 dibubarkan dan masuk UMNO. PAS dibubarkan dan masuk UMNO. Solve the problem. Let DAP remain outside.

Tuan Haji Ibrahim Azmi bin Hassan: Saya minta jatan sedikit lagi. Itu dalam soalan parti politik. Dalam sesebuah negara . . .

Tuan Zubir bin Embong: Ada lagi soalan yang kedua saya hendak jawab ini. Saya belajar mengecam PAS ini bukan daripada orang lain, daripada Yang Berhormat Kuala Nerus. (*Tepuk*) Saya mengikuti ucapan beliau berkali-kali (*Tepuk*) dalam masa kempen pilihanraya dan beliaulah orang yang lancang serta mengecam Parti PAS begitu rupa dan saya mengikut jejak langkah beliau. Kenapa pada hari ini beliau pandai menasihatkan kepada saya jangan mengecam PAS? Kenapa? Apakah kerana kepentingan beliau sudah tidak ada lagi dalam UMNO? Saya rasa itu sebabnya. Tidak salah untuk saya menjadi murid kepada seorang guru, tetapi jangan mengajar saya untuk kembali ataupun untuk masuk Semangat 46 kerana guru saya membuat salah langkah. Saya tidak akan membuat salah langkah.

Tuan Haji Ibrahim Azmi bin Hassan: Saya minta jalan. Betul, saya dahulu memang betul saya mengecam PAS dalam perkara hal kafir-mengkafir sahaja, hingga sampai kepada peringkat hendak menjadi debat dahulu dipilih, saya satu daripada ahli debat yang akan berdebat dengan PAS dalam soal kafir-mengkafir. Oleh itu, selagi saya duduk di dalam Barisan Nasional, rasa saya harus perkara kafir-mengkafir ini tidak akan hilang. Maka hari ini dalam kafir-mengkafir dalam PAS sendiri pun sudah tidak ada sekarang. Alhamdulillahlah. Jadi, sekarang seperti ucapan Ustaz Haji Abdul Hadi sendiri dan lain-lain semua mengatakan sebagai orang Islam, orang PAS—orang Islam, orang Semangat 46—orang Islam, orang UMNO (Baru) pun orang Islam. Jadi . . .

Tuan Zubir bin Embong: Tuan Yang di-Pertua, masa tidak cukup. Saya hendak jawab sedikit lagi sebelum Tuan Yang di-Pertua mengarahkan saya duduk.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Kuala Nerus, duduk. Yang Berhormat dari Kuala Terengganu boleh fikir malam ini, besok jawab pukul 2.30 petang. (*Tepuk*)

Tuan Zubir bin Embong: Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Mesyuarat ditangguhkan sekarang sehingga pukul 2.30 petang esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.